

Naskhah ini belum disemak

**PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

| Bil. 8 | Rabu | 8 April 2009 |
|--|------|---------------|
| K A N D U N G A N | | |
| JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN | | (Halaman 1) |
| USUL: | | |
| - Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat | | (Halaman 27) |
| RANG UNDANG-UNDANG: | | |
| - Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 | | (Halaman 28) |
| - Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009 | | (Halaman 77) |
| - Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008 | | (Halaman 79) |
| - Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008 | | (Halaman 95) |
| - Rang Undang-undang Pelantar Benua (Pindaan) 2009 | | (Halaman 105) |
| - Rang Undang-undang Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009 | | (Halaman 112) |
| - Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2009 | | (Halaman 116) |
| - Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008 | | (Halaman 127) |

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****RABU, 8 April 2009****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Sekali lagi Dewan Negara mengalu-alukan sambil menghargai kehadiran Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbalan Menteri kerana sedia *accountable* kepada Dewan Negara juga. Terima kasih.

1. Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah kementerian sedar sebilangan besar peniaga Melayu mula beralih ke kawasan pinggir-pinggir bandar untuk meneruskan perniagaan akibat peluang perniagaan di kawasan bandar telah dimonopoli oleh bangsa asing dan apakah langkah susulan yang dilakukan bagi mengatasi masalah tersebut.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan tidak mempunyai data yang tepat untuk menyatakan bilangan peniaga Melayu yang mula beralih ke kawasan pinggir bandar untuk meneruskan perniagaan akibat peluang perniagaan di bandar telah dimonopoli oleh warga asing seperti dakwaan Ahli Yang Berhormat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti perniagaan oleh warga asing terbahagi kepada dua iaitu perniagaan di dalam premis dan perniagaan di luar premis. Warga asing dibenarkan menjalankan perniagaan di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekiranya ia dijalankan dalam premis tidak termasuk pusat penjaja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan pusat-pusat penjaja swasta. Walau bagaimanapun, aktiviti perniagaan oleh warga asing di luar premis iaitu di atas bahu-bahu jalan tidak dibenarkan sama sekali. Dalam mendapatkan lesen premis perniagaan sama ada warganegara mahupun bukan warganegara yang memenuhi syarat-syarat imigresen adalah layak untuk memohon selaras dengan peruntukan undang-undang berkenaan permohonan lesen premis peniaga tersebut. Permohonan mereka layak dipertimbangkan untuk mendapatkan lesen sekiranya syarat-syarat dipenuhi selain dokumen-dokumen prasyarat yang telah ditetapkan dapat dikemukakan.

Di sini, sepatutnya tidak timbul persoalan mengapakah terdapat ramai peniaga warga asing yang menjalankan perniagaan dan memiliki lot-lot kedai kerana Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur telah memberikan lesen berdasarkan kepada permohonan untuk mendapatkan lesen dan lesen hanya diberikan kepada pemohon sekiranya dia benar-benar layak dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan. Di samping itu, terdapat juga pemilik-pemilik lesen premis perniagaan yang menggaji pekerja-pekerja dari kalangan warga asing untuk bekerja di premis-premis mereka. Keadaan ini memberikan gambaran seolah-olah premis-premis perniagaan tersebut dikuasai oleh warga asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, aktiviti perniagaan di luar premis pula adalah di bawah kawalan Jabatan Pembangunan dan Pengurusan Peniaga Kecil. Penglibatan warga asing adalah tidak dibenarkan sama sekali. Tindakan yang diambil terhadap peniaga bukan warganegara adalah dengan merampas barang-barang perniagaan mereka dan tidak dibenarkan untuk dibuat tuntutan semula. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengkaji dan mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan fenomena...

Tuan Yang di-Pertua: Baik, sekarang jika Yang Berhormat membuka peluang untuk pertanyaan tambahan.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Tuan Yang di-Pertua, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengkaji dan mengenal pasti beberapa faktor yang menyebabkan kawasan-kawasan penjaja dibenarkan kepada warga asing. Salah satu daripadanya ialah penjaja warga asing yang menceroboh masuk lot-lot kosong tepi jalan dan tempat letak kereta tetap meneruskan perniagaan walaupun tindakan penguatkuasaan sering diambil terhadap mereka. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Datuk Wira Syed Ali, kemudian Dato' Hajah Saripah Aminah dan kemudian Dato' Gooi Hoe Hin.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan yang menjawab soalan nombor satu. Pertanyaan tambahan saya adalah kerana saya melihat masih terdapat ramai lagi warga negara asing yang masih lagi menjalankan perniagaan sekitar Kuala Lumpur seperti di Chow Kit, Jalan Masjid India dan Jalan Tuanku Abdul Rahman serta Pasar Pudu. Mengapakah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak mengambil tindakan tegas bagi membenarkan peniaga-peniaga warganegara sendiri yang berniaga di kawasan tersebut. Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, seperti mana saya telah maklumkan Dewan yang mulia ini, ada beberapa faktor yang menjadi punca kepada soalan kenapakah pekerja asing kelihatan di seluruh Wilayah Persekutuan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, sikap peniaga tempatan yang menyewa dan memajak lesen-lesen yang dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Satu lagi faktor ialah pelesen telah menggaji pembantu gerai daripada kalangan warga asing terutama daripada Indonesia, Nepal, China dan India kerana sukar untuk mendapatkan tenaga kerja dari kalangan warga tempatan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah menjalan pemantauan serta mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas penjaja warga asing dan tumpuan diberikan di kawasan pusat bandar seperti Jalan Petaling, Jalan Masjid India dan Jalan Chow Kit. Satu lagi perkara yang penting dan Dewan ini harus memahami ialah dari segi dasar ataupun undang-undang yang diguna pakai, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur cuma boleh menyita barang-barang yang diniagakan oleh pendatang asing tetapi dari segi membuat penangkapan tertakluk kepada bidang kuasa Kementerian Dalam Negeri dan bukan dalam bidang kuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Syed Mohamed: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Akan tetapi siapakah yang mengeluarkan lesen premis perniagaan di Jalan Tuanku Abdul Rahman terutama sekali arked-arked ibu kota. Seratus peratus peniaga dalam Arked Ibu Kota itu adalah terdiri daripada warga asing terutamanya Indonesia, Pakistan, Bangladesh dan Korea.

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat. Pertanyaannya ialah siapakah yang mengeluarkan lesennya? Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, walaupun lesen dikeluarkan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kita cuma keluarkan lesen kepada penduduk warga tempatan. Dari segi mengkaji atau melantik pekerja-pekerja asing adalah terpulang kepada individu di mana sama sekali kita tidak membenarkannya. Sekiranya terdapat pekerja-pekerja asing berniaga, kita akan membatalkan lesen dan sebelum ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan ke atas beberapa kedai di seluruh Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab kononnya Yang Berhormat...

Tuan Yang di-Pertua: Tinggalkanlah perkataan 'kononnya' itu... *[Ketawa]*

Dato' Gooi Hoe Hin: Terus kepada soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat bersetuju bahawa keadaan yang tidak sihat ini bukan dakwaan tetapi memang berlaku. Itu hakikat. Jadi, sama ada tiba masanya iltizam, bahawa tiga kementerian yang terlibat iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Sumber Manusia mencari satu jalan supaya tidak payah kita *zoom, zoom* semua pekerja asing...

Tuan Yang di-Pertua: Dah, cukup itu.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan pendapat Yang Berhormat. Keadaan seperti ini memang mencatitkan pemandangan Kuala Lumpur apabila kita menuju ke arah melahirkan satu ibu kota bertaraf antarabangsa. Namun begitu, segala tindakan tidak akan mencapai matlamatnya sekiranya penduduk warga kota sendiri tidak memainkan peranannya.

Apa guna kita mengambil tindakan, tetapi lesen dikeluarkan kepada penduduk tempatan, penduduk tempatan yang menggaji dan melantik pekerja asing. So, bukan sahaja dari pihak kementerian tetapi saya percaya semua pihak termasuk penduduk warga kota perlu memainkan peranannya untuk mencapai matlamat kita.

2. Dr. M. Malasingam minta Menteri kesihatan menyatakan, apakah langkah yang diambil bagi memastikan ubat-ubatan yang dijual oleh farmasi sentiasa dikawal dari segi harga dan kualiti.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, harga ubat di negara ini tidak dikawal oleh kerajaan. Ia bergantung kepada dengan izin, *market forces*. Walau bagaimanapun kita sudah tubuhkan satu unit khas untuk memantau harga-harga ubat dan kita paparkan dalam laman web dan dalam buletin, *my meet price*. Walau bagaimanapun dari sudut kualiti kita tidak ada kompromi. Kita akan pastikan semua produk yang berada di pasaran terjamin, semua produk perlu didaftar termasuk produk tradisional. Kita juga membuat *post marketing surveillance* terhadap produk-produk farmaseutikal dan kita sering kali melakukan ujian-ujian bagi memastikan produk-produk tersebut selamat kepada pengguna. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dr. M. Malasingan, kemudian Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop, kemudiannya Tuan Ahmad bin Hussin.

Dr. M. Malasingam: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Soalan tambahan saya, beberapa perubatan *allopathic* kini harus mempunyai kelulusan B.E, dengan izin, *Bio Equivalence Studies* mengikut arahan DCA, dengan izin, *Drug Control Authority*. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah syarat ini dipanjangkan kepada ubat ayuverdik dan ubat-ubat cina serta kosmetik yang diniagakan di pasaran tempatan?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Untuk kosmetik, mereka boleh memadai dahulu kena daftar. Akan tetapi kosmetik Tuan Yang di-Pertua, pasarannya begitu besar sehingga RM3 bilion ke RM4 bilion satu tahun. Maka kita mempermudah dan memadai dengan memberi notifikasi. Dia boleh jual, dalam waktu yang sama dia notifikasi kepada PPFK. Jika ada apa-apa masalah, kita akan ambil tindakan. Bagi produk-produk tradisional termasuk ayuverdik, mereka wajib mendapat kelulusan MAL iaitu ujian-ujian seperti ujian *microbiological*, *heavy metals* dengan izin, dan sebagainya perlu dilakukan. Hanya selepas itu barulah mereka diberi lesen untuk memasarkan produk mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Tuan Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Tuan Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, adakah satu bentuk kawalan terhadap ubat-ubat yang dijual di farmasi yang sepatutnya diberi *prescription* terlebih dahulu oleh doktor-doktor? Apa yang terdapat sekarang ialah kebanyakan farmasi...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat, pertanyaan jelas.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Jawapan pun jelas, ada kawalan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan saya ialah, apakah trend tangkapan oleh bahagian penguat kuasa kementerian bagi kes ubatan palsu antara 2005 sehingga 2008 serta bentuk denda yang dikenakan? Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan spesifik saya mohon notis kerana pertamanya, perkara ini saya rasa tidak ada trend. Kita membuat segala tangkapan mengikut secara berskala dan kita ada dengan izin, 'spy' kita di merata tempat untuk memastikan yang pengguna sentiasa terbela. Terima kasih.

3. **Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor** minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan:

- (a) berapakah program yang bercampur bangsa dijalankan oleh pejabat-pejabat daerah dalam satu tahun; dan
- (b) apakah tindakan yang diambil untuk merapatkan silaturahim antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini melalui sebelas jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa memastikan semua program yang dianjurkan melibatkan penyertaan berbagai-bagai bangsa. Di bawah Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional melalui pejabat-pejabat daerah dan bahagian, sebanyak 137,526 aktiviti dan program telah dilaksanakan pada tahun 2008 yang melibatkan masyarakat berbagai-bagai kaum.

Bilangan program utama oleh lain-lain jabatan dan agensi yang tidak mempunyai cawangan daerah adalah sebanyak 2,794 dan kementerian ini juga telah merancang dan melaksanakan pelbagai program dan aktiviti bagi merapatkan silaturahim di antara rakyat Sabah, Sarawak dan Semenanjung. Contohnya, Majlis Rumah Terbuka Gawai Kaamatan di Kota Kinabalu, Sabah dan Majlis Rumah Terbuka Gawai di Sarawak dan juga akan mengadakan Festival Filem Malaysia ke dua belas di Kota Kinabalu dalam bulan Ogos, 2009.

Kraf tangan Malaysia juga melaksanakan program untuk menarik usahawan kraf Sabah, Sarawak dan Semenanjung turut serta dalam Hari Kraf Kebangsaan serta juga Promosi Kerja Kahwin dan Promosi Aidil Fitri. Program-program yang dilaksanakan oleh Jabatan Perpaduan juga seperti Program Lawatan Integrasi, Program TPN Padu dan Program TPN Integrasi dan Kursus Orientasi. Program Lawatan Integrasi diatur untuk pemimpin-pemimpin masyarakat dan ketua-ketua masyarakat serta ahli-ahli rukun tetangga.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, jika sekarang Yang Berhormat memberi peluang untuk pertanyaan tambahan bagi..

Tuan Teng Boon Soon: Ya, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kesempatan untuk Yang Berhormat-Yang Berhormat pro. Bila kita buka peluang untuk pertanyaan tambahan, kita buka peluang untuk Yang Berhormat *proving*. Jadi Yang Berhormat punya akauntabiliti akan meningkat.

Tuan Teng Boon Soon: Setuju kalau begitu... [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Wan Hazani, kemudian Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li, kemudian Yang Berhormat Tuan Ir. Haji Zamri.

■1020

Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, berapakah peruntukan yang diberikan kepada pejabat-pejabat daerah di dalam satu tahun dan bolehkan dibuat program pertukaran lawatan antara Sabah Sarawak secara *homestay* untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara mereka. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, Program Lawatan Integrasi adalah dalam bentuk keluarga anak angkat. Kita menganjurkan program supaya pemimpin-pemimpin atau pelajar-pelajar dari Semenanjung melawat ke Sabah Sarawak dan sebaliknya dengan menempatkan mereka dalam keluarga-keluarga anak angkat. Jadi *homestay* itu mungkin di bawah Kementerian Pelancongan. Bagi soalan tentang jumlah peruntukan itu, saya minta notis. Itu adalah secara spesifik.

Dato' Ir. Hiang A Li: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya yakin bahawa perpaduan di antara kaum banyak atau sangat bergantung kepada latar belakang pembentukan negara dan pembangunan negara sehingga hari ini. Jadi saya rasa pentinglah untuk semua rakyat tahu latar belakang kita. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah peranan yang boleh dimainkan oleh Jabatan Arkib Negara dan juga Jabatan Muzium Negara dalam hal perpaduan dan apakah aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh kedua-dua jabatan itu. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, Arkib Negara mengadakan penyelidikan tentang sejarah kaum pelbagai etnik di negara ini dan dengan penyelidikan itu dan juga dengan penerbitan buku-buku berkaitan dengan adat resam setiap kumpulan etnik kaum di negara ini dan juga dengan pengedaran buku-buku yang telah diterbitkan itu, ia akan membantu rakyat pelbagai kaum itu memahami latar belakang dari segi adat resam kaum. Jadi itu satu.

Bagi Muzium Negara pula, muzium juga mengadakan pameran berkaitan dengan sejarah tokoh-tokoh kepimpinan negara dan juga sejarah. Misalnya perjuangan untuk mencapai kemerdekaan negara. Jadi pameran-pameran ini juga akan membantu rakyat memahami bagaimana pembentukan negara itu telah diperjuangkan. Jadi dari segi itu, ia akan membantu rakyat kita memahami di antara satu sama lain dan juga peranan-peranan yang dimainkan oleh masing-masing.

Tuan Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah usaha ataupun peranan secara bersungguh-sungguh

untuk menggalakkan rakyat yang bukan sahaja pelbagai bangsa ini memahami warna-warni budaya, malah juga dapat membezakan di antara budaya dan agama serta apakah faktor untuk kita mengukur peningkatan perpaduan ini. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Kementerian menggalakkan setiap kaum itu cuba menghormati dan memahami inti sari agama masing-masing. Misalnya di bawah Jabatan Perpaduan, kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa, *Interfaith Committee*, antara agama di mana pemimpin-pemimpin pelbagai agama termasuk Islam, Buddha, Kristian, Teisme, Sikhisme dan Hinduisme telah dijemput untuk bersama-sama duduk di dalam satu jawatankuasa itu untuk mereka bertukar fikiran dan juga cuba memahami inti sari atau pantang larang setiap kaum itu. Jadi dengan cara itu semoga dapat pemimpin-pemimpin ini menyelesaikan apa-apa salah faham di antara satu sama lain. Saya rasa dengan cara itu akan mengurangkan perselisihan faham dari segi agama dan kaum. Sekian.

4. Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah tindakan kerajaan berhubung dengan jenayah pencerobohan peribadi seseorang individu yang dilihat semakin berleluasa.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Syed Hamid Albar]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang telah mengemukakan pertanyaan. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya nyatakan di sini bahawa soalan yang diajukan tidak begitu jelas dan boleh diberikan tafsiran yang pelbagai. Saya tidak pasti sama ada soalan ini adalah merujuk kepada *invasion of privacy*, dengan izin, atau jenayah melibatkan tubuh badan seperti yang dinyatakan di bawah bab 16, Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya menganggap soalan ini adalah mengenai *invasion of privacy* iaitu kes-kes melibatkan pencerobohan soal-soal peribadi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator dan Dewan yang mulia ini, tidak ada undang-undang khusus untuk menjadikan kesalahan sekiranya menceroboh peribadi melainkan apa-apa perbuatan tersebut boleh dituduh di bawah peruntukan seksyen 509, Kanun Keseksaan atas kesalahan melakukan isyarat atau perkataan yang boleh mengaibkan kehormatan seseorang dan Seksyen 292, Kanun Keseksaan atas kesalahan memiliki apa-apa penulisan yang mengandungi unsur-unsur lucah.

Kesalahan ini boleh dikenakan hukuman tiga tahun penjara atau denda atau keduanya. Selain itu mangsa juga boleh mengambil tindakan sivil terhadap pihak yang telah mengaibkan dirinya. Oleh yang demikian saya berpandangan peruntukan undang-undang yang sedia ada berhubung perkara ini, kalau *invasion of privacy* perlu ada undang-undang khusus yang boleh membantu dan memudahkan seseorang untuk mengambil tindakan terhadap orang yang melakukan kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Datuk Haji Roslan Awang Chik, kemudian Puan Mumtaz.

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan terima kasih kepada Menteri sendiri yang datang menjawab pada pagi ini. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan bercadang untuk membuat akta supaya pencerobohan di dalam *bloggers* dan menyebarkan maklumat-maklumat ini secara mengaibkan tuan punya itu supaya diadakan satu akta untuk membendung perbuatan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Berkenaan dengan *bloggers* atau *website*, ia ada beberapa tindakan yang boleh diambil oleh kementerian lain, 'Kementerian Multimedia' walau bagaimanapun dalam unsur-unsur untuk kita menentukan kita tidak *cancel internet* ini atau *internet news* atau *internet* yang memuatkan perkara-perkara yang tidak betul, ia memerlukan kepada laporan dan tindakan boleh diambil dalam bentuk undang-undang yang lain. Akan tetapi tidak ada undang-undang khusus.

Jadi kalau ia melibatkan fitnah, kita boleh ambil tindakan di bawah Rang Undang-undang Fitnah, kalau ia melibatkan penyalahgunaan syarat lesen, ia boleh diambil tindakan di bawah 'Kementerian Multimedia'.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi ada pertanyaan adakah kementerian bercadang hendak memperkenalkan satu rang undang-undang *anti-invasion of privacy* ini.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas ingatan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan *anti-invasion of privacy*, memang perkara ini telah dibincangkan di peringkat Kabinet. Saya percaya bila Kabinet baru ini dibentuk, insya-Allah mereka akan melihat perkara ini untuk memberikan perlindungan kepada individu-individu.

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, oleh kerana *gadget* jenayah digital semakin canggih, apakah prasarana lain yang dibekalkan, khususnya kepada Bahagian Jenayah Komersial di PDRM untuk mengatasi masalah pencerobohan nak peribadi ini. Yang kedua, adakah kementerian mempunyai kuasa untuk menyekat, khususnya pihak media daripada melaporkan ataupun menyiarkan kes-kes pencerobohan peribadi ini kepada orang ramai. Terima kasih.

Dato' Seri Syed Hamid Albar: Tuan Yang di-Pertua, dari segi persediaan aset atau prasarana bagi membolehkan kita untuk membuat siasatan atau mempunyai kemampuan, ia ada dua bahagian iaitu daripada aset dan juga individu manusia yang kita ambil untuk bekerja di dalam bahagian *commercial crime* adalah mereka yang layak di dalam bidang yang khusus, sejajar dengan perkembangan masa kini iaitu perkembangan yang melibatkan *internet* dan melibatkan perkara-perkara teknologi.

■1030

Jadi dia mempunyai kemampuan sama ada kita boleh mengambil tindakan untuk menyekat, ini juga ada masalah-masalah tertentu. Oleh itu dia boleh hanya ambil tindakan jika sesuatu kesalahan telah dilakukan dan ada laporan terhadap kesalahan tersebut. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima Kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datin Paduka Datuk Nor Hayati.

Datuk Armani binti Haji Mahiruddin: Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengemukakan soalan nombor lima bagi pihak Datin Paduka Datuk Nor Hayati binti Tan Sri Dato' Seri Onn yang tidak dapat hadir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya akan timbang adakah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri yang hadir khusus untuk jawab pertanyaan ini. Ada Yang Berhormat hadir secara khususnya? Saya benarkan kerana tidak mahu mensia-siakan masa Timbalan Menteri.

5. Datuk Armani binti Haji Mahiruddin [di bawah P.M 23(2)] minta Perdana Menteri menyatakan, apakah kerajaan mengamalkan konsep *double standard*, dengan membenarkan Ahli-ahli Parlimen *above the law*, manakala rakyat biasa tidak. Apakah konsep imuniti YB-YB masih relevan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai kerajaan yang adil dan amanah juga *accountable* dengan izin, meminjam perkataan Tuan Yang di-Pertua sebentar tadi. Kerajaan tidak mengamalkan konsep *double standard* atau adanya beberapa Ahli Parlimen yang *above the law*. Konsep imuniti yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen adalah berasaskan kepada Perkara 63(2), Perlembagaan Persekutuan.

Perkara ini diperjelaskan lagi di bawah seksyen 7, Akta 347, iaitu Akta Majlis Parlimen Keistimewaan dan Kuasa 1952. Akta ini telah memberikan garis panduan yang jelas tentang konsep imuniti kepada semua Ahli Parlimen berkenaan tindakan sivil dan jenayah berhubung tata kelakuan serta kenyataan yang dibuat di mana-mana Dewan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kemukakan pertanyaan keenam.

6. Dato' Yip Kum Fook minta Menteri Pengangkutan menyatakan, mengapa syarikat tambang murah seperti AirAsia yang beroperasi di KLIA mahu LCCT dibina khas untuk mereka sedangkan KLIA, yang menjadi kebanggaan kita, sudah memadai dan pembinaan LCCT boleh menjejaskan imej negara di mata pelancong.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Seri Panglima Lajim Ukin]: Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Yip Kum Fook, kerajaan telah membuat keputusan untuk membina LCCT baru di KLIA adalah berasaskan pertimbangan seperti berikut:

- (i) keperluan syarikat-syarikat penerbangan tambang murah atau LCC untuk mencapai masa *turn around* yang singkat iaitu 20 minit yang sukar dicapai di bangunan Terminal Utama KLIA;

- (ii) operasi LCC tidak memerlukan pelbagai kemudahan yang disediakan di bangunan Terminal Utama KLIA untuk syarikat-syarikat penerbangan perkhidmatan penuh atau pun *full service carrier* seperti *aero bridge*, *airlines lounge* dan sebagainya;
- (iii) mengatasi masalah kesesakan yang berlaku bangunan Terminal Utama KLIA semasa waktu sibuk khususnya pada waktu pagi di kaunter daftar masuk balai berlepas serta tapak memakir;
- (iv) meningkatkan penerbangan tambang murah yang tinggi sejak AirAsia mula beroperasi dan kesedaran bahawa kadar dan kategori penerbangan akan terus meningkat pada tahun-tahun yang akan datang; dan
- (v) pembinaan operasi penerbangan tambang murah akan dapat melegakan bangunan Terminal Utama KLIA dan rancangan serta pembinaan bangunan satelit kedua yang melibatkan kos pembinaan yang agak tinggi dapat ditunda di antara tiga hingga lima tahun.

LCCT di KLIA adalah kegunaan semua syarikat penerbangan, LCC dan juga bukan semata-mata untuk operasi AirAsia sahaja. Pada ketika ini, syarikat-syarikat penerbangan tambang murah lain seperti AirAsia X, AirAsia Thailand, AirAsia Indonesia, Sibu Pacific, *Tiger Airlines* juga menggunakan LCCT di KLIA.

Adalah dimaklumkan juga bahawa pembinaan LCCT tidak menjejaskan imej negara di mata pelancong dalam menggalakkan lebih ramai pelancong berkunjung ke negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pada tahun 2008, LCCT telah..

Tuan Yang di-Pertua: Baik sekarang jika Yang Berhormat mengizinkan pertanyaan tambahan.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Ya insya-Allah. Dalam mengendalikan sebanyak 10.1 juta penumpang yang akan turut menyumbang kepada industri pelancongan dan juga untuk pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dato' Yip Kum Fook.

Dato' Yip Kum Fook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada tahun 1992, kita bangga dengan pembinaan KLIA yang unggul. Kini kita pula pergi ke satu macam setingan punya LCCT iaitu *Low Cost Carrier Terminal*. Tandas tiada selepas imigresen dan kemudahan serba kekurangan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan Yang Berhormat.

Dato' Yip Kum Fook: Pertanyaan tambahan saya, mengapa KLIA yang dirancang begitu unggul tidak dapat menampung penumpang-penumpang yang tidak begitu ramai termasuk penumpang tambang murah? Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Panglima Lajim Ukin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya ingin maklumkan. Terima kasih kepada soalan tambahan.

Pertamanya saya ingin maklumkan dalam *master plan KLIA* ini memang ada cadangan untuk membina LCCT atau pun *Low Cost Carrier Terminal* ini, memang ada. Keduanya juga oleh kerana LCC ini tambangnya murah dan mereka perlu cepat dan juga mereka tidak perlu menggunakan kemudahan-kemudahan yang seperti apa yang saya katakan sebentar tadi. Jadi, ini adalah merupakan pilihan masyarakat Malaysia, orang Malaysia untuk dapatkan tambang murah. Jadi itu sebabnya kerajaan telah memutuskan supaya kita buat satu lagi LCCT berhampiran dengan KLIA. Itu peruntukan sebanyak RM2 bilion dan semua peruntukan-peruntukan ini tidak dibiayai oleh kerajaan tetapi dibiayai oleh pihak bank dan dijamin oleh kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Puan Hajah Sharifah Azizah.

7. Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain minta Menteri Kesihatan menyatakan bagaimanakah Kerajaan:

- (a) memantau kualiti air minuman mineral semula jadi yang telah dibotolkan; dan
- (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap 20 syarikat yang tidak pernah menghantar keputusan analisis air kepada Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan dari 2003 hingga 2007.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Hajah Sharifah Azizah. Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Memang kita ada memantau kualiti air mineral semula jadi. Di mana kita pantau analisis mikro biologi setiap tiga bulan, analisis kimia setiap enam bulan, analisis radioaktif setahun sekali. Ini sejajar dengan Peraturan Makanan 1985.

Manakala untuk,

- (b) Sebenarnya 30 syarikat kita ambil tindakan kerana mereka tidak memenuhi Peraturan-peraturan Makanan 1985. Daripada 30 itu, lapan syarikat telah dibatalkan lesen mereka. Ini kerana gagal melaporkan analisis sampel air untuk tujuan pemantauan dan yang dikehendaki bagi syarat-syarat pemegang lesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Puan Sharifah Azizah, kemudian Dato' Haji Ahmad Rusli.

Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sehingga kini berapakah jumlah lesen yang telah dikeluarkan oleh kementerian kepada syarikat minuman berbungkus dan air mineral semula jadi dan berapakah jumlah kakitangan kementerian yang telah ditugaskan untuk memantau pematuan pelesenan ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Saya mohon notis kerana soalan spesifik. Untuk kakitangan setiap daerah kita ada bahagian amalan yang mengawal segala peraturan-peraturan pemakanan iaitu Pegawai Persekitaran Kesihatan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli.

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Tuan Yang di-Pertua. Apakah kerajaan sedar akhir-akhir ini penjualan air minuman berleluasa? Keduanya ialah sering syarikat-syarikat pengeluaran air semula jadi ini melaksanakan pasaran di luar daripada pusat pengeluaran. Apakah ini merupakan satu helah yang dilaksanakan oleh syarikat berkenaan?

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima Yang Berhormat Dato' Haji Ahmad Rusli. Saya tidak faham soalannya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Yang Berhormat bermaksud perniagaan air botol yang tidak berlesen?

Dato' Haji Ahmad Rusli bin Haji Ibrahlim: Benar.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kalau tidak berlesen untuk pengetahuan Dewan yang mulia. Air mineral mesti dia punya botol itu warna biru, tutup botol dia itu dan di belakang ada kebenaran KKM. Jadi, boleh cek dengan *website* kita sama ada kebenaran itu sudah *genuine* atau tidak. Jika tidak *genuine*, boleh lapor kepada kita. Pegawai kita akan membuat pemantauan secara berterusan. Terima kasih.

■1040

8. **Datuk Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Luar Negeri menyatakan, tentang pendirian kerajaan terhadap pelarian Rohingya yang memohon untuk mendapat pengiktirafan secara rasmi. Jika ada, sejauh mana tindakan telah diambil dan jika tidak apakah tindakan kerajaan terutama bagi menangani isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan Negara menghargai kehadiran Yang Berhormat. Terima kasih... [*Tepuk*]

Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim]: Kerajaan Malaysia mengkategorikan masyarakat Rohingya sebagai pendatang asing tanpa izin atau PATI. Buat masa ini, Kerajaan Malaysia bekerjasama dengan pihak Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi orang pelarian atau *the United Nations High Commission on Refugees*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Pendeknya UNHCR, bagi penghantaran pelarian Rohingya ke Negara Ketiga yang sudi menerima mereka.

Dari tahun 2003 hingga 2008 seramai 144 pelarian Rohingya telah dihantar ke negara ketiga. Berikut merupakan statistik pelarian Rohingya yang telah dihantar ke Negara-Negara Ketiga, iaitu:

| Negara | Bilangan (Orang) |
|-------------|------------------|
| Australia | 45 |
| Kanada | 13 |
| Denmark | 7 |
| Norway | 2 |
| New Zealand | 27 |
| Sweden | 50 |

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Abdul Rahman, Dato' Hajah Samsiah kemudian Datuk Wira Syed Ali.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Berapakah jumlah mereka kini di Malaysia, dan bagaimana mereka dilayan?

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, menurut rekod yang disimpan pada Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama Agensi Bangsa-Bangsa Bersatu, sejumlah 15,001 orang masyarakat Rohingya berada di negara ini. Mereka ini dalam keadaan terbiar dan mendapat pelbagai sumber bantuan dari masyarakat termasuk dari UNHCR seperti yang disebutkan tadi.

Di samping itu, usaha-usaha menerusi ASEAN sedang dilaksanakan supaya Sekretariat ASEAN di Jakarta membuat penelitian yang khusus bagi masyarakat tersebut sama ada untuk memulangkan mereka kepada kawasan-kawasan asal ataupun menggalakkan Negara-Negara Ketiga untuk menerima mereka.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah sampai bilakah Malaysia menjadi tempat pelarian Rohingya ini sedangkan mereka tidak dibenarkan bekerja dan anak-anak mereka juga tidak bersekolah. Bagaimana kementerian mengatasi masalah seperti ini? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Tuan Yang di-Pertua, soal masyarakat Rohingya ini adalah sesuatu isu yang bukan sahaja dikendalikan oleh Kementerian Luar Negeri tetapi juga menerusi juga pelbagai agensi kerajaan kita khususnya Kementerian Dalam Negeri, jabatan-jabatan yang berkaitan dengan imigresen, kerajaan-kerajaan negeri, apatah lagi badan-badan bukan kerajaan.

Setakat ini, secara jelasnya ianya adalah dikendalikan oleh UNHCR dari segi kedudukan antarabangsa dan kepentingan-kepentingan berurusan dengan Bangsa-Bangsa Bersatu. Namun demikian, Kerajaan Malaysia tidak lepas tangan dari segi pengawasan dan juga keselamatan. Sesungguhnya kerajaan tidak dapat memberi sebarang pekerjaan ataupun menyampaikan sebarang bahan kebajikan secara langsung. Namun demikian, penentuan kedudukan mereka ini dan juga haluan-haluan mereka dari semasa ke semasa adalah diawasi oleh agensi-agensinya penguatkuasaan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang menjawab soalan ini. Soalan tambahan saya, 15,001 orang adalah satu angka yang agak besar, pelarian Rohingya yang ada di negara kita. Apakah usaha diplomatik ataupun rundingan yang dilakukan oleh Kementerian Luar Negeri agar Kerajaan Malaysia dapat mengatasi masalah serius ini dan juga membebaskan Kerajaan Malaysia? Terima kasih.

Datuk Seri Utama Dr. Rais Yatim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang dimaklumkan tadi Kerajaan Malaysia tidak berdiam diri dalam soal ini. Lantaran bilangan tersebut adalah bilangan yang besar. Di samping itu, ia menumpukan kepada pemerhatian masyarakat dan seterusnya merupakan satu tanggungan yang amat berat kepada sesebuah negara jiran.

Kami dari Kementerian Luar Negeri telah pun secara terperinci menyampaikan pandangan rasmi kepada Kerajaan Myanmar. Mereka telah juga memberi beberapa komitmen menerusi ASEAN. Akan tetapi, sebelum langkah-langkah positif spesifik yang dapat diambil, Sekretariat ASEAN perlu mengumpulkan semua data berkaitan dengan Rohingya sebelum tindakan-tindakan spesifik dapat dilakukan.

Akan tetapi, dalam pada itu manakala telah dipastikan bahawa dari segi budaya, bahasa dan asal usul seseorang individu Rohingya ini dikenal pasti, maka boleh kita buat rundingan terus dengan Myanmar. Pada masa yang sama pula, pihak-pihak di Myanmar mengkhawatiri bahawa data-data yang disampaikan kepada pihak-pihak berkuasa itu tidak dapat dikenal pasti oleh mereka. Misalnya, dari kampung mana seseorang Rohingya itu datang? Apa bahasa yang dia gunakan dalam masa berkomunikasi serta soalan-soalan yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks demikianlah, kita menjalankan tugas ini secara cermat dengan bantuan luar negara serta jiran-jiran kita berkesampingan di Teluk Siam. Perkara-perkara yang juga dibangkitkan menerusi tindakan rakan kita di Indonesia.

9. Datuk Chandrasekar Suppiah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah fungsi Biro Pengaduan Awam (BPA) dan mengapa ia sering dipersoalkan dan dipertikai oleh orang ramai termasuk pegawai kerajaan. Apakah langkah-langkah susulan dari BPA untuk terus kekal di jiwa rakyat sebagai penyelesaian masalah utama rakyat dan berapakah jumlah cawangan keseluruhan di Semenanjung dan Sabah/Sarawak. Bilakah cawangan-cawangan akan dibuka di negeri-negeri utara Semenanjung dan apakah masalah-masalah yang dihadapi untuk membuka cawangan baru ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biro Pengaduan Awam (BPA) adalah bertanggungjawab menerima, mengurus dan menyalurkan aduan-aduan terhadap agensi-agensi kerajaan serta mengesan dan mengawasi tindakan pembetulan yang diambil oleh jabatan dan agensi berkenaan.

BPA juga melaksanakan program pro aktif iaitu kaunter aduan bergerak, kaunter aduan bergerak bersepadu dan program mesra rakyat yang berkonsepkan turun padang. Dengan ini,

orang ramai berpeluang berinteraksi serta mengemukakan aduan, pertanyaan, cadangan dan khidmat nasihat kepada agensi kerajaan. Pada ketika ini, BPA mempunyai sepuluh pejabat cawangan yang beroperasi di Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Pahang, Melaka, Kuala Lumpur, Johor, Selangor, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan terdapat pelbagai saluran untuk mengemukakan aduan seperti laman web, surat, telefon, faks dan program proaktif, maka BPA tidak bercadang untuk membuka cawangan baru. Pejabat BPA Pulau Pinang berupaya mengendalikan aduan-aduan yang diterima daripada negeri-negeri utara Semenanjung. Terima kasih.

Datuk Chandrasekar Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kami difahamkan, apabila ada aduan yang diterima ia mengambil masa yang panjang untuk diselesaikan. Apakah komen Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan T. Murugiah: Tuan Yang di-Pertua, saya memang mengakui bahawa sebelum ini ada masalah dalam menyelesaikan masalah-masalah yang ada. Akan tetapi, sebelum ini kita menetapkan sepuluh hari bekerja untuk menyelesaikan semua masalah. Saya kira waktu yang ditetapkan ini agak lama dan sekarang ini kita sudah putuskan di mana setiap aduan dikemukakan kepada pihak kami ini diselesaikan dalam masa jangka waktu lima hari bekerja.

■ 1050

Dalam masa yang sama kita juga tidak berfungsi sebagai Pejabat Pos di mana menerima aduan itu selepas itu serah kepada agensi ataupun kerajaan berkaitan, kementerian berkaitan. Akan tetapi kita memanggil kedua-dua pihak yang diadu dan juga menerima adu ini duduk bersama dengan kami dan menyelesaikan masalah dengan tepat dan cepat. Terima kasih.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih atas prihatin Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya minta soalan tambahan ini. Sama ada Jabatan Perdana Menteri bercadang supaya di kementerian-kementerian yang tertentu bila terdapat terlalu ramai aduan, menempatkan pegawai-pegawai BPA kepada kementerian-kementerian tertentu.

Tuan T. Murugiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini kita tidak ada cadangan untuk menempatkan mana-mana pegawai di satu kementerian. Akan tetapi di kementerian memang ada pegawai yang menerima aduan kemudian itu dia salurkan aduan itu kepada BPA. Terima kasih.

10. Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta Menteri Kerja Raya menyatakan, apakah sebab utama Lebuhraya MRR2 menjadi bertambah sesak walaupun telah dibina lebuhraya lain di Bandaraya Kuala Lumpur bagi mengurangkan kesesakan di MRR2.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Ahli Yang Berhormat antara punca kesesakan utama di jalan raya MRR2 yang telah dikenal pasti adalah seperti berikut:

- (i) pembinaan jalan akses keluar atau masuk yang tidak terkawal yang menambahkan keperluan atau dengan izin, *demand*, sedangkan kapasiti jalan raya ini masih tidak berubah;
- (ii) pembangunan di sekitar jalan raya ini yang bertambah menyebabkan pertambahan trafik yang mendadak dan tidak mampu ditampung oleh jalan raya ini;
- (iii) kekurangan *collector road* yang menghubungkan jalan raya MRRII dengan jalan utama yang lain mengakibatkan limpahan trafik dari jalan utama yang ke jalan raya MRRII dan sebaliknya menyebabkan kesesakan lalu lintas; dan
- (iv) MRRII merupakan jalan raya yang efisien dan menjadikan pilihan utama pemandu dari selatan ke timur atau ke utara dan sebaliknya tanpa memasuki pusat Bandaraya Kuala Lumpur hingga menambahkan trafik di jalan ini.

Kesesakan trafik di jalan raya MRRII ini tidak dapat dikurangkan walaupun banyak jalan raya yang lain yang telah dibina di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur. Ini kerana ianya merupakan jalan yang elok daripada segi geometri serta efisien dan menjadi penghubung kepada banyak kawasan perumahan seperti Ampang, Pandan Jaya, Datuk Keramat, Ulu Klang dan seterusnya ke Pantai Timur, ke utara dan sebaliknya. Sehubungan dengan itu kerajaan telah mencadangkan untuk membina Lebuhraya Lingkaran Luar Kuala Lumpur atau dikenali KLORR segmen timur yang mana jajarannya hampir selari dengan jalan raya MRRII.

Lebuhraya KLORR segmen timur sepanjang 34.8 kilometer ini akan bermula dari Sungai Long menuju ke kawasan Hulu Langat dan Ampang sebelum berakhir di Gombak. Kerajaan awalan mendapati bahawa pembinaan jalan raya KLORR segmen timur ini akan dapat mengurangkan bilangan trafik sebanyak 21% hingga 25% di jalan raya MRRII yang sedia ada. Projek ini sedang dalam peringkat reka bentuk terperinci dalam pemilihan jajaran yang paling sesuai. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Rizuan, Tan Sri Jins Shamsudin kemudian Tuan Haji Muhammad Yusof Husin.

Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah benar MRRII ini sebahagian daripada jalan Persekutuan tidak dikenakan tol. Oleh itu seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi kenderaan gemar melalui laluan lebuhraya ini bagi mengelakkan tol di lebuhraya yang lain. Terima kasih.

Dato' Yong Khoo Seng: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua ini memang benar jalan ini tidak ditol.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Soalan tambahan saya ialah sementara menunggu pembinaan jalan baru ini tidakkah kementerian bercadang untuk mengenakan sekatan dan juga

peraturan. Supaya jalan MRRII ini tidak dibenarkan waktu-waktu tertentu dilalui oleh trailer, kereta-kereta yang besar dan sebagainya supaya dapat mengurangkan kesesakan. Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tan Sri. Ini sebagai satu jalan telah pun mencapai kapasiti *volume, traffic volume* nya telah pun melebihi kapasiti jalan raya ini. Mula-mulanya jalan raya ini dapat menampung 133 juta kenderaan tetapi sekarang kita sudah ambil kajian tiap-tiap hari ada 180,000 kenderaan melalui jalan ini, maka kita cadangkan membuat Jalan KLORR ini. Kalau kita kontrol trafik dengan tidak bahagikan kenderaan yang besar melalui jalan ini mungkin kita telah pun menyusahkan orang lain pengguna jalan. Saya fikir ini adalah cadangan yang baik tetapi kita perlu memikirkan keperluan pengguna jalan ini.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya soalan saya bersama dengan Tan Sri, macam mana jadi sama hari ini. Cuma saya hendak tambah.

Tuan Yang di-Pertua: Cuma parti tidak samalah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Parti tidak sama kerajaan pun tidak sama tetapi boleh bekerjasama insya-Allah. Tuan Yang di-Pertua memang masalah yang berlaku bukan sahaja di MRRII malah di mana kenderaan besar dan berat, memang besar dan berat dia lambat. Jadi masalah yang berlaku kesesakan di MRRII ini terutama *fix time*, dengan izin, masa orang hendak datang kerja pagi, masa orang hendak pulang bekerja. Tidakkah kerajaan boleh menjadualkan laluan trafik bagi kenderaan-kenderaan berat supaya waktu yang orang datang dan balik bekerja ini tidak dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat. Sekarang ini jalan kosong banyak hendak lalu, lalulah...

Tuan Yang di-Pertua: Cukup Yang Berhormat cukup.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua ini adalah satu cadangan yang baik. Kita telah pun membuat sedemikian di beberapa jalan lain di mana *heavy traffic* atau kenderaan berat tidak dibenarkan masuk sehingga waktu yang ditetapkan. Ini boleh dikenakan kalau keperluan yang terdesak kita boleh kenakan peraturan seperti ini.

11. Datuk Akbar bin Ali [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan menyatakan, tindakan pihak kerajaan terhadap merencanakan industri hiburan negara yang kian merudum akibat daripada lambakkan drama-drama serta lagu-lagu dari negara seberang sehinggakan industri hiburan tanah air semakin terjejas.

Tuan Yang di-Pertua: Biar saya timbang. Adakah Yang Berhormat Menteri atau Timbalan Menteri secara khusus hadir untuk jawab pertanyaan ini?

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Ada.

Tuan Yang di-Pertua: Saya benarkan.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam usaha untuk merencanakan industri hiburan negara kementerian ini melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara telah melaksanakan pelbagai program dan aktiviti seperti Festival Muzik, Pertandingan Bintang Asli, Kem Muzik telah dilaksanakan. Selain daripada itu Istana Budaya sendiri banyak melaksanakan pementasan-pementasan teater. Istana Budaya juga memberikan kerjasama dan ruang pementasan kepada pertubuhan bukan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta dengan pementasan teater muzikal dan konsert.

Kementerian juga menjalankan kerjasama dengan Kementerian Penerangan ke arah merencanakan industri hiburan tempatan seperti penerbitan album dan buku skor muzik lagu-lagu Malaysia berentak jaz oleh ASWARA bersama RTM.

■1100

ASWARA juga bekerjasama dengan Radio Klasik Nasional dan Majlis Muzik Malaysia dalam penganjuran Malam Amal Irama Muzik 60-an. Bagi memastikan industri hiburan negara tidak ditelenggami dengan lambakan artis-artis luar, kementerian telah mengambil beberapa langkah iaitu dengan menetapkan nisbah kemasukan persembahan artis luar negara di premis-premis di Malaysia adalah 30% berbanding dengan artis tempatan 70% yang dikuatkuasakan melalui garis panduan persembahan artis luar negara ataupun PUSPAL. Juga mengadakan kerjasama dengan pihak karyawan dan Majlis Muzik Malaysia untuk pelaksanaan program akreditasi artis tempatan dalam bidang seni persembahan.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah selaras dengan usaha kerajaan untuk merencanakan industri hiburan tempatan, adakah kemudahan-kemudahan pementasan mencukupi dan adakah kementerian merancang untuk menaik taraf ataupun menambah kemudahan-kemudahan pementasan seperti itu. Sekian, terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kemudahan pementasan ini yang disediakan di Istana Budaya memang tidak mencukupi, jauh daripada mencukupi. Sungguhpun kita ada rancangan untuk membangunkan satu *concert hall* khususnya untuk pementasan muzik tetapi itu telah ditangguhkan kerana tiada peruntukan. Itu akan memakan perbelanjaan RM90 juta dan memang *booking* untuk pementasan di Istana Budaya bagi tahun 2009 sudah penuh. Jadi keutamaan diberi kepada persembahan yang penting dan di peringkat antarabangsa. Bagi banyak persembahan tempatan ataupun pementasan acara tempatan, kita bawa atau Istana Budaya juga bawa mereka kepada peringkat negeri. Itu satu cara sementara untuk menyelesaikan kekurangan kemudahan pementasan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Hajah Saripah Aminah kemudian Puan Heng Seai Kie, tadi tak ada. Jawapan Yang Berhormat telah menimbulkan minat.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan dengan peraturannya ada. Pemantauan di tempat-tempat awam

bagaimana? Rungutan daripada artis-artis tempatan masih lagi didengari di merata tempat. Sekian.

Tuan Teng Boon Soon: Memang aduan dari segi penguatkuasaan itu kurang menyeluruh memang timbul. Kementerian sedar tentang perkara ini dan ia ada pelbagai alasan. Biasanya kami mendengar aduan daripada dua pihak, yang mengadu dan diadu itu untuk mendapatkan satu gambaran yang jelas supaya kita dapat memastikan peraturan PUSPAL itu diakui.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti industri-industri komersial yang lain, perkembangan industri hiburan juga adalah terikat dengan kuasa pasaran iaitu sama ada ia memenuhi permintaan orang ramai dari segi cita rasanya. Jadi soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan bercadang untuk melonggarkan segala syarat yang ada supaya peraturan-peraturan yang ada tidak menyekat kreativiti dan inovasi artis-artis negara. Sekian terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Sungguhpun soalan Yang Berhormat itu kurang jelas dan tepat, saya rasa ia merujuk kepada peraturan-peraturan yang dikuatkuasakan di bawah peraturan PUSPAL. Memang kita sedar tentang keperluan sesuatu persembahan itu mematuhi kehendak-kehendak kebudayaan tempatan khususnya kebudayaan Malaysia. Jadi terpaksa kita mengutamakan keperluan itu supaya kebudayaan tempatan dipelihara. Kita juga memberi perhatian sekiranya dalam proses penguatkuasaan terdapat sesuatu peraturan itu bersifat menyekat, ia akan ditimbang semula, akan di *review*.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

12. Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta Perdana Menteri menyatakan, berapa ramai golongan tahfiz di negara ini mengikut negeri-negeri dan apakah pekerjaan yang sesuai untuk mereka. Bagaimana mereka dapat membantu dalam menyelesaikan kemelut sosial, keruntuhan moral dan sahsiah umat Islam.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan rekod JAKIM jumlah graduan Darul Quran dan tahfiz yang dipantau oleh JAKIM dari tahun 1973 hingga 2008 ialah seramai 2,826 orang iaitu 1,790 orang hafiz, 1,036 orang hafizah dan jumlah ini tidak termasuk daripada tahfiz persendirian atau yang tidak berdaftar di dalam rekod JAKIM. Manakala jumlah negeri akan saya sampaikan kepada Yang Berhormat kerana jumlahnya agak banyak dari segi statistik.

Secara tradisional, profesion yang diceburi oleh mereka adalah sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam, Imam, pendidik dan pendakwah. Walau bagaimanapun, sistem pendidikan pada masa kini membolehkan golongan tahfiz setelah selesai tahfiz, memasuki bidang-bidang Pengurusan dan Profesional. Dari tahun 2001 hingga 2008, sejumlah 531 orang graduan Darul Quran mengikuti bidang-bidang profesional di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia seperti

kejuruteraan, perubatan, perundangan, ekonomi dan akauntan. Selepas tamat pengajian, mereka ini akan menceburi bidang profesion yang berkaitan di sektor kerajaan dan swasta.

Sebagai golongan yang mahir dalam bidang al-Quran dan juga Islam, kita pasti golongan ini mampu untuk memberi sumbangan yang besar dalam menangani isu kemelut sosial dan keruntuhan moral serta membangun sahsiah umat dengan menjadi ikon kepada ummah. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Samsiah, Puan Mumtaz dan Tuan Haji Muhamad Yusof Husin.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimanakah kementerian dapat menyusun atur pengagihan tahfiz ini mengikut negeri-negeri supaya negeri-negeri ini mendapat manfaat daripadanya kerana buat masa ini ada negeri yang ramai tahfiz...

Tuan Yang di-Pertua: Kerana buat masa ini itu dah tak perlu dah.

Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin: ...Dan ada negeri yang tidak mempunyai tahfiz langsung. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya boleh dikatakan semua negeri telah mempunyai tahfiz kecuali empat negeri sahaja yang mana tidak dipantau oleh JAKIM iaitu Kedah dan Selangor di mana mereka ini telah mengadakan tahfiz dengan secara sendirian di bawah kerajaan negeri. Di Wilayah Persekutuan memang tidak ada tahfiz kerana kita telah ada di Darul Quran di Selangor, begitu juga di Sarawak, tidak ada tahfiz di Sarawak.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, dari segi perangkaan negara, di manakah diletakkan golongan hafiz ini dalam pengelasan dari segi profesional mereka. Yang kedua, adakah kerajaan menyasarkan jumlah tahunan *huffaz* lelaki dan wanita dan sekiranya disasarkan, apakah bentuk bantuan yang dibekalkan oleh kerajaan kepada mereka. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Telah saya jawab tadi dari segi pengelasan profesional, mereka ini akan diletakkan sebagai Pegawai Hal Ehwal Islam dan sebahagian besar daripada mereka akan diletakkan sebagai Imam dan tidak kurang juga sebagai pendakwah. Sebagai jalan keluar supaya mereka ini tidak mempunyai satu profesion sahaja, kita menggalakkan para *huffaz* ataupun graduan daripada tahfiz ini mengikuti pengajian selepas mendapat diploma untuk mendapatkan *bachelor* di Universiti Islam Antarabangsa supaya mereka tidak hanya menjadi hafiz. Akan tetapi dalam masa yang sama mengikuti perubatan misalnya dan menjadi seorang doktor yang hafiz. ataupun menjadi seorang *lawyer* yang hafiz ataupun pakar ekonomi yang juga hafiz.

Berkenaan dengan bantuan yang telah diberikan oleh kerajaan, Yang Berhormat, semua pelajar yang mengikuti tahfiz al-Quran di bawah seliaan JAKIM terutamanya di Darul Quran adalah mendapat biasiswa penuh daripada kerajaan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang kita ketahui bahawa untuk menghafal al-Quran ini bukanlah satu perkara yang mudah. Kerajaan tidak mempunyai senarai yang penuh terutama hafiz-hafiz swasta.

■1110

Pertanyaan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mendaftar semua ahli yang menghafaz al-Quran ini dan memprogramkan mereka supaya dimanfaatkan terutama di dalam bulan Ramadan untuk mereka ini bertugas sebagai imam di seluruh negara dan apabila pendaftaran ini dibuat terdapat hafiz-hafiz ini yang belajar secara persendirian, adakah kerajaan bercadang untuk membantu mereka atau memberi insentif atau imbuhan dan sebagainya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Di situ ada tiga pertanyaan. Boleh jawab dua.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengakui seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bahawa tidak mudah untuk mereka ini menghafal al-Quran dan memang kerajaan telah memberikan komitmen yang sepenuhnya untuk memberi bantuan.

Berkenaan dengan senarai daripada tahfiz yang berbentuk swasta atau persendirian, memang kerajaan tidak mempunyai senarai penuh kerana mereka ini tidak berdaftar dan tidak dipantau oleh JAKIM secara langsung. Jadi kita tidak ada senarai penuh daripada mereka ini. Cadangan Yang Berhormat supaya mereka yang graduan daripada tahfiz ini dapat digunakan untuk menjadi imam dalam bulan Ramadan, kita terima dan akan dipertimbangkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

13. Dato' Gooi Hoe Hin minta Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi menyatakan, sehingga 15 Mac 2009, berapa buah negeri yang telah bersetuju serta akan menyerahkan aset air kepada PAAB dalam langkah kementerian menstrukturkan semula sektor air negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin. Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini Pengurusan Aset Air Berhad atau PAAB telah memuktamadkan pengambilalihan aset air dan liabiliti berkaitannya bagi tiga buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor. Manakala bagi negeri-negeri lain, masih pada pelbagai peringkat rundingan.

Kementerian akan meneruskan rundingan tersebut dengan pihak-pihak berkaitan dan menyasarkan untuk memuktamadkan dengan beberapa negeri lagi seperti Pahang dan Kelantan dalam tempoh beberapa bulan akan datang. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Gooi Hoe Hin.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih atas jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita sedia maklum kini terdapatnya peperangan psikologi di antara Kerajaan Negeri Selangor dengan Kerajaan Persekutuan dan rundingan telah terbantut. Apakah langkah yang diambil selain daripada syabas dan tahniahlah mengemukakan penjelasan...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan pertanyaan itu patut diungkapkan semula, adakah benar berlaku peperangan psikologi. Yang Berhormat tidak boleh buat rumusan sendiri dan pertanyaan di atas rumusan, Yang Berhormat andaikan pula.

Dato' Gooi Hoe Hin: Soalan tambahan saya ialah sama ada kerajaan ...

Tuan Yang di-Pertua: Adakah benar terdapat peperangan psikologi?

Dato' Gooi Hoe Hin: Pada pandangan saya memang menjadi-jadi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan pertanyaan Yang Berhormat. Ini masa pertanyaan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Kenyataan, jadi soalan tambahan saya begini. Sama ada Kerajaan Persekutuan telah mengambil langkah untuk menangkis tangkapan seolah-olah Kerajaan Persekutuan tidak adil dan saksama, itu penting.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu pun bijak.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin dan terima kasih juga kepada Tuan Yang di-Pertua kerana tolong memperjelaskan pertanyaan itu tadi. Sebenarnya tidak ada peperangan psikologi di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Selangor dan apa yang dianggap sebagai peperangan psikologi mungkin berpunca dari apa yang diujahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Bagi pihak Kerajaan Persekutuan, Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sentiasa telus dan sentiasa memberi keterangan dengan begitu tepat dan menunjukkan apakah matlamat kerajaan dalam penstrukturan semula bekalan air di negara kita dan sekiranya ada apa yang boleh dianggapkan oleh Yang Berhormat sebagai peperangan psikologi, itu hanya tanggapan orang ramai oleh kerana ianya selalu ditimbulkan dari sebelah pihak dan kita memang mencari jalan, macam mana kita boleh mengatasi permasalahan yang sedang ada di beberapa peringkat dan pengurusan air di Selangor, iaitu berkenaan dengan pengeluaran air, penapisan air dan pengedaran air. Begitu juga untuk pengguna air. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

14. Tuan Osman bin Bungsu minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, status pemilik tanah kekal Orang Asli dapat dilaksanakan dan bagaimana tanah ini boleh diurus secara FELDA bagi menjamin pendapatan jangka panjang.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian iaitu kementerian saya telah mengemukakan kertas dasar pemilikan tanah kepada masyarakat Orang Asli kepada Jemaah Menteri pada 7 November 2008. Kerajaan pada dasarnya telah bersetuju dengan cadangan tersebut dan ia telah menetapkan seperti berikut:

- (i) pemilikan tanah berkeluasan dua hingga enam ekar untuk tanah ladang;
- (ii) pemilikan tanah 5,000 kaki persegi hingga suku ekar untuk rumah; dan
- (iii) pemberimilikan dikhususkan kepada ketua isi rumah Orang Asli.

Kertas cadangan dasar pemberi milikan tanah ini akan dibentangkan oleh menteri-menteri besar berkenaan sebelum ia dikemukakan kepada Majlis Tanah Negara atau MTN untuk diluluskan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian menerusi Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah pun dapat melaksanakan rancangan pembangunan tanah ala FELDA yang dikenali sebagai Rancangan Pengumpulan Semula atau RPS.

Sejak tahun 1977, di antara komponen RPS ialah projek pembangunan ladang secara komersial, perumahan peserta, infrastruktur asas dan utiliti serta kemudahan *amenity* sosial. Sehingga kini, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah membangunkan 17 RPS yang telah memberi manfaat kepada 4,466 ketua isi rumah Orang Asli. Dalam pada masa yang sama, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah membangunkan tanah masyarakat Orang Asli secara tanaman semula komersial dengan tanaman kelapa sawit dan getah menerusi agensi di bawah kementerian, iaitu RISDA dan FELCRA. Ia hanya melibatkan 167 buah ladang seluas 24,698 hektar yang telah memberi manfaat kepada 10,836 orang peserta. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Osman bin Bungsu.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri kerana menjawab soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ini, pada 7 November 2008, Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan atau mengumumkan bahawa hak milik ini akan diberi kepada 20,000 ketua isi rumah. Soalan tambahan saya, adakah rancangan yang disebut tadi yang melibatkan Akta 134 ini, iaitu akta perlu dipinda. Jadi bilakah atau *time frame*, dengan izin, ia akan dibentangkan di Dewan Rakyat dan seterusnya di Dewan Negara.

Soalan kedua, minta kementerian menyatakan sebab mengapa pihak kementerian melalui pengurusan RISDA dan FELCRA tidak memberi hak milik atau waris untuk mendapatkan dividen selepas kematian peserta seperti mana pengurusan FELDA. Terima kasih.

■ 1120

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa soalan pertama itu sudah dua kali saya jawab di dalam Dewan yang mulia ini. Akta itu adalah dalam peringkat perbincangan sekarang. Saya sudah katakan sebentar tadi perlu ia dirujuk kepada menteri-menteri besar, kerajaan negeri terlebih dahulu sebelum ia dibentangkan ke Majlis Tanah Negara untuk kelulusan, ke Kabinet dan seterusnya ke Parlimen...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh beralih menjawab pertanyaan kedua tadi.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Okey. Bagi pertanyaan yang kedua itu, saya berpendapat ini satu soalan yang luar daripada soalan asal. Jadi nanti saya tengok terlebih dahulu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat pohon notis?

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Ya, saya mohon notis supaya ia dijawab dengan secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

15. Tan Sri Datuk (Dr.) Jins bin Shamsudin minta Perdana Menteri menyatakan, tidakkah kementerian bercadang untuk memantau program-program televisyen berunsur dakwah dari luar negeri dipantau dahulu oleh JAKIM sebelum disiarkan. Terdapat beberapa program yang mengelirukan dengan nilai-nilai Islam berpandukan al-Quran dan sunah Rasulullah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang memantau program-program televisyen berunsur dakwah dari luar negara. JAKIM bersama-sama dengan agensi seperti Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi dan juga Kementerian Dalam Negeri bertanggungjawab untuk memantau, menapis bahan-bahan penerbitan, bahan-bahan gunaan dan audiovisual berunsur Islam sama ada ia melalui media cetak dan elektronik.

Mengenai bahan-bahan dakwah yang didakwa masuk dari luar negeri, ia terlebih dahulu akan mendapat kebenaran Kementerian Dalam Negeri dan atas nasihat serta cadangan kementerian berkenaan, JAKIM akan diminta untuk menapis serta menyemak bahan-bahan tersebut terlebih dahulu sebelum ia disiarkan. Terima kasih.

Puan Hajah Fatimah binti Hamat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, tidakkah kerajaan bercadang untuk meningkatkan program-program televisyen yang mempunyai nilai-nilai murni untuk memberi kesan positif kepada masyarakat. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan peningkatan program ini, ia adalah di bawah Kementerian Penerangan, Tuan Yang di-Pertua dan tidak di bawah JAKIM. Terima kasih.

16. Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah kementerian berpuas hati secara penempatan dan keselamatan guru-guru lepasan KPLI yang ditempatkan ke Sabah dan Sarawak yang antaranya didapati terpaksa menumpang tinggal di rumah-rumah panjang kerana tiada rumah disediakan dan terpaksa menaiki bot berjam-jam untuk ke sekolah kerana terletak di kawasan pedalaman.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Perlembagaan Negara memperuntukkan bahawa tugas-tugas Jemaah Menteri di dokong bersama. Saya membenarkan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa prihatin dan memberi perhatian kepada soal keselamatan guru-guru terutamanya mereka yang berkhidmat di kawasan pedalaman. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah berusaha untuk menyediakan kemudahan prasaran pendidikan termasuk rumah guru yang selamat dan selesa. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, kerajaan telah meluluskan peruntukan pembangunan berjumlah RM1.7 bilion bagi lebih 4,000 buah projek ubah suai dan naik taraf

institusi pendidikan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia termasuklah asrama murid dan rumah guru.

Kementerian Pelajaran Malaysia juga menyediakan program orientasi kepada guru-guru Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah sebelum ditempatkan ke kawasan-kawasan pedalaman. Menerusi program orientasi ini, guru-guru akan diberi taklimat keselamatan, budaya dan tradisi penduduk setempat serta langkah-langkah yang perlu diambil jika berlaku sebarang ancaman keselamatan. Guru-guru juga diberi pendedahan kepada realiti persekitaran supaya sentiasa positif kepada keadaan dan keperluan persekitaran yang berbeza.

Jabatan Pelajaran Negeri sentiasa bertanggungjawab memantau dan memastikan keselamatan guru termasuklah guru-guru Kursus Pengurusan Lulusan Ijazah sepanjang tempoh mereka berkhidmat di kawasan pedalaman. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri....

Tuan Yang di-Pertua: Bila bertanya jangan lupa Yang Berhormat Timbalan Menteri bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran ya. Terima kasih.

Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad: Yang menjawab soalan saya. Pertanyaan tambahan saya ialah apakah langkah terkini yang diambil atau dirangka untuk masa hadapan oleh kementerian untuk menghadapi permasalahan ini serta nyatakan jumlah bilangan mereka terpaksa menghadapi masalah tersebut setakat ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Jika Yang Berhormat mempunyai bahan-bahan jawapan, Yang Berhormat boleh jawab. Jika tiada, boleh mohon notis.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Atas sedikit maklumat tambahan yang ada kena mengena dengan persoalan tetapi angka yang pertanyaan kedua, saya tidak ada. Mungkin itu perlu notis. Namun, untuk menjawab persoalan pertama iaitu langkah-langkah untuk kita menangani masalah ini, jelasnya Kementerian Pelajaran Malaysia sentiasa mengambil berat untuk menyediakan kemudahan dan insentif dan mengurangkan masalah-masalah yang dialami oleh guru-guru ini. Di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan bagi tahun 2006 hingga 2010 iaitu dalam Teras Keempat iaitu untuk merapatkan jurang pendidikan dan teras kelima iaitu untuk memartabatkan profesion perguruan, ada beberapa insentif disediakan, iaitu:

- (a) bayaran Insentif Pedalaman melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5, tahun 2000 dengan kadar 10% daripada gaji bulanan akan diberikan kepada guru-guru di pedalaman; dan
- (b) Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah mengemukakan permohonan kepada agensi pusat untuk memberi elaun khas mengikut lokasi dan tahap kesusahan kepada guru-guru dan anggota kumpulan sokongan di

- bawah Kementerian Pelajaran Malaysia yang bertugas di kawasan pedalaman di mana tindakan pelaksanaan akan diambil sebaik sahaja Kementerian Pelajaran Malaysia menerima kelulusan rasmi daripada agensi pusat di mana kadar elaun khas yang dicadangkan adalah antara RM500 sehingga RM1,500 diberikan kepada guru-guru ini;
- (c) guru-guru layak diberi imbuhan iaitu Imbuhan Tetap Perumahan sekiranya menduduki rumah yang disediakan oleh kerajaan tetapi tidak dianggap sebagai kuarters kerajaan kerana tidak memenuhi kriteria rumah kerajaan yang ditetapkan dan oleh yang demikian, untuk memberi elaun khas ini. Lain-lain kemudahan adalah kemudahan tambang kapal terbang mengunjungi wilayah asal bagi lokasi mengikut wilayah iaitu di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Pembinaan kuarters institusi Pendidikan, skim pinjaman kereta, skim pinjaman komputer, kemudahan perkhidmatan bot dan sampan serta kemudahan perubatan pegawai awam sebagai menarik minat guru berkhidmat di kawasan pedalaman.
 - (d) selain daripada menyediakan elaun khas guru-guru di pedalaman, guru-guru juga diberi peluang menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi sama ada secara sepenuh masa atau secara Program Pendidikan Jarak Jauh dan pada tahun ini, seramai 200 orang guru di pedalaman yang mengikuti program PJJ Pedalaman; dan
 - (e) memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada guru-guru semasa Sambutan Hari Guru.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan akan hanya mempunyai masa sebanyak 270 minit untuk menimbangkan lapan rang undang-undang kecuali ada usul yang akan menambahkan masa untuk Dewan. Maka pertanyaan yang terakhir untuk dikemukakan oleh Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

17. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta Perdana Menteri menyatakan, apakah faktor yang mendorong kerajaan mengadakan semula 'Bulan Dakwah' dan apakah bidang-bidang khusus yang perlu diberi perhatian yang lebih fokus.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kali terakhir diadakan aktiviti Bulan Dakwah ialah pada tahun 1978 iaitu kira-kira 30 tahun yang dahulu di mana program ini pada ketika itu bertujuan menyemarakkan aktiviti dakwah Islamiah di negara ini berjalan dengan begitu baik dan berkesan.

■1130

Atas faktor yang sama, cadangan untuk mengembalikan bulan dakwah ini di adakan semula tetapi kali ini dengan tema, "*Dakwah Pemangkin Ummah*", dan disokong oleh semua

badan dan organisasi Islam di negara ini. Bidang khas memang telah diwujudkan tetapi dinamakan sebagai sepuluh kluster iaitu akidah dan pegangan hidup, perpaduan ummah, kekeluargaan, pendidikan dan dakwah, ekonomi dan keusahawanan, kesihatan dan kebersihan alam sekitar, sains dan teknologi, kebajikan dan masyarakat prihatin, keselamatan dan perundangan dan yang terakhirnya kesenian dan kebudayaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Haji Abdul Rashid.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri yang menjawab. Agak lama daripada kali yang akhir yang diadakan tahun 78 sehingga sekarang lebih kurang 31 tahun. Ertinya telah mengalami beberapa perubahan terutamanya dalam cara-cara menyampaikan dakwah. Adakah Yang Berhormat bercadang untuk menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan media masa elektronik yang ada sekarang ini untuk melaksanakan dakwah ini. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sebenarnya walaupun bulan dakwah yang telah diadakan 30 tahun yang dahulu dikembalikan konsepnya tetapi cara menjayakan bulan dakwah ini adalah sangat kontemporari Yang Berhormat. Kita bukan sahaja mengadakan program-program yang berbentuk tradisional seperti forum, ceramah dan sebagainya. Akan tetapi program-program yang berbentuk kontemporari seperti karnival keusahawanan, karnival motosikal berkuasa besar dan juga yang menggunakan teknologi-teknologi yang tinggi turut juga disertakan. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Nampaknya kita sahaja yang semakin tidak kontemporari. Masa cukup.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.32 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam aturan urusan mesyuarat pada hari ini diputuskan dan diluluskan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan”.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (2008) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [7 April 2009]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh menyambung pembentangan.

11.34 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, saya sambung Bacaan Kali Yang Kedua Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009. Bagi Perbelanjaan Tanggungan Tambahan terbesar adalah sebanyak RM1,611.8 bilion untuk Maksud T.14 - Pencen, Elaun Bersara dan Ganjaran bagi membiayai tambahan bayaran pencen kepada para pesara. Ini disebabkan kenaikan gaji yang diumumkan oleh kerajaan berkuat kuasa 1 Julai 2007 dan kenaikan dalam bayaran ganjaran.

Lain-lain tambahan perbelanjaan tanggung adalah untuk Maksud T.13 - Perbelanjaan Kerana Hutang Negara sebanyak RM122 juta. Maksud T12 - Perbendaharaan sebanyak RM92 juta dan Maksud T.10 - Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran sebanyak RM546,000. Tambahan Perbelanjaan Bekalan, anggaran tambahan perbelanjaan bekalan yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2, rang undang-undang yang dibenarkan adalah sebanyak RM11,132.2 bilion daripada jumlah ini sebanyak RM6,294.5 bilion merupakan pindahan lebih daripada akaun hasil disatukan 2008 ke kumpulan wang pembangunan. Pindahan ini di caj sebahagian daripada perbelanjaan di Maksud B.12 Peruntukan Kepada Kumpulan Wang Terkanun. Sebanyak RM4,837.7 bilion adalah bagi menampung tambahan perbelanjaan bekalan bagi kementerian-kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar tambahan perbelanjaan bekalan tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian iaitu sebanyak RM3,018.2 bilion bagi menampung penambahan bayaran emolument. Kementerian yang terlibat adalah Kementerian Pelajaran sebanyak RM1,239.2 bilion, Kementerian Kesihatan sebanyak RM789.6 juta, Kementerian Pertahanan sebanyak RM629.7 juta, Kementerian Dalam Negeri sebanyak RM298.4 juta, Kementerian Luar Negeri sebanyak RM38.9 juta, Jabatan Perkhidmatan Awam

sebanyak RM16 juta dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat sebanyak RM6.3 juta. Lain-lain tambahan perbelanjaan bekalan yang diperlukan oleh kementerian-kementerian adalah seperti berikut.

Sebanyak RM772.2 juta untuk Maksud B.11 - Perkhidmatan Am Perbendaharaan untuk menampung pembayaran subsidi barangan petroleum tahun 2008. Sebanyak RM296.4 juta untuk Maksud B.7 - Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menampung kenaikan kadar biasiswa dalam dan luar negara. Untuk keperluan Jabatan Penasihat Latihan sedia ada di luar negara serta penambahan tuntutan rawatan perubatan pesara perkhidmatan awam persekutuan dan pesara Angkatan Tentera Malaysia. Sebanyak RM203.6 juta untuk Maksud B.28 - Kementerian Pengangkutan untuk membiayai bayaran akhir subsidi kepada Fly AsianXpress Sdn. Bhd., dan penyaluran geran untuk pembangunan projek kilang *Aircraft Composite Components Assembly* kepada Malaysia Airport Holdings Berhad. Sebanyak RM154.2 juta untuk Maksud B.6 - Jabatan Perdana Menteri untuk membiayai projek-projek khas di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk menaik taraf pusat-pusat pemindahan banjir geran penubuhan *International Multilateral Partnership Against Cyber-Terrorism*.

■ 1140

Penyusunan semula Unit Penyelarasan Pelaksanaan, penyusunan semula Jabatan Wilayah Agama Islam Persekutuan atau JAWI, dan untuk membiayai kos kenaikan sewa pejabat dan penyelenggaraan pejabat baru bagi Jabatan Perangkaan.

Sebanyak RM128 juta untuk memasuki B.60 Kementerian Pertahanan adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan *lump sump* peluru dan roket Atros, perbelanjaan minyak dan pelincir yang meningkat ekoran kenaikan harga petroleum dan penggunaan minyak kapal yang tidak dirancang disebabkan arahan penugasan TLDM di dalam Operasi Fajar di Teluk Eden, Somalia.

Sebanyak RM100.9 juta untuk memasuki B.62 Kementerian Dalam Negeri untuk membiayai pewujudan balai polis dan pondok polis komuniti di bawah Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Program Pencegahan Jenayah, catuan makanan banduan, pemasangan peralatan *monitoring mobile phone* di dalam penjara dan perbelanjaan perhubungan dan utiliti bagi institusi penjara serta penyediaan perkakasan ICT dan kemudahan perkhidmatan talian komunikasi luas, sistem TARO, bayaran sewaan ruang pejabat Agensi Anti Dadah Kebangsaan dan perbelanjaan pentadbiran Jabatan Pertahanan Awam Malaysia.

Sebanyak RM60 juta untuk maksud B.27 Kementerian Kerja Raya adalah bagi membiayai kerja pembaikan pelbagai kerosakan jalan, jabatan dan cerun akibat banjir.

Sebanyak RM33.8 juta untuk maksud B.31, Kementerian Pelancongan untuk membiayai perbelanjaan emolumen dan kenaikan kos operasi pejabat Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dalam dan luar negara.

Sebanyak RM30.8 juta untuk maksud B.44, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan untuk membiayai Hari Seniman, pembelian terus buku-buku karya penulis

tempatan untuk Perpustakaan Desa di seluruh negara, tambahan emolumen bagi kaki tangan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional dan pelbagai perbelanjaan bagi Perpustakaan-perpustakaan Desa.

Sebanyak RM28.1 juta untuk maksud B.13, Kementerian Luar Negeri untuk membiayai sumbangan kepada badan berkanun dan pelarasan yuran sekolah serta bagi membiayai pelbagai perbelanjaan pentadbiran di dalam dan luar Negara.

Sebanyak RM6 juta untuk maksud B.49 Kementerian Pengajian Tinggi untuk membiayai *grant match-up* daripada Kerajaan Malaysia kepada *Curtin University of Technology*, Sarawak untuk mempromosikan bidang penyelidikan dan pembangunan.

Sebanyak RM5.8 juta untuk maksud B.26 Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk membiayai bayaran imbuhan tahun 2008.

Butiran dan penjelasan lanjut mengenai peruntukan tambahan bagi Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua 2008 adalah seperti dalam penyata anggaran tambahan yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah I Tahun 2009 dan Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan sebagai kertas Perintah 1A Tahun 2009. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sokongan?

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-Undang Bernama Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang Daripada Kumpulan Disatukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 2008 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu, bagi tahun itu dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: *[Bangun]*

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: *[Bangun]*

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: *[Bangun]*

Tuan Ahmad bin Hussin: *[Bangun]*

Dato' Ir. Hiang A Li: *[Bangun]*

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Datuk Wira Syed Ali selepas itu Puan Hajah Mumtaz, Profesor Dato' Dr Firdaus dan Tuan Ahmad bin Hussin. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat lain? Dato' Ir. Hiang A Li dan Dato' Wan Nordin. Silakan Yang Berhormat.

11.47 pagi

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatu*. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan ruang kepada saya untuk turut sama-sama membahaskan Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini adalah hari terakhir untuk saya berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara yang mana tempoh perkhidmatan saya akan tamat pada 20 April 2009. Jadi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan di Dewan Negara ini yang telah bersama-sama dengan saya sepanjang tempoh perkhidmatan saya.

Tuan Yang di-Pertua pada hari ini kita akan membahaskan Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua (2008) 2009. Saya juga turut sama-sama untuk memberikan pandangan saya untuk berkongsi bersama di dalam Dewan yang mulia ini. Saya pergi ke bilangan ke-8, Kementerian Pelajaran B.41, yang mana Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua telah diperuntukkan RM1,240,000,000. Tuan Yang di-Pertua, kita telah melihat bahawa Kementerian Pelajaran adalah sebuah kementerian yang cukup penting kerana kementerian ini melahirkan generasi-generasi ataupun merupakan kilang-kilang untuk melahirkan warganegara yang bertanggungjawab untuk sama-sama memastikan negara kita Malaysia dihormati, disegani, berjalan dengan baik dan teratur.

Saya hendak bawa salah satu kes yang saya rasakan perlu Kementerian Pelajaran melihat apabila mendapat tambahan peruntukan ini. Yang mana kes buli pelajar yang telah berlaku di Sarawak dan telah disiarkan secara berleluasa di dalam *YouTube* yang amat memalukan dan mendukacitakan.

Saya merasakan bahawa kementerian perlu memantau dengan bersungguh-sungguh secara konsisten kes buli pelajar Tuan Yang di-Pertua. Kerana kita tidak mahu kes buli pelajar ini menjadi satu wadah yang dibenarkan disiarkan secara meluas sehingga ada pelajar-pelajar yang takut untuk pergi ke sekolah. Secara umumnya Tuan Yang di-Pertua, apabila pelajar-pelajar yang terlibat dalam jenayah dan kes-kes disiplin pelajar akan dibuang sekolah. Apabila Ibu bapa membuat rayuan maka sekolah akan menerima balik pelajar-pelajar tersebut. Jadi pelajar tidak takut melakukan kesalahan disiplin ataupun jenayah kerana mereka beranggapan bahawa mereka dapat masuk semula ke sekolah. Apabila mereka masuk ke sekolah mereka juga akan mula mempengaruhi rakan-rakan mereka.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ingin saya cadangkan kepada pihak kementerian supaya satu dasar yang lebih tegas terhadap pelajar-pelajar yang terlibat dalam jenayah mahupun kes-kes disiplin yang berat iaitu Tuan Yang di-Pertua, kita ada konsep Sekolah Henry Gurney. Saya cadangkan mereka ini dimasukkan ke sekolah tersebut, pisahkan pelajar sekolah harian dan masukkan mereka ke Sekolah Henry Gurney. Kerajaan jika rasa ada kekurangan, tempat tidak cukup dan sebagainya saya cadangan supaya ditambahkan konsep Sekolah Henry Gurney ini dan kita gunakan pendekatan modul latihan PLKN dalam mendidik mereka supaya menjadi seorang rakyat yang berguna.

■1150

Ini cukup penting Tuan Yang di-Pertua, kerana kes ini semakin hari semakin menjadi-jadi. Kementerian harus melihat supaya ini akan menjadi satu teladan kepada mereka yang melakukan kes-kes disiplin. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan..

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Minta laluan Yang Berhormat. Minta laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Silakan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat tadi tentang disiplin murid-murid di sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat, di sekolah kita juga ada guru-guru disiplin, sebelum kita menghukum murid-murid ini atau pelajar-pelajar ini dihantar ke Sekolah Henry Gurney. Apa katanya kalau guru-guru disiplin di sekolah ini diperhebat, diperketat. Kita lihat hari ini ramai guru-guru disiplin di sekolah ini kita kurangkan, supaya guru ini kita kurangkan mata pelajaran untuk mengajar di sekolah.

Kalau boleh lebih daripada RM1 bilion peruntukan tambahan daripada Kementerian Pelajaran. Kalau tidak ada elaun kepada guru disiplin, kita beri elaun tambahan. Sebab guru disiplin dia akan kerja mungkin daripada pagi. Kalau ada dua sesi sekolah itu daripada pagi hingga petang. Guru disiplin ini mungkin boleh pagi hingga petang. Perbanyakkan guru disiplin di sekolah ini. Saya rasa dengan cara ini mungkin guru-guru disiplin boleh mengawasi murid-murid atau pelajar-pelajar ini daripada memperketat disiplin di sekolah. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju jika diperbanyakkan guru-guru disiplin bagi kita menangani masalah-masalah disiplin di sekolah. Kerana kadang-kadang kalau kita pergi di sesebuah sekolah itu, dia mempunyai seramai 1,000 lebih murid yang belajar di sekolah tersebut tetapi hanya ada satu guru disiplin. Macam mana satu guru disiplin ini hendak mengawal 1,000 lebih pelajar? Saya amat berharap kementerian akan melihat perkara ini untuk menambahkan lagi guru-guru disiplin supaya mereka juga dapat memainkan peranan mereka kepada pelajar-pelajar tersebut. Satu isu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan syabas...

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat, minta laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sekejap.

Tuan Osman bin Bungsu: Isu dulu.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya. Saya habiskan dahulu. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan syabas kepada Kementerian Pelajaran yang mana kita telah dengar bahawa kementerian telah bersetuju untuk diadakan hukuman merotan setelah melihat masalah disiplin di sekolah kian meningkat. Ini satu pendekatan yang baik. Saya dari dulu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju kata rotan tidak dibenarkan. Ini patut diadakan dan diteruskan. Zaman persekolahan saya Tuan Yang di-Pertua, saya pernah dirotan... [Tepuk]

Hari ini saya di dalam Dewan Negara. Ini saya rasa merotan ini perlu diadakan kepada pelajar-pelajar yang melanggar disiplin supaya menjadi satu contoh dan teladan untuk mereka menjadi orang yang baik. Sebab itu untuk saya, ibu bapa perlu memberi sokongan kerana saya harap sekolah tidak akan menyalahgunakan kuasa untuk merotan pelajar-pelajar yang patut dirotan. Saya hendak beri peluang kepada Tuan Osman bin Bungsu untuk bertanyakan soalan.

Tuan Osman bin Bungsu: Terima kasih Yang Berhormat. Begitu gagah walaupun di saat-saat akhir dia bertugas. Yang Berhormat, berdasarkan daripada disiplin pelajar ini kita melihat bahawa beban tugas guru ini yang mungkin menyebabkan disiplin ini meningkat kerana kita tahu guru bukan sahaja difokuskan kepada PNP, pengajaran dan pembelajaran tetapi kalau kita lihat kebelakangan ini guru bekerja sebagai seorang kerani. Kerja-kerja perkeranian ini cukup banyak dan kita tengok sampai hari Sabtu pun, hari Ahad pun, walaupun diberi cuti seminggu, sebulan dua kali, tetapi asyik penuh waktunya. Kadang-kadang kuasa yang diberikan kepada pengetua dan guru besar, waktu cuti pun guru-guru ini tidak dapat bersama dengan anak-anaknya. Bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Jadi apa pandangan Yang Berhormat untuk mengatasi keadaan ini?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, dengan penambahan RM1.2 bilion ini saya rasa pihak kementerian patut menambahkan. Kalau sekiranya perkeranian tidak cukup di sekolah dan sebagainya, kerana guru tugas dia bukan kerani. Tugas dia untuk mendidik anak-anak kita dan ini menjadi mustahak Tuan Yang di-Pertua, kerana ia merupakan kilang untuk kita melahirkan belia dan remaja untuk menjadi warga negara yang bertanggungjawab. Sebab itu untuk saya Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya anggaran perbelanjaan tambahan yang saya rasa Kementerian Pelajaran ini adalah sebuah kementerian yang banyak menerima peruntukan-peruntukan, saya rasa patut diberi fokus kepada sekolah-sekolah terutamanya kepada guru, kepada guru disiplin dan sebagainya. Kerana merekalah yang bertanggungjawab untuk sama-sama melahirkan anak-anak yang cemerlang. Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sentuh...

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat habis saya ada sedikit soalan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Okey. Silakan.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Apa pandangan Yang Berhormat, apa yang menyebabkan anak-anak ini berlaku ganas, buli dan sebagainya. Tidakkah Yang Berhormat terfikir juga, saya berpendapat bahawa anak-anak ini banyak menonton filem-filem ganas. Filem-filem ganas, filem-filem drama yang ditayangkan di sini, keganasan-keganasan yang ditayangkan dalam filem ini menyebabkan mereka menjadi peniru dan akhirnya berlakulah sesuatu pembulian dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat Tan Sri. Saya bersetuju dengan Tan Sri bahawa banyak filem-filem barat yang kita import daripada negara luar yang dibawa masuk. VCD-VCD yang dijual berleluasa di negara ini, secara tidak langsung boleh mempengaruhi pelajar-pelajar tersebut. Sebab itu, pihak yang bertanggungjawab harus mengawasi kerana kita sekarang ini Tan Sri bukan sahaja di pawagam, di televisyen tetapi anak-anak sekarang, pelajar-pelajar sekarang mempunyai *laptop* nya sendiri dan mereka boleh mendapat sewenang-wenangnya VCD-VCD seperti ini.

Jadi ini harus dipantau kerana kalau kita tidak ada penguatkuasaan, saya kluatir maka lebih banyak perkara-perkara jenayah yang akan membuat mereka ini terasuk ataupun terlibat dan membuat sesuatu di dalam sekolah. Saya harap pihak yang bertanggungjawab akan mengambil perhatian.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya hendak sentuh dalam Kementerian Pelajaran yang saya lihat adalah, baru-baru ini Yang Berhormat Kementerian Pelajaran telah mengutarakan bahawa guru Kumpulan 'A' akan dibenarkan berpolitik. Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, untuk membenarkan guru berpolitik ini ada baik dan buruknya. Perkara ini harus dilihat oleh kementerian dengan begitu teliti kerana guru perlu dipantau dan dikenakan syarat untuk mengambil bahagian dalam berpolitik. Dia kena pantau Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak boleh sewenang-wenangnya kerana guru adalah pendidik. Saya kluatir Tuan Yang di-Pertua, kalau mereka salah berpolitik, mereka bawa konsep itu dalam persekolahan kepada pelajar-pelajar, ia akan mengakibatkan banyak perkara-perkara yang tidak baik dilakukan.

Guru dan pihak sekolah juga harus tahu batas-batas berpolitik dalam kawasan sekolah. Sebab sekolah ini Tuan Yang di-Pertua, kita adalah kilang yang hendak melahirkan warganegara yang bertanggungjawab. Kita tidak mahu tempat ini digunakan sebagai tempat untuk berpolitik dan kita tidak mahu juga guru-guru yang dibenarkan berpolitik menyebarkan fahaman politik kepada pelajar-pelajar. Sebab mereka belum bersedia lagi untuk disebar dengan elemen-elemen politik.

Maka saya harap apabila kalau kerajaan atau kementerian telah menetapkan bahawa mereka boleh berpolitik, saya mengharapkan bahawa tugas mereka juga tidak akan diganggu di sekolah. Saya harap Jemaah Nazir Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada cukup ataupun tidak cukup untuk memantau kualiti pengajaran guru tersebut. Saya rasa kalau tidak cukup Tuan Yang di-Pertua, maka saya harap Kementerian Pelajaran akan menambah lebih banyak lagi Jemaah Nazir untuk memantau penglibatan guru-guru ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang saya hendak sentuh adalah mengenai Jabatan Perdana Menteri yang mana peruntukan-peruntukan yang diturunkan kepada ICU iaitu Unit Penyelarasan Pelaksanaan Wilayah Persekutuan. Ini Tuan Yang di-Pertua, 3, 4 tahun yang dahulu apabila peruntukan-peruntukan ini turun, maka kita bolehlah memberi peruntukan ini untuk memperbaiki, naik taraf sekolah yang terdapat di kawasan kita. Akan tetapi pada tahun ini Tuan Yang di-Pertua, dukacita dimaklumkan bahawa ICU memaklumkan kerajaan memutuskan supaya kerja-kerja menaik taraf dan penyelenggaraan dalam sekolah tidak termasuk dalam peruntukan ini.

■1200

Saya berharap ICU mahupun kerajaan mengkaji semula walaupun kita difahamkan bahawa Kementerian Pelajaran telah diberi peruntukan besar oleh kerajaan untuk tahun 2009. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, sekolah ini terlalu banyak sepuluh 15,000 lebih sekolah yang ada di dalam negara kita. Tidak terjaga Tuan Yang di-Pertua oleh Kementerian Pelajaran. Oleh

sebab itu apabila kita turun ke bawah pergi melihat keadaan sekolah kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, sekolah dalam bandar kita pun malu Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang pemimpin kita dia tidak turun dia tidak tengok keadaan sekolah. Kita yang tengok dan kita rasa adalah patut untuk menggunakan peruntukan yang ada untuk kita membantu kerana ini merupakan Tuan Yang di-Pertua tempat kilang kita didik anak-anak kita. Keadaannya mesti selesa. Mesti ada tempat yang elok dan sebagainya. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, kita pergi ke bilik air, pintu bilik air pun tidak ada Tuan Yang di-Pertua. Jadi macam mana kita hendak mendidik anak-anak kita.

Kita berharap ICU akan memberi kebenaran untuk kita menaik taraf kerja-kerja penyelenggaraan di kawasan sekolah. Saya juga Tuan Yang di-Pertua apabila turun di kawasan-kawasan sekolah. Tuan Yang di-Pertua saya tengok lebih kurang 80%, 90% sekolah-sekolah ini perlu diberi bantuan. Peruntukan untuk menaik taraf dan saya harap Kementerian Pelajaran yang dapat peruntukan yang begitu banyak lebih bijak untuk mengagih-agihkan peruntukan ini dan tidak terlepas pandang kepada sekolah-sekolah yang memerlukan naik taraf dan penyelenggaraan dan saya berharap terutamanya kepada Jabatan Pelajaran Negeri, pastikan agihan dibuat dengan bijak, adil dan saksama.

Tuan Yang di-Pertua, bilangan 1(b) Jabatan Perkhidmatan Awam. Sebanyak RM312,400,000 telah diperuntukkan. Saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, kita bersetuju peruntukan diberi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam. Akan tetapi saya hendak minta kerajaan kita hari ini supaya mengkaji semula Tuan Yang di-Pertua perkhidmatan kontrak pegawai-pegawai yang bersara untuk berkhidmat semula kerana untuk kita Tuan Yang di-Pertua kita sudah lanjutkan umur sampai 58 tahun Tuan Yang di-Pertua. Jadi pegawai-pegawai yang bawah ini sudah tunggu sampai umur dia 58 tahun akhirnya dia disambung pula lagi kontrak. Saya hendak minta kita kaji semula kerana umur 58 tahun itu tidak akan lah kita ini tidak hendak bersara? Saya hendak bersara ini Tuan Yang di-Pertua. Hari ini *last day*. Umur 47 tahun.

Saya terima hakikat tidak ada masalah Tuan Yang di-Pertua. Bersara umur 47 tahun, enam tahun adalah penggal maksimum. Saya amat bersetuju kerana kita kena beri peluang kepada rakan-rakan yang lain untuk masuk berbahas dalam Dewan. Tidak akan lah tidak ada orang lain hendak berbahas Tuan Yang di-Pertua. Jadi umur 58 tahun adalah satu umur yang saya rasa cukup baik untuk pegawai-pegawai kerajaan bersara.

Ini ramai hadapan belakang saya pegawai kerajaan. Duduk dalam Dewan tulis Tuan Yang di-Pertua. Mereka pun hendak naik pangkat juga. Jadi kalau kita *renew* atau pun memberi kontrak tambahan kepada mereka, ini akan menjejaskan peluang pegawai-pegawai kerajaan untuk kenaikan pangkat dan secara tidak langsung Tuan Yang di-Pertua akan timbulah *silent protest* mereka terhadap kerajaan pada pilihan raya umum. Jadi ini kerajaan saya harap akan melihat kembali supaya pegawai-pegawai kerajaan semua ada peluang. Jadi kepada pegawai-pegawai kerajaan kita bersetuju mereka semua diberi peluang tetapi taatlah kepada kerajaan anda.

Ini Tuan Yang di-Pertua saya kena sentuh kerana untuk kita Tuan Yang di-Pertua saya dapat elaun sebagai Ahli Dewan Negara, pegawai-pegawai kerajaan mereka mendapat gaji bulanan. Kita tidak mahu makan gaji buta Tuan Yang di-Pertua. Kita diberi amanah dan tanggungjawab untuk menjalankan tugas kita. Saya minta kepada pegawai-pegawai kerajaan yang ada dalam Dewan ini saya ucapkan terima kasih. Mereka setiap kali datang duduk tunggu sampai habis Tuan Yang di-Pertua. Tadi kita dengar Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri usulkan supaya hari ini tidak akan ditamatkan sehingga habis usul-usul Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beritahu pegawai kerajaan kena tunggu. Ini sampai pukul berapa hendak habis tidak tahu. Ahli-ahli Dewan Negara kena tunggu. Kadang-kadang yang sudah balik pun ada Tuan Yang di-Pertua. Ini perkara yang saya hendak bangkitkan. Hari semalam Tuan Yang di-Pertua saya tengok tujuh lagi rang undang-undang dimasukkan dalam Dewan yang mulia ini. Tujuh Tuan Yang di-Pertua dan kita diminta habiskan hari ini juga. Inilah kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, Dewan Negara dipanggil *rubber stamp*. Dibawa masuk tujuh rang undang-undang lepas itu dia minta kita luluskan tujuh rang undang-undang... [Tepuk] Saya hendak bertanya kenapa tidak boleh tambah hari Tuan Yang di-Pertua? Kalau Dewan Rakyat boleh bersidang sampai tiga bulan apa salah sebulan kita bersidang? Berilah peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara untuk menyatakan pandangan tentang rang undang-undang ini. Ini tidak Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita hendak buat ramai rakan saya hendak bercakap nanti, bila hendak habis Tuan Yang di-Pertua? Tidak akan kita rang undang-undang tidak sempat orang hendak bercakap lulus. Bila lulus ini Dewan Negara, *rubber stamp*.

Pandangan saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua saya tidak hendak rakan-rakan saya masih berada di sini harus memperjuangkan. Kalau tidak cukup hari, tambah. Apa salahnya tambah hari Tuan Yang di-Pertua? Kalau kita bersidang tujuh hari sahaja paling tinggi pun 12 hari. Akan tetapi saya tengok Dewan Rakyat bersidang sampai tiga bulan. Banyak rang undang-undang mereka berbahas tetapi kita tidak diberi peluang. Jadi kita harap Tuan Yang di-Pertua ini akan dilihat kembali oleh kerajaan supaya memberi peluang dan ruang kepada Ahli-ahli Dewan Negara untuk membahaskan rang undang-undang ini. Janganlah kita *bypass* macam itu sahaja Tuan Yang di-Pertua. Saya khatir setengah itu dia sudah *booking* tiket hendak balik malam ini Tuan Yang di-Pertua. Jadi kita kena lulus, lulus. Jadi rang undang-undang ini dibacakan tanpa perbahasan. Ini yang saya harap kerajaan akan lihat semula. Kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berada dalam Dewan ini saya hendak ucapkan terima kasih kerana sumbangan mereka juga bersama-sama. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua ada yang mereka buat, ada yang perlu diberi pandangan dan teguran.

Untuk saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri teguran yang membina. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua saya sudah duduk enam tahun dalam Dewan Negara ini. Kadang-kadang soalan kita yang kita kemukakan, yang kita bahas yang kita bercakap yang kita bawa untuk diangkat kepada kementerian-kementerian kadang-kadang tidak dijawab langsung Tuan

Yang di-Pertua. Saya tidak tahu hendak salahkan siapa. Hendak tunggu Yang Berhormat Menteri atau Yang Berhormat Timbalan Menteri kita tidak ada dalam Dewan. Wakil-wakil kementerian. Kadang wakil kementerian ada, kadang wakil kementerian tidak ada. Jadi perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negara ini kadang-kadang tidak diambil dan dibawa kepada pengetahuan kementerian tersebut untuk mereka menjawab balik.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita bersidang hari yang terakhir. Tujuh hari kita bersidang banyak perkara yang dibangkitkan. Ada yang dijawab, ada yang tidak dijawab. Ada soalan yang kita kemukakan tidak jawab langsung pun ada Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang kita buat soalan ini Tuan Yang di-Pertua, kita duduk kita berfikir cari apa soalan hendak tanya tetapi kadang-kadang jawapan itu tidak ada kepada kita. Kita harap bahawa pihak atau wakil-wakil kementerian yang ada satu hari nanti Tuan Yang di-Pertua kalau boleh untuk mempertingkatkan dalam Dewan ini saya cadangkan setiap wakil kementerian kena ada Tuan Yang di-Pertua. Nama kementerian dari mana-mana mereka datang. Kadang kita tidak tahu mereka duduk di belakang kita tidak tahu dari kementerian mana yang mereka datang. Jadi mereka harus duduk mendengar, harus catat...

Dato' Gooi Hoe Hin: Yang Berhormat, boleh pohon laluan?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Okey, silakan.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih atas semangat sehati sejiwa walaupun hari yang terakhir. Saya juga terpanggil dua isu Yang Berhormat utarakan iaitu melanjutkan kontrak lagi kontrak. Bukan sahaja melanjutkan kontrak apabila pegawai itu bersara. Apatah lagi lepas lanjutan dan lanjutan habis berkhidmat terus berkhidmat di semua GLC. Tidak akan tidak ada orang lain daripada hanya tidak payah sebut nama, itu satu. Apa pendapat? Yang kedua, memang betul semalam saya terima tujuh letak di sini, 4.30 petang. Saya ingat saya tidak boleh bacalah. Tidak perlu bahas kita luluskan sahaja. Apa pandangan Yang Berhormat?

■ 1210

Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Sudah. Okey. Bagi.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya hendak menambah rasa keprihatinan yang disuarakan oleh Yang Berhormat tadi dengan membawa, mengimbas apa yang berlaku di Dewan ini kira-kira 40 tahun yang lalu Tuan Yang di-Pertua. Waktu itu saya jadi seorang wartawan muda duduk dekat sana dan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ini pernah ditimbulkan oleh tidak lain tidak bukan ayahanda kepada Tun Abdullah, Dato' Ahmad Badawi yang menyatakan tentang bagaimana penghargaan kerajaan terhadap Dewan ini sehingga dia menggunakan..., saya ingatkan lagi sampai sekarang..., ada orang katanya memanggil Dewan ini bukan Dewan Senat *typical* dia orang panggil kita 'dewan senget'. Ini adalah ungkapan daripada Allahyarham Dato' Haji Ahmad Badawi sewaktu beliau menjadi ahli senator di sini dan saya jadi seorang wartawan muda dekat sana, 40 tahun yang lalu.

Jadi untuk menjaga supaya kita jangan merosot menjadi 'dewan senget' saya rasa perhatian, apa pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Syed tadi

dan juga Yang Berhormat Dato' Tuanku patutlah kita beri perhatian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Dato' Gooi. Saya bersetuju Dato' Gooi tentang pegawai-pegawai tinggi kerajaan ini sudahlah disambungkan kontrak, sambung punya sambung sampai tidak boleh sambung sudah. Keluar bagi pula *chairman, GLC company*. Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kadang-kadang kita tengok keputusan-keputusan pilihan raya ini rakyat marah macam sudah tidak ada orang lain sudah. Apa yang dilakukan di Dewan Negara enam tahun. Suka tidak suka, sihat tidak sihat, muda ke tua, pencen. Jadi peluang orang lain ada. Ini tidak Tuan Yang di-Pertua, dia sudah berkhidmat sampai 58 mungkin disambung 3, 4 tahun, 60 lebih. Selepas itu dia pula dibawa duduk dalam satu *GLC company*, diberi kereta, diberi *driver* dan sebagainya.

Ini yang Tuan Yang di-Pertua yang harus pihak kerajaan lihat kembali kerana untuk kita, kita hendak cari orang-orang yang profesional yang dapat terus memajukan GLC-GLC Tuan Yang di-Pertua. Bukan orang yang sudah pencen hendak duduk di situ hendak berkhidmat hendak mendapat fasiliti-fasiliti. Saya rasa sudah cukup Tuan Yang di-Pertua, mereka sudah berkhidmat sudah diberi macam-macam sudah. Berilah peluang dan ruang kepada mereka yang lebih profesional yang dapat berkhidmat dengan lebih baik untuk GLC-GLC ini.

Tadi juga Yang Berhormat Dato' Firdaus, dia menyebut bahawa satu ketika dulu 40 tahun dipanggil 'dewan senget' Tuan Yang di-Pertua. Selepas itu, ada orang panggil *rubber stamp* dan sebagainya. Itulah Tuan Yang di-Pertua kalau kita tengok adilkah? Saya ingatkan pegawai-pegawai kerajaan pun mereka pun bersetuju dengan kita Tuan Yang di-Pertua bawa masuk tujuh rang undang-undang, malam ini juga kena habis atau pukul 12.00 malam kena bahas kena habis kerana kita kena luluskan sebab Dewan Negara tidak akan bersidang lagi.

Untuk saya ia adalah perkara yang tidak adil kerana ini menekan Ahli-ahli Dewan Negara. *You* kena lulus rang undang-undang ini. Suka tidak suka. Kalau *you* tidak suka hendak bahas, bahaslah sampai malam. Saya rasa ramai malam sudah balik Tuan Yang di-Pertua sebab itu Dato' Gooi kata dia pun tidak larat hendak baca, kita luluskan sahaja. Akhirnya Dewan ini dikenali sebagai *rubber stamp*. Kita tidak mahu bahas. Bukan kita tidak hendak bahas Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang kita kena buat *homework*. Saya tidak faham Tuan Yang di-Pertua kenapa baru kelmarin petang hantar tujuh rang undang-undang kepada kita orang.

Sepatutnya sebelum kita bersidang Dewan Rakyat sudah habis hantar kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Persidangan ini rang undang-undang ini untuk dibahaskan untuk perhatian ambil tindakan. Kita boleh buat *homework* kita. Takkan rang undang-undang datang ini hari, ini hari kita hendak bahas. Kita pun hendak kena baca Tuan Yang di-Pertua. Harus memberi masa kepada kita. Itulah saya harap Dewan Negara akan diberi ruang untuk bersidang lebih lama. Jangan ikut tujuh hari, tujuh hari kena habis. Bawa masuk segala rang undang-undang Tuan Yang di-Pertua, paksa Ahli-ahli Dewan Negara suruh *endorse* dan bersetuju. Kita bukan tidak hendak bersetuju tetapi bagilah ruang, peluang Ahli-ahli Dewan negara hendak menyuarakan pandangan dan

pendapat supaya rang undang-undang ini dapat kita bahas dan kita luluskan dengan cara berhemah. Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Lualuan Yang Berhormat. Terima kasih. Saya juga tertarik Yang Berhormat dengan rakan-rakan tadi iaitu tentang Dewan Negara ini. Tuan Yang di-Pertua, kita Dewan Negara ini adalah Dewan yang terakhir yang akan meluluskan dan mengkaji undang-undang ataupun *bil-bil* yang dihantar kepada kita. Kita mintalah perhatian supaya kaum yang ada di Dewan Negara ini, Yang Berhormat ini janganlah dianggap sebagai *rubber stamp*. *Rubber stamp* tidak apa juga, ada orang kata singa sarkas Tuan Yang di-Pertua. Singa sarkas ini dia mengaum-mengaum akhirnya kita kena lulus, fikir tujuh *bil* yang kita hendak lulus hari ini. Bolehkah kita baca? Semalam *bil* ini hendak dihantar, hari ini kita kena lulus Tuan Yang di-Pertua. Adilakah kepada kita?

Hendak tolak tidak boleh. Sebab itu kata singa sarkas. Kita bercakap kita boleh mengaum hari ini. Tetapi akhirnya kita kena lulus dan rang undang-undang ini bagi kita, kita puas hatikah tidak? Ada masalah sudah tentu undang-undang yang dibentangkan hari ini sudah tentu ada perkara yang patut diperbetulkan, bukan seratus peratus tetapi hari ini kita tidak boleh. Kalau kita kata ada pindaan. Bolehkah kita buat pindaan dalam Dewan? Kita kata boleh hendak buat tapi akhirnya kita tidak boleh. Sebab itu bagi saya Tuan Yang di-Pertua, tujuh *bil* ini, hendak lulus pun sebelum 12 malam, 12 seminit tidak boleh sudah. Malangnya sehingga 12 malam kita kena lulus. Itu pun akhir tinggal beberapa orang Tuan Yang di-Pertua yang ada sebab bukanlah semua Dato', bukan Yang Berhormat tidak mahu duduk dan mendengar dan berbincang sebab mereka kata kalau bincang pun tujuh *bil* ini berapa minit kita hendak bercakap. Sebentar lagi semua cakap duduklah, kita lulus sahaja.

Semua pakat hendak balik cepat sebab tidak ada gunanya kita bincang rang undang-undang. Rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak melaksanakan. Sudah tentulah sesuatu yang berlaku undang-undang ini tidak betulkah, ada masalahkah, siapa yang bertanggungjawab? Rakyat kata ini Yang Berhormat dalam dewan. Inilah Dewan Rakyat, Dewan Negara yang luluskan rang undang-undang ini. Inilah masalah dia Tuan Yang di-Pertua. Saya mintalah lain kali kalau perkara-perkara begini supaya beri peluang kepada kami. Berilah masa kepada kami untuk mengkaji rang undang-undang ini. Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Itu Yang Berhormat, seingatan saya selama menjadi Ahli Dewan Negara enam tahun ini, tidak silap saya ada dua ataupun tiga rang undang-undang yang pernah Dewan tolak Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat Tuan Yang di-Pertua masih ingat salah satu ialah Kementerian Pertanian tidak silap saya, dia ada bawa kita ada *pick-up* dan kita kata tolak. Kalaulah kita diberi masa yang secukupnya untuk kata melihat mengkaji, kita pun hendak main peranan dan bertanggungjawab. Ini Dewan yang tertinggi Tuan Yang di-Pertua. *Upper House*, dipanggil Dewan yang tertinggi tetapi Dewan tertinggi dihempuk dengan tujuh akta. Malam ini engkau kena habis.

Macam mana kita hendak buat? Kita diikat tangan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kita patut bari peluang kepada Ahli-ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak sentuh. Saya sentuh fasal rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua. Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah rakan-rakan saya dalam Dewan Negara ini Tuan Yang di-Pertua, kita hendak bersidang, kita ada notis. Kita telah dimaklumkan bahawa Dewan akan bersidang tujuh hari bermula tarikh ini hingga tarikh ini. Tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negara pastikan kehadiran kita di Dewan yang mulia ini. Tidak ada perkara yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua kecuali *the Upper House*, Dewan Negara. Saya musykil saya hendak habis dah ini Tuan Yang di-Pertua, ada rakan-rakan yang tidak masuk langsung. Saya tidak nampak langsung dia masuk. Apakah jawatan yang dia ada sebagai Ahli Dewan Negara itu tidak penting untuk dia bersama-sama dalam Dewan.

Ini *Upper House* Tuan Yang di-Pertua. Pegawai-pegawai kerajaan pun melihat - eh, tidak ada. Kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, tinggal sembilan, sepuluh orang Tuan Yang di-Pertua. Saya mengira Tuan Yang di-Pertua fasal takut tidak cukup kuorum kita hendak mesyuarat ini. Kita hendak membincangkan satu perkara. Ini tanggungjawab, amanah yang tuan-tuan telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara kecuali yang tidak dapat dielakkan. Maklum kepada Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-ahli Dewan Negara masuk dan duduklah dalam Dewan. Kita dapat elaun Tuan Yang di-Pertua. Kita hendak kita terima elaun ini kita bertanggungjawab. Jangan kita hilang empat hari, lima hari. Ada yang tidak masuk terus pun Tuan Yang di-Pertua sebab saya tidak ingat Tuan Yang di-Pertua bagi tahu si pulan si pulan memohon cuti bawah peraturan ini. Saya tidak dengar daripada hari pertama sampai hari ini tetapi ada Ahli-ahli Dewan Negara yang tidak masuk ke dalam Dewan. Perkara ini harus dilihat kerana ia merupakan satu tanggungjawab kalau kita rasa kita tidak boleh pegang sebagai Ahli Dewan Negara, jangan terima sebab mungkin perniagaan kita besar daripada elaun Ahli Dewan Negara.

■1220

Dewan Negara Tuan Yang di-Pertua, ia bersidang mengikut masa yang telah ditetapkan, maka kita harus bertanggungjawab, yang lain semua tidak mustahak, yang mustahak tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan. Inilah pandangan sebagai rakan-rakan kerana inilah pengalaman enam tahun yang saya lalui, kita kongsi bersama kerana ini merupakan satu tanggungjawab kita hendak memastikan peranan yang telah diberikan kepada kita sebagai Ahli Dewan Negara, dapat kita mainkan dengan betul dan yang baik sekali.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini kali terakhir saya bangun. Tadi kita kata dekat pegawai-pegawai kerajaan, pegawai-pegawai kerajaan ini kalau dah pencen, pencenlah. Saya juga hendak kata kadang-kadang orang politik pun dah sampai tahap dia, tidak payah lantiklah sebagai Senator. Ramai lagi orang yang boleh kita lantik. Kalau kita boleh kata pegawai-pegawai kerajaan, orang politik juga patut dipertimbangkan. Apa pendapat Yang Berhormat.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Itulah yang saya katakan. Ini semua pihak yang kena bertanggungjawab. Untuk kita Tuan Yang di-Pertua, peranan sebagai Ahli Dewan Negara ini, *Upper House*, Dewan yang tertinggi Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita yang telah dilantik, tidak dapat memainkan peranan, tidak mahu buat sesuatu, kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, saya dok takut ini entah siapa nak bercakap ini, bil ini bil itu, kita takut. Kita hendak ada Ahli-ahli Dewan Negara yang bersama-sama sebab kita kena ada tanggungjawab bersama kerana Dewan ini adalah Dewan yang tertinggi. Oleh sebab itu, kita tidak boleh membiarkan bahawa bil-bil, kita *go through* macam itu sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu saya khuatir bil yang ada, tujuh akta yang ada ini Tuan Yang di-Pertua akan berjalan begitu sahaja kerana kita tidak dapat menyediakan diri kita, fakta kita untuk kita bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Oleh sebab itu saya rayu kepada pihak kerajaan kalau perlu berpanjangkan Dewan ini, berpanjangkanlah. Apa salah Tuan Yang di-Pertua? Kalau tujuh hari tidak cukup, bagilah 14 hari, kalau 14 hari tidak cukup, bagilah 30 hari. Ini bil-bil yang kita perlu sama-sama bertanggungjawab untuk kita nak luluskan. Tidak akan hendak lulus begitu sahaja Tuan Yang di-Pertua seolah-olah seperti apa yang orang kata di luar, Dewan negara *rubber stamp*, kita pun mengiakanlah kerana bil-bil datang, kita perlu tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara yang saya hendak sentuh dalam perkara ini adalah Kementerian Dalam Negeri, B.62. Tadi saya dengar apabila Yang Berhormat...

Tuan Osman bin Bungsu: Yang Berhormat minta laluan. Sebelum masuk ke dalam bahagian lain ini, rupanya perbahasan yang begitu hangat Yang Berhormat. Saya melihat peranan Ahli Dewan Negara bukan sahaja di Dewan ini untuk membahaskan bil-bil tetapi peranan Ahli-ahli Dewan Negara ini juga merupakan peranan yang penting di luar Dewan negara iaitu bertemu dengan masyarakat melihat pembangunan untuk dibawa masuk ke dalam Dewan Negara.

Akan tetapi bila kita lihat Yang Berhormat, peruntukan khas yang diberi kepada Ahli Parlimen kita, Ahli Dewan Negara sebanyak RM200 ribu, tiga tahun. Agak-agak Yang Berhormat bolehkah perkara ini disemak semula atas kapasiti kita sebagai Ahli Dewan. Kalau berjalan pergi merasmikan satu majlis kadang-kadang surat datang, bertalu-talu. Takkan nak memberi sebuah komputer kepada majlis itu pun kita tidak boleh. Kalau setahun ada sepuluh, saya ingat tidak cukup RM200 ribu. Apa pandangan Yang Berhormat tentang perkara ini?

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tahu Yang Berhormat, perkara ini telah banyak kali kita cakap dalam Dewan ini pun, iaitu tentang peruntukan Ahli Dewan Negara. Tidak tahulah, saya tidak mahu memaksa pihak kerajaan tetapi kalau boleh dikaji semula, dilihat kerana saya sudah tidak ada tetapi rakan-rakan lain yang ada supaya dapat meneruskan kerja-kerja turun ke bawah jumpa rakyat, melihat perkara-perkara yang perlu kita bantu kepada rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada Kementerian Dalam Negeri B.62...

Dato' Omar bin Faudzar: Yang Berhormat, minta laluan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak apa, asyik memberi Ahli-ahli lain untuk mengganggu, saya bimbang mungkin Yang Berhormat tidak dapat selesaikan perbahasan ini.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya kata ini hari terakhir. Kalau saya tidak bagi ruang rakan-rakan Tuan Yang di-Pertua, mereka tidak dapat berbahas dengan saya. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Omar bin Faudzar: Terima kasih Yang Berhormat, sebab saya pun hari terakhir bagi saya hari ini, jadi saya perlu bercakap juga sedikit Yang Berhormat. Tadi Yang Berhormat bercakap tentang Senator duduk dekat luar dan sebagainya. Saya hendak tanya Yang Berhormat. Ada kalanya Ahli Dewan Negara ini pun rasa kecewa Yang Berhormat ya. Kadang-kadang apabila kita tidak hantar soalan, kita ditanya sebab apa soalan tidak dihantar dan sebagainya.

Jadi saya hendak tanya Yang Berhormat. Saya pada sesi kali ini, saya hantar lebih kurang tujuh soalan dan semua soalan saya duduk dalam nombor 30, nombor 40 hingga nombor 50. Ini sesi terakhir saya dan soalan saya pun sudah habis, minggu sudah habis. Bukan saya marah kepada soalan-soalan yang lain yang keluar, ada yang keluar sampai tiga kali pun ada tapi soalan saya tidak keluar langsung hingga seolah-olah nampak macam ada benda yang tidak kena dalam Dewan ini. Saya hendak minta pandangan Yang Berhormat sebab itu kadang-kadang saya sendiri rasa tidak berpuas hati apa yang berlaku dalam Dewan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih Yang Berhormat. Inilah Tuan Yang di-Pertua, bila akhir-akhir ini semua dok meluahkan yang terpendam. Saya bersetuju Tuan Yang di-Pertua kerana Ahli-ahli Dewan telah diminta untuk mengemukakan soalan-soalan. Yang mengatur dan yang mengeluarkan adalah dari pentadbiran Dewan Negara. Sepatutnya Dewan Negara perlu melihat soalan-soalan untuk memberi ruang kepada semua Ahli-ahli Dewan yang ada dikeluarkan soalan tersebut, sebab saya tidak tahu siapa yang terlibat Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai contoh Tuan Yang di-Pertua, saya tengok pada hari ini kita menerima satu perintah Dewan Negara iaitu jawatankuasa-jawatankuasa yang dilantik. Selain daripada Jawatankuasa Pemilihan, kita ada Jawatankuasa Dewan, Jawatankuasa Peraturan-peraturan Mesyuarat. Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak silap saya, saya pernah duduk dalam satu jawatankuasa tetapi malangnya kadang-kadang tidak ada mesyuarat. Kalau ada mesyuarat pun sekali sahaja.

Saya berharap jawatankuasa yang dibentuk ini minta bermesyuaratlah. Tadi Yang Berhormat Senator Dato' Omar bin Faudzar membangkitkan soalan dia tidak naik. Kalau boleh dalam salah satu jawatankuasa ini, kita kaji semula, kita bagi ruang kepada semua. Jadi ada soalan yang naik, tak perlulah kita memohon atau meminta soalan kita untuk naik kerana untuk kita, kita bersama-sama bertanggungjawab dalam perkara dalam Dewan ini. Jadi, saya harap pihak Dewan Negara akan mengambil perhatian tentang ini.

Seperkara lagi Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya hendak keluar saya hendak pergi kepada perkara Dewan Negara depan kita ini, *lap-top* ini. Semua orang ada *lap-top* ini Tuan Yang

di-Pertua. Saya tidak tahu berapa belanja. Saya hendak tanya ini, saya hendak keluar Tuan Yang di-Pertua, yang saya tahu *log in* masuk *report duty*, esok saya keluar, saya masuk lagi, *log in* lagi. Itu saja fungsi yang boleh digunakan dengan *lap-top* ini. Saya hairan, sekurang-kurangnya takkanlah *internet* tidak boleh digabungkan terus Tuan Yang di-Pertua. Ini sudah bubuh *lap-top* depan kita, kita punya meja pun sudah dimakan tempat tetapi *lap-top* ini fungsinya untuk *log in*, kita balik, kita masuk, *log in* lagi, habis.

Jadi saya haraplah di penggal yang akan datang ini dapatlah digunakan oleh Ahli-ahli Dewan ini, dapat menggunakan. Jangan hanya cantik di depan Tuan Yang di-Pertua. Tengok dengan *lap-top* semua tetapi tidak boleh guna. Sia-sia Tuan Yang di-Pertua, kita bagi kontrak hanya boleh *log in* sahaja. Kalau *log in*, kita boleh gunakan bentara, dia boleh *log in* untuk kita Tuan Yang di-Pertua. Tidak perlu yang ini kecuali dia boleh berfungsi banyak, maka kita harap Dewan akan ambil perhatian tentang *lap-top* ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada B.62 - Kementerian Dalam Negeri. Wakil kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya pun tidak tahu saya punya silap kah, Timbalan Menteri baca silap kah mengenai dengan peruntukan. Peruntukan yang kita dapat berjumlah sejumlah RM11,132,000,000 tetapi kementerian-kementerian apabila saya dengar Yang Berhormat baca tadi tidak tele dengan apa yang ada dalam senarai yang diberikan kepada kita. Contohnya Kementerian Luar Negeri...

■1230

Saya dengar Yang Berhormat kata RM28 juta, tetapi yang saya ada ini RM66 juta. Begitu juga dengan Kementerian Dalam Negeri. Yang Berhormat sebut RM189 juta tak silap saya, yang saya ada RM399 juta. Tak tahu, siapa yang silap saya tak tahu, tetapi saya mintalah perbetulkanlah. Ini kita yang dapat, kita nak bahas Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya masuk Kementerian Dalam Negeri Tuan Yang di-Pertua, saya nak mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri kita yang baru ini, yang mana apabila mengambil alih, beliau mengambil satu tindakan yang berani, beliau membebaskan 13 tahanan ISA dan *immediately*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua dia menarik balik larangan permit ke atas *Harakah* dan *Suara Keadilan*.

Ha, ini Perdana Menteri yang baru pula ini dia satu stail lain Tuan Yang di-Pertua, dia buat satu keberanian. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa parti pembangkang patut bersyukur atas pertimbangan kerajaan untuk perkara-perkara yang saya sebutkan tadi yang mana Tuan Yang di-Pertua, kementerian perlu terus memantau juga. Apabila dia lepas pun dia perlu memantau juga Tuan Yang di-Pertua anasir-anasir yang cuba mengganggu gugat keselamatan negara. Bukan bererti kita dah lepas, dah tak ada dah gugat-gugat. Ada Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kena pantau juga dan kita tidak mahu pihak pembangkang bersifat seperti, kaduk naik junjung, atau diberi betis hendak paha.

Tuan Yang di-Pertua, apabila ditarik balik larangan lesen *Harakah* dan *Suara Keadilan*, ia tidak bermakna Tuan Yang di-Pertua *Harakah* dan *Suara Keadilan* bebas untuk membuat fitnah,

provokasi kepada rakyat serta mengelirukan pemikiran rakyat. Sepatutnya kedua-dua akhbar ini harus menjadi akhbar yang bertanggungjawab. Tak ada masalah, dia tak bersetuju dengan cara kerajaan, tidak ada masalah, dia bebas untuk membuat laporan tetapi jangan membuat tuduhan fitnah, provokasi dan mengelirukan rakyat kita. Sebab itu *Harakah* dan *Suara Keadilan* patut bersyukur kerana peranan yang dimainkan oleh Perdana Menteri baru, dia tarik, dia nak bagi akhbar *Harakah* dan *Suara Keadilan* keluar semula. Saya harap *Harakah* dan *Suara Keadilan* akan menjadi suara yang bertanggungjawab untuk memelihara perpaduan kaum di negara kita, kerana negara kita Tuan Yang di-Pertua, negara yang mempunyai pelbagai bangsa. Melayu, Cina, India, Melayu Kadazan dan macam-macam Tuan Yang di-Pertua.

Ini negara yang berbilang kaum. Kalau kita memprovokasi sesuatu kaum, menidakkan, ha ini yang akan terjadi. Sebab itu Akta ISA, saya setuju jangan dihapuskan, dikaji semula. Ha, itu tak apa. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pun dah kata dikaji semula, Anwar Ibrahim kata harus dihapuskan. Sepatutnya bila Perdana Menteri itu dah bagi ruang itu, terima kasihlah. Nak kaji balik, nak lihat apa dia kelemahan-kelemahan supaya akta ini digunakan pada tempat yang betul, tidak disalahgunakan. Jadi, bila ada ISA ini, kalau perlu kita harus ambil tindakan, maka ambillah tindakan. Jangan dah ada ISA pun takut nak ambil tindakan Tuan Yang di-Pertua, sebab negara kita seperti yang saya katakan berbilang kaum. Kita tidak hendak proses kerosakan negara berbilang kaum dalam negara kita ini.

Kita dah bina 50 tahun begitu harmoni. Jangan pecahkan kita sesama kita Tuan Yang di-Pertua, kerana generasi-generasi muda melihat bagaimana kepimpinan yang ada pada hari ini mentadbir negara. Kalau kita sudah tak boleh mentadbir negara, kita sama kita memprovokasi, kita sama kita memecahbelahkan antara satu sama lain, satu hari yang akan rugi adalah rakyat negara kita. Sebab itu Ahli-ahli Dewan haruslah bertanggungjawab. Saya bukan nak puji Tuan Yang di-Pertua, wakil-wakil daripada pembangkang yang ada dalam Dewan ini, alhamdulillah... [Tepuk] Mereka tertib, mereka menyuarakan. Tak ada masalah, kita boleh duduk minum semeja dengan mereka. Kerana kita mahu mereka bertanggungjawab, kita pun bertanggungjawab kerana ini adalah tanggungjawab kita sebagai Ahli Dewan Negara untuk memainkan peranan kita pada perkara-perkara yang betul sahaja.

Jangan reka-reka cerita, masuk buat andaian, nak pecahkan sesuatu kaum dan sebagainya. Kalau laporan itu benar dan tepat, tak apa Tuan Yang di-Pertua. Kadang-kadang andaian, tuduhan dan sebagainya yang tak betul-betul dikeluarkan dalam *internet*, dimasukkan dalam akhbar-akhbar untuk dipecahkan pemikiran, minda rakyat. Ha, ini kita kena bertanggungjawab kerana ini adalah tanggungjawab kita bersama. Bukan hanya kerajaan, pembangkang juga harus bertanggungjawab, kerana rakyat mengharapkan kita untuk memastikan negara kita menjadi sebuah negara yang berdaulat. Tuan Yang di-Pertua, pembebasan dua orang pemimpin HINDRAF baru-baru ini saya harap mereka perlu insaf dan jangan ulang sekali lagi tindakan demonstrasi yang haram dan telah menjejaskan keharmonian negara.

Ini satu pengajaran. Saya harap pemimpin-pemimpin HINDRAF akan balik ke pangkal jalan. Semua orang ada tempat Tuan Yang di-Pertua dalam negara ini. Negara Malaysia ini sebuah negara yang bertanggungjawab. Kita memberi kebebasan kepada semua orang tetapi ada dia punya batas-batas. Jadi kita jangan salah gunakan batas-batas yang telah diberi, kebebasan-kebebasan yang telah diberi. Jangan dah bagi orang kata, bagi betis nak paha, jangan sampai naik pijak kepala dan sebagainya. Yakinlah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa negara kita menghadapi satu transformasi yang begitu besar dan kita semua bertanggungjawab nak memastikan negara kita dalam kedudukan yang baik, dihormati dan disegani. Negara kita banyak dirujuk sebagai negara contoh.

Jadi, janganlah kita sama-sama kita atas kepentingan politik, kepentingan peribadi, kita nak menghancurkan apa saja untuk mendapatkan apa yang kita mahu. Saya harap dengan adanya peralihan kuasa yang secara berhemah daripada Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, marilah kita Ahli-ahli Dewan bertekad sama-sama memberi penuh sokongan, memberi penuh ruang dan peluang kepada Dato' Sri Mohd. Najib untuk meneruskan agenda ini, agenda negara. Bertanggungjawab kepada semua, baik daripada pembangkang, mahupun kepada kerajaan kerana inilah yang kita mahu pemimpin yang dapat membela rakyat, yang dapat sama-sama memahami keadaan-keadaan yang diperlukan oleh seluruh rakyat dalam negara ini. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali...

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Mohon laluan, mohon laluan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Ya.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada senior kitalah, Datuk Wira Syed Ali yang tempat rujuk kita banyak dalam hal di Dewan Negara ini. Jadi, saya rasa bila Datuk Wira sebut tentang perpaduan kaum bunyi macam rapuh sangat di Malaysia ini, saya rasa agak kontra dengan apa yang dijawab oleh Menteri pagi tadi yang menceritakan banyak program. 50 tahun, banyak program yang dilakukan sepanjang tahun yang bila saya tanya faktor-faktor untuk kita semak balik kriteria-kriteria yang menunjukkan perpaduan itu telah tercapai. Hasil perpaduan, hasil program dan juga belanja yang dibuat itu, nampak jawapan Menteri tadi macam dah kemaslah.

Namun kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali ini nampak macam sangat rapuh. Maksudnya sikit kita cucuk sana sini boleh berlaku macam-macam hal. Jadi saya ingin minta sedikit penjelasan. Yang keduanya, bagi saya membebaskan tahanan ISA selepas dilantik jadi Perdana Menteri ini bukan satu benda barulah. Walaupun untuk saya, pengalaman politik saya baru, tetapi pelantikan Tun Dr. Mahathir dulu juga dia telah membebaskan bukan 13, tapi 21 tahanan. Lagi banyak dia bebaskan tapi dalam karier dia, di hujungnya kita tahulah siapa yang menahan paling banyak menggunakan ISA.

Jadi, itu pun saya rasa macam dua orang rakan HINDRAF tadi yang dibebaskan kita memang minta supaya dia terlibat dalam masyarakat, membentuk perpaduan dengan baik dan

saya rasa peranan ini mungkin lebih baik kalau Yang Berhormat itu sendiri juga turut dibebaskan sebagai seorang lagi tahanan ISA, yang saya rasa patut kita bagi ruang kerana mungkin sebagai Yang Berhormat, dia boleh membantu banyak urusan perpaduan dalam negara kita. Yang satu lagi ialah bila disebut tentang *Harakah* dan *Suara Keadilan* ditarik balik penggantungan, itu juga saya rasa bersyukur, itu memang asalnya kepada Tuhan dan terima kasih, tetapi yang pentingnya jangan diulang lagilah kerana yang dibawa dalam laporan itu adalah laporan-laporan yang telah didedahkan di akhbar-akhbar di luar negara yang berleluasa, yang saya rasa bagi saya sebagai Perdana Menteri saya, bukan Perdana Menteri orang UMNO sahaja.

Dato' Sri Mohd. Najib adalah Perdana Menteri kita bersama. Saya rasa sepatutnya kita bersihkan nama dia. Jangan dibiarkan pemberita-pemberita luar menulis macam-macam hal tentang diri dia, dan sedikit lagi juga disebut tadi tentang peruntukan RM200,000 itu. Saya rasa tak relevan sangat kepada semua Ahli Dewan Negara kerana bukan untuk semua. Jadi mungkin Yang Berhormat sebagai senior kamilah boleh bagi pandangan macam mana supaya Kerajaan Malaysia ini, Kerajaan Pusat lebih adil kepada semua Ahli Dewan Negara.

■1240

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh menjawab, kemudian membuat rumusan.

Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Senator Zamri. Tadi saya cakap mengenai dengan perpaduan dan sebagainya. Memang sudah 50 tahun lebih kerajaan kita membina perpaduan kaum, sama-sama kaum merapatkan. Kerajaan sudah buat banyak. Kalau kita tengok, kita nak membina sesuatu membina mengambil masa begitu panjang, tetapi kalau kita nak jahanam dan meruntuhkan, ia memerlukan sedikit masa sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Oleh sebab itu, saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat dari pihak pembangkang, lebih bertanggungjawab dalam isu dan perkara yang dibawa kerana kita tak mahu perpaduan yang kita sama, kementerian dah beritahu dah 50 tahun lebih, belanja banyak untuk perpaduan kaum dan sebagainya, tetapi diambil kesempatan oleh pihak-pihak tertentu, untuk memusnahkannya. Kita tengok di New York, Bangunan *World Trade Centre*, ia enam, tujuh tahun ia bina, tetapi kena dengan satu kapal terbang, lenyap terus, bangunan semua hilang.

Sebab itu kita tidak mahu ini terjadi di negara kita, Yang Berhormat juga bangkitkan tentang bebaskanlah Yang Berhormat seorang lagi dalam ISA ini, saya rasa kerajaan kita kerajaan yang bertanggungjawab dan adil. Sebelum kita bebaskan, kita kena pastikan bahawa beliau dah bersedia, beliau dah cukup mendapat ilmu yang diterapkan sebagai warganegara yang bertanggungjawab, bila dia keluar dia boleh buat kerja. Kalau kita bebaskan, dia belum bersedia, maka dia akan mengucar-ngacirkan lagi, perpaduan kita

Jadi sebab itu sebelum membebaskan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah semestinya melihat laporan-laporan yang datang daripada pihak polis, pihak yang bertanggungjawab, supaya mereka-mereka yang telah betul-betul dah bersedia dibebaskan.

Insya-Allah kita sama-sama doakan. Kita pun di negara kita, kita tak mahu tangkap ISA pun, tetapi kalau menggugat perpaduan kaum, saya rasa kita kena juga ISA, supaya berbilang kaum di negara kita ini, tidak berpecah dan mengenai dengan Suara Keadilan dan Harakah ini, saya nak mintalah supaya lebih bertanggungjawab.

Jangan kata, "Oh! Akhbar luar negara masuk, kita pun nak masuk dalam negara kita". Di luar negara ini, saya nak beritahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, mereka mencemburui negara kita, mereka rasa negara Malaysia ini dengan berbilang kaum, jadi nak merosakkan keharmonian. Sudah pula PAS kata atau Keadilan kata, "Oh! Dato Sri Najib kena membersihkan nama". Hendak membersihkan apa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Pilihan raya di Permatang Pauh masuk dalam masjid, bersumpah tak kenal. Sebagai orang Islam itu, jika sudah buat percayalah, nak mempertikaikan kenapa lagi? Hari ini dia dah jadi Perdana Menteri, kita beri penuh sokongan. Yang Berhormat kata, Dato' Sri Najib menjadi Perdana Menteri kita semua. Alhamdulillah, kita bersyukur memang dia menjadi Perdana Menteri kita semua. Jadi kita kenalah terima dan yakin kepada Perdana Menteri kita, insya-Allah akan terbukti.

Kalau Yang Berhormat masih ragu-ragu, masih percaya akhbar-akhbar di luar negara yang mencemburui kepimpinan negara kita, hari ini kita ada gandingan antara Dato' Sri Najib dengan Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kita berharap gandingan ini akan mendapat mengembalikan balik negara kita dan saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat yang di sebelah sana akan sama-sama menyokong.

Kita menguatkan balik negara kita, janganlah kita sebagai pembangkang ini, saya nak minta Yang Berhormat, saya nak habis ini, *you* kata saya senior ni, saya nak minta ni. Janganlah benda yang baik, benda yang betul, disebabkan Yang Berhormat pembangkang, harus membangkang. Kita kena membangkang secara bijak, benda yang tak betul, okey kita pun bersetuju. Dewan Negara ini saya ingat, yang ada ini pun tak setuju, kita bangkit kita tak setuju.

Akan tetapi biarlah kena pada tempatnya, bukan kerana hanya nak membangkang sahaja, kerana kita kena bertanggungjawab dan memastikan bahawa negara kita ini dalam keadaan yang baik. Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali. Walaupun dalam perbelanjaan ini tidak ada Kementerian Wilayah Persekutuan, saya dah tak larat Tuan Yang di-Pertua, saya nak sebut sekali lagi supaya menjadi contoh dan teladan kepada kementerian-kementerian lain, mengenai dengan perkara-perkara yang kita bawa dalam Dewan ini.

Saya nak bagi contoh Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua pun setuju kata nampak pokok naik di *flat*, saya ingat adalah lapan ke sepuluh pokok dah naik, yang besar-besar dekat Flat Pekelling. Saya dah bawa dua kali, ini kali ketiga Tuan Yang di-Pertua, perkara ini tidak diambil tindakan. Ini Tuan Yang di-Pertua kadang-kadang kita letih, bercakap kita beritahu, nak tunggu runtuh ke Tuan Yang di-Pertua, baru nak ambil tindakan? Pagi ini saya tengok dalam *Utusan Malaysia* Tuan Yang di-Pertua, ada lereng bukit yang telah runtuh, betul-betul tepi *flat* di dalam Kuala Lumpur. Bandar Raya kata, "Tak apa, selamat, boleh duduk". Kalau *flat* itu jatuh

Tuan Yang di-Pertua, mati semua penghuni di situ, kita nak ambil tindakan kepada siapa Tuan Yang di-Pertua?

Kita jangan *taking for granted* Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Ini kerana untuk kita bertanggungjawab nak memastikan perkara-perkara yang tak elok, diambil tindakan. Saya nak bagi contoh macam Kementerian Wilayah Persekutuan, Timbalan Menteri bagi jaminan, "Oh! Kita akan ambil tindakan, dan kita akan arahkan". Ini dah tiga kali kita bawa. Kalau dah pegawai-pegawai duduk di bawah kementerian, tidak boleh ambil tindakan, apa guna ada pegawai-pegawai ini bila Menteri dah bersetuju.

Kalau Menteri sudah bersetuju, maka *immediately* ambil tindakan, pastikan pokok itu dipotong, tak buat juga walaupun perkara kecil. Begitu juga dengan kementerian-kementerian lain, saya nak beritahu, apa-apa yang diketengahkan, yang dibawa oleh Ahli Dewan Negara ini, yang telah di catit, tolonglah ambil tindakan. Bukan kita duduk bercakap-cakap macam lepas batuk di tangga, kerana kita pun bertanggungjawab, kita pun kena buat kerja.

Jadi saya haraplah kepada pegawai-pegawai kerajaan yang ada di sini, walaupun kadang-kadang tak ada, yang mana ada ini, tolong ambil tindakan atas perkara-perkara yang kita telah ketengahkan, pegawai-pegawai kerajaan ada tanggungjawab nak lakukan, kami Ahli-ahli Dewan Negara juga, ada tanggungjawab nak lakukan. Maka kita bekerjasama untuk keharmonian rakyat kita di negara kita ini. Dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua yang telah sama-sama dengan saya dalam Dewan ini, dan saya berharap Dewan ini akan terus berjalan dengan baik dan teratur, dan dengan kata-kata itu saya mohon menyokong *bill*, Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, saya juga bagi pihak Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Dewan ingin merakamkan ucapan terima kasih di atas sumbangan Yang Berhormat ini. Terima kasih. Silakan Puan Mumtaz Md. Nawī.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk sama membahaskan Rang Undang-Undang Akta Perbekalan Tambahan (2008) 2009. Perkara pertama yang saya nak sentuh dalam rang undang-undang ini ialah berkenaan dengan isu bahasa. Walaupun kita telah mendengar jawapan daripada kerajaan berkenaan dengan isu PPSMI, di sini saya ingin tekankan ialah sejauh manakah komitmen kerajaan, untuk memberikan bajet dan peruntukan bagi bidang penterjemahan, khususnya untuk bidang Matematik dan Sains, dari bahasa-bahasa lain ke bahasa Melayu ataupun ke bahasa Malaysia.

Usaha penterjemahan ini perlu dibuat untuk mempercepatkan penguasaan dan temuan terbaru daripada luar negara ke Malaysia, kerana kita yakin bahawa tidak semua yang didapati oleh bangsa-bangsa lain diterjemahkan ke bahasa Inggeris. Kita minta agar pihak kerajaan lebih

serius untuk mempercepat penguasaan Matematik dan Sains ini, untuk menterjemahkan ke semua bahasa lain, tentang ilmiahnya kepada bahasa Melayu.

Ini kerana kita juga mengingatkan kepada diri sendiri, daripada sejarah kita mendengar Parameswara mahupun Sultan Mansur Syah, menitahkan agar bahasa lain, selain daripada bahasa Melayu lingua franca ketika itu digunakan. Beliau berkahwin Puteri Hang Li Po, puteri dari negeri China, bermenterikan orang yang berasal dari keturunan India. Jadi itulah hubungan dan kewibawaan Sultan di peringkat antarabangsa dengan kemampuan Orang Melayu, untuk jadi pemimpin dan pentadbir berilmu.

Orang tempatan yang tertentu sahaja bertanggungjawab untuk menterjemahkan bahasa asing ke bahasa ibunda iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa lingua franca, bukannya memaksa seluruh rakyat tempatan untuk mempelajari satu atau lebih bahasa asing bagi semua golongan yang ingin merunding atau membuat transaksi dengan rakyat di Melaka. Jadi kita minta pihak kerajaan memberikan...

■1250

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Mohon laluan. Saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz cadangan supaya diadakan, diperhebat penterjemahan istilah-istilah Sains dan Matematik itu adakah ia masih relevan. Kalau sekiranya Kementerian Pelajaran ataupun kerajaan masih berkeras hendak meneruskan PPSMI. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Naw: Terima kasih, Yang Berhormat Profesor. Dalam kes ini saya bukan hanya hendak minta kerajaan terjemahkan istilah Sains dan Matematik. Akan tetapi kita hendak minta kerajaan terjemahkan keseluruhan penemuan ilmiah daripada bahasa-bahasa asing ke bahasa Melayu, bukan hanya bahasa Inggeris. Ini kerana kita melihat negara-negara yang maju dengan Sains dan Matematik bukan hanya terhad kepada negara yang menguasai bahasa Inggeris sahaja.

Saya sambung balik. Saya kaitkan kita dapati daripada sejarah negeri Melaka ini juga dengan warisan yang Nabi Muhammad s.a.w tinggalkan kepada kita mukjizat yang terbesar iaitu mukjizat al-Quran, mukjizat bahasa dan ilmiah warisan kekal untuk semua manusia. Oleh yang demikian, kita mempercayai bahawa dengan kita memperkayakan bahasa ibunda masing-masing kita akan mempunyai satu tanda dan jati diri yang lebih kuat dalam kita memperjuangkan agenda untuk kemajuan umat manusia di seluruh dunia.

Berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk menubuhkan bank ala Bank Rakyat. Ini kerana kita melihat Bank Rakyat telah pun mencapai kemajuan yang begitu baik dan sehingga sekarang pun kita rasa tidak ada orang yang boleh tambah untuk saham Bank Rakyat. Jadi, kalau boleh, bila kita tengok Bank Rakyat ini berjaya seharusnya pihak kerajaan memperbanyakkan bank berbentuk bank koperasi seperti ini dengan memakai dan menggunakan modul Bank Rakyat. Sebagai contohnya boleh dibuat bank amanah untuk pinjaman mikro. Ini kerana kita lihat

kakitangan AIM dan TEKUN yang telah berpengalaman lama dalam memberikan pinjaman-pinjaman berbentuk mikro dan mereka ini telah pun mempunyai pelanggan yang tetap.

Tambahan pula bank ini sekiranya diwujudkan dalam masa sekarang untuk mengatasi masalah ekonomi boleh diwujudkan di merata tempat di seluruh negara. Ini kerana kita melihat sejarah yang dibuktikan dalam negara kita bagaimana sejarah kewangan pembayaran peserta yang ada kadar NPL nya amat rendah. Ini akan mewujudkan ikon dan model usahawan berjaya secara langsung yang boleh dikenali oleh peserta-peserta yang mengikuti program-program ini. Ia juga boleh membantu melonjakkan ekonomi orang kampung dan merupakan satu *quick problem solution* dengan proses yang mudah dan cepat. Modul operasi ini boleh menjadi satu lagi bidang dalam bidang-bidang perbankan kewangan Islam iaitu perbankan *Qardhul Hasan*.

Jadi, kita minta agar koperasi ala Bank Rakyat ini yang mana saham dulu yang diberikan kepada peminjam dan bekas peminjam akan menumpukan kepada pinjaman-pinjaman berskala kecil. Ini kerana kita mendengar juga jawapan yang diberikan oleh kerajaan bahawa walaupun dalam keadaan kerajaan menggalakkan agar diberikan pinjaman terdapat juga bank-bank yang menyukarkan proses-proses pemberian pinjaman. Jadi, kalau AIM ini boleh menjadi satu bank kita berdoa agar ia akan membantu khususnya orang-orang muda untuk memulakan perniagaan dalam skala kos yang kecil.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan untuk memastikan dan mewujudkan satu rangkaian pemasaran yang lebih mapan. Ini supaya setelah kita menggalakkan rakyat kita berniaga, rakyat kita yang diberhentikan kerja, yang mungkin terjejas pendapatan mereka akibat daripada kemelut ekonomi ini boleh mengeluarkan sesuatu sama ada untuk pasaran tempatan mahupun untuk pasaran luar negara. Kerajaan Pusat mahupun negeri atau GLC mestilah menjadi badan untuk memastikan pengeluaran pemasaran perniagaan ini mendapat tempat dengan mekanisme yang tertentu di seluruh negara. Tidak boleh kita galakkan rakyat kita untuk berniaga dan dalam masa yang sama kita tidak berikan satu mekanisme kepada mereka untuk memasarkan. Ini kerana kita lihat kalau dulu FAMA atau pun kita berjaya membuat satu pasar tani, bagaimana pasar tani ini wujud di seluruh negara. Jadi, selain daripada pasar tani ini apakah bentuk-bentuk baru yang akan disediakan oleh pihak kerajaan khususnya untuk memasarkan produk-produk yang akan dikeluarkan oleh rakyat khususnya dalam masa kita menghadapi kemelut ekonomi.

Saya ada bertanyakan kepada pihak kerajaan khususnya berkaitan dengan Kementerian Kewangan berkaitan dengan nilai rizab emas dalam negara sama ada dalam bentuk jongkong ataupun bentuk hiasan. Kita dimaklumkan bahawa jawapan daripada kerajaan, kerajaan hanya mempunyai rizab simpanan sebanyak 0.4% sahaja untuk nilai emas. Saya ingin tanyakan adakah kerajaan tidak bercadang untuk menambah simpanan ataupun cagaran emas ini bagi memastikan nilai dan kadar wang kita akan lebih terjamin. Ini kerana kita melihat bahawa dalam keadaan ekonomi yang tidak stabil ini pasaran emas ataupun nilai emas masih lagi kukuh dan terus stabil.

Begitu juga dengan projek yang kita sebutkan koridor di Pantai Timur iaitu Projek ECER. Daripada 107 projek yang diluluskan untuk dijalankan di ECER saya mendapat jawapan daripada pihak kerajaan bahawa 48 projek telah pun dilaksanakan. Walau bagaimanapun, dukacita saya melihat 48 projek daripada 107 projek ini hanya dijalankan di negeri Terengganu dan juga Pahang. Saya hendak tanya bilakah projek-projek ECER ini akan dilancarkan di negeri Kelantan? Ini kerana saya merasakan kita sudah melihat ada perubahan kepimpinan dalam negara kita. Saya memohon agar perkataan istilah pembangkang dan kerajaan ini hendaklah diketepikan sekarang. Sebab kalau sebut pembangkang ini untuk Dewan Negara mungkin kami daripada parti PAS ataupun PKR ataupun DAP adalah pembangkang. Akan tetapi kalau di Kelantan yang jadi pembangkangnya adalah Barisan Nasional.

Saya merasakan bahawa isu-isu yang disebutkan tentang masalah perpaduan dan perkauman. Sebenarnya kalau Yang Berhormat dan semua rakan-rakan yang berada di Dewan yang mulia ini hadir ke Kelantan sendiri ataupun ke Kedah ataupun ke Pulau Pinang, saya rasa tidak timbul masalah perkauman. Tidak ada pergaduhan perkauman berlaku di Kelantan kerana tidak ada provokasi pun yang dilemparkan atau dibawa oleh kerajaan yang dikatakan pembangkang untuk memprovokasi. Ini kerana keseluruhan rakyat sama ada India, Cina ataupun Melayu adalah rakyat kami juga di sana. Jadi, tidak ada masalah.

Kami tidak akan mem *provoke* rakyat untuk menjadi lebih ganas kerana itu bukan nilai yang dibawa oleh Islam dan juga bukan nilai yang dibawa oleh pembangkang. Kita hendak tengok dalam keadaan sekarang ini sama-sama kita menaikkan rakyat kita sebagai rakyat Malaysia. Jadi, tidak perlulah kita mengatakan bahawa dalam kes pembangkang ini ataupun kes perkauman ini, perkara ini dimomok-momokkan oleh pembangkang. Sebenarnya, isu perkauman ini tidak kiralah sama ada disebut oleh Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat kalau salah kita ambil tindakan. Itu yang terbaik kerana kita bukan masalah Pakatan Rakyat mahupun masalah Barisan Nasional, ini masalah Malaysia. Jadi, saya harapkan agar perkataan bahawa pembangkang ini suka memecahbelahkan rakyat ini dihentikan kerana perkara ini tidaklah sejajar dengan matlamat penubuhan mana-mana parti dalam Pakatan Rakyat pun yang tidak langsung menyebut tentang unsur-unsur perkauman.

Saya melihat ada juga peluang peruntukan yang diberikan untuk pelabuhan di Sabah. Saya juga ingin bertanya kepada pihak kerajaan, adakah untuk mana-mana bajet ini kerajaan akan memberikan satu peruntukan untuk perkembangan pelabuhan di Kelantan? Ini kerana kesukaran untuk pihak Kerajaan Kelantan mendapatkan pelaburan asing kerana masalah kos pengangkutan. Pelabuhan terdekat yang kami ada ialah di Kuantan. Jadi, sekiranya kita ingin membangunkan Malaysia janganlah kita asingkan kerajaan ini yang telah pun dipilih secara demokrasi. Saya rasa semalam kita sudah pun dapat keputusan daripada rakyat, satu menang oleh BN, dua oleh Pakatan Rakyat. Kita menerima demokrasi. Jadi demokrasi ini seharusnya dari segi persaingan, seharusnya dari segi galakan serta prasarana mesti diberikan seimbang kepada

semua negeri khususnya untuk prasarana-prasarana yang berskala besar. Sebagai contohnya ialah pelabuhan ini.

Untuk Kementerian Pengangkutan, saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan setelah kerajaan mengatakan bahawa kerajaan ini akan memberikan satu galakan kepada penggunaan selain daripada petrol, sama ada biodiesel ataupun bentuk bahan api yang lain. Adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan kos pemasangan NGV dan memberikan insentif serta memperbanyakkan stesen-stesen? Ini kerana jawapan yang kita terima daripada bulan Disember tahun lepas stesen yang ada di seluruh Malaysia masih belum mencapai 100 buah. Jadi kalau kita menggalakkan rakyat untuk memasang enjin NGV tanpa kita membekalkan stesen yang mencukupi adalah zalim. Ini maknanya mereka hanya boleh bawa kereta ini sekitar Kuala Lumpur dan Pulau Pinang serta Johor Bahru, tempat-tempat lain mereka tidak boleh bawa. Jadi, saya mintalah dipercepatkan khususnya dalam era ekonomi sekarang.

Berkaitan dengan Kementerian Pengajian Tinggi, untuk kita memastikan agar semua projek kerajaan dan semua matlamat yang diteraskan oleh kerajaan dalam masalah ekonomi ini. Untuk mewajibkan ataupun memberikan satu galakan kepada semua mahasiswa mengambil subjek Keusahawanan sebagai elektif wajib sebelum mereka ini melalui konvokesyen. Semua universiti sama ada IPTA mahupun IPTS saya mohon dengan kadar minimum menawarkan Diploma dan Sijil Keusahawanan Asas dan kursus bahasa asing seperti Cina, Tamil dan Bahasa Arab untuk komunikasi dan perniagaan dalam masa yang singkat kepada mahasiswa mahupun kepada orang ramai sebagai persediaan untuk mereka berniaga dan bersaing dalam kemelut ekonomi dunia. Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan dalam masa kita menggalakkan pelajar-pelajar kita menyambung pelajar ke peringkat sarjana dan juga peringkat yang lebih tinggi. Untuk menyasarkan *target* sekurang-kurang 10,000 setiap negeri dengan menggariskan dasar menggalakkan pertukaran pelajar peringkat tinggi sarjana ataupun peringkat biasa untuk latihan amali dalam tempoh setahun, membuat kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri antara kerajaan-kerajaan terutama di negara-negara ASEAN dan negara-negara maju. Terutamanya dari segi pertanian khususnya untuk memastikan Dasar Jaminan Bekalan Makanan Negara tercapai. Ini kerana kalau kita cuma hantar untuk mereka pergi sambung pelajaran untuk Ph.D ataupun *Master* di peringkat teori, ini bila mereka pulang tidak boleh memberikan pulangan yang segera kepada kerajaan. Jadi, adalah lebih baik sekiranya kita menghantar mereka khusus untuk latihan amali. Pertukaran dibuat antara kerajaan terutama negara-negara ASEAN bagi memastikan pertukaran kerjasama dari sudut kemahiran ini dapat dipercepatkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung pada petang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat saya tangguhkan Dewan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Mumtaz, sila teruskan ucapan.

2.32 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Khusus untuk Kementerian Pelajaran yang saya ingin kemukakan tentang peranan dan hala tuju TV Pendidikan. Ini adalah sebab apabila kita mendengar beberapa Yang Berhormat di dalam Dewan Negara ini bercakap tentang soal bagaimana media ini boleh memberikan kesan kepada akhlak dan budaya yang akan dijadikan satu dasar oleh rakyat Malaysia.

Jadi saya ingin mendapat satu jawapan yang khusus berkenaan dengan hala tuju TV Pendidikan. Adakah ia dikaji selaras dengan kaedah dan dasar pendidikan semasa? Ini kerana kalau kita tengok siri TV Pendidikan, yang disiarkan di TV Pendidikan itu seolah-olahnya hanya bertumpu kepada pengajaran dari segi teori tetapi pendidikan akhlak tidak ditekankan di TV Pendidikan.

Jadi kita minta agar perkara ini di dalam kita membincangkan tentang bajet dan perbekalan ini diberikan satu penekanan tentang aspek serta kaedah dan pendekatan untuk TV Pendidikan. Seterusnya kepada Kementerian Pelajaran juga berkenaan dengan kaedah pengajaran sintetik fonik untuk mengajar kanak-kanak normal dan kanak-kanak yang kurang upaya untuk belajar secara bunyi dan suara. Ini adalah sebab kita difahamkan di dalam Kementerian Pelajaran tidak diberikan satu alternatif kepada guru-guru untuk mengajar kaedah-kaedah bagi memastikan pelajar-pelajar mendapat kemahiran untuk membaca, menulis dan mengira selain daripada kaedah-kaedah yang diperkenalkan di maktab-maktab.

Jadi kita hendak bertanya, adakah kerajaan bersedia untuk memberikan alternatif kepada tenaga pengajar untuk mempergunakan pelbagai kaedah termasuk kaedah sintetik fonik seperti contohnya, "*Bacalah Anakku*" dan sebagainya bagi mempercepatkan kanak-kanak di sekolah mencapai matlamat 3M.

Berkenaan dengan pusat latihan dakwah di mana diberikan bajet tertentu oleh pihak kerajaan, kita ingin bertanya kepada pihak kerajaan apakah institusi di bawah kerajaan negeri yang membuat kerjasama dengan JAKIM bagi memastikan jumlah pendakwah Islam cukup di semua negeri. Adakah graduan-graduan ini disasarkan jumlahnya pada setiap tahun dan sekiranya ada institusi yang dibuat kerjasama dengan JAKIM, berapakah yang kita dapat setiap tahun untuk memastikan pendakwah cukup. Ini kerana kita lihat seperti mana yang saya bangkitkan pada dua atau tiga hari yang lepas, ramai juga orang yang muafak menjadi murtad kerana tidak cukup pendakwah.

Saya juga meminta agar pihak kerajaan dalam kita membincangkan tentang ekonomi ini, memasukkan juga dan menggiatkan lagi aktiviti takmir masjid dengan memperkasakan AJK dan fungsi masjid sehingga menjadikan masjid yang berfungsi 24 jam. Ini kerana jikalau pemeliharaan rohani tidak diperkuatkan, masalah rumah tangga dan masalah jenayah serta sosial akan

meningkat khususnya bilamana ekonomi kita menjadi tidak stabil. Jadi kita mohon agar JAKIM boleh memberi satu garis panduan agar wujud di semua negeri di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan, masjid yang akan berfungsi 24 jam penuh dengan aktiviti supaya ini akan menjadi pusat dan tumpuan kepada orang ramai.

Untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Hal Ehwal Masyarakat, saya memohon kepada pihak kerajaan untuk memperkenalkan set piagam dan prosedur pengurusan kes-kes trauma jenayah di seluruh negara. Ini kerana sekiranya piagam dan prosedur pengurusan kes-kes trauma seperti ini tidak diperkenalkan, kita hanya akan tinggal teori tentang OSTC ataupun *one-stop training centre* dan kes-kes seperti ini akan berterusan serta tidak ada langkah-langkah pencegahan yang sistematik akan dibuat oleh semua pihak. Jadi sekiranya pihak kerajaan memperkenalkan piagam dan prosedur pengurusan kes-kes trauma seperti ini ia akan membantu semua wanita dan mangsa-mangsa penderaan di seluruh negara.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan masalah sosial. Kalau sebelum ini di dalam sidang yang lepas, kita semua kecoh tentang fatwa berkenaan dengan *pengkid*. Di dalam akhbar minggu lepas, di dalam *Utusan Malaysia* - Isnin 30 Mac, "Di Amerika Syarikat di Tennessee, denda berseluar londeh di Amerika Syarikat". Satu tempat di sana telah memperkenalkan undang-undang seluar londeh sekiranya pakai seluar yang menampakkan pusat ataupun bahagian tubuh badan ini akan didenda kira-kira RM3,500 dan wang tersebut akan disalurkan untuk membeli bekalan peralatan sekolah termasuk buku dan peralatan sukan. Jadi perkara ini dibincangkan di Amerika Syarikat bagaimana pakaian terlondeh ini akan dianggapkan satu kesalahan.

Jadi kita kalau di negara yang kita pandang sebagai negara maju, negara barat pun sudah ada memperkenalkan undang-undang seperti ini, adakah kita di Malaysia bukan hanya melarang Ahli-ahli Parlimen ataupun rakyat menggunakan *remark-remark* berbentuk seksis tetapi juga memastikan pemakaian-pemakaian yang tidak sopan ini tidak dibuat sama ada dibuat di dalam bentuk undang-undang ataupun dibuat dalam bentuk larang-larangan dari segi bentuk media elektronik bagi menggalakkan rakyat memakai pakaian yang sopan.

Satu lagi ialah berkenaan dengan pelantikan pegawai yang bersifat Kaunselor. Di negara-negara barat, untuk menangani kes-kes masalah rumah tangga, sekiranya mereka ada aduan daripada rakyat berkenaan dengan masalah rumah tangga ataupun anak-anak ditinggalkan di rumah tanpa penjagaan yang sewajarnya, pihak rakyat boleh mengadu kepada pihak kerajaan dan kerajaan akan melantik pegawai-pegawai untuk pergi ke rumah tersebut bagi menyasat.

Saya hendak bertanya, untuk Kementerian Pembangunan Wanita dan Hal Ehwal Masyarakat ini, adakah kita mempunyai pegawai-pegawai yang boleh hadir ke rumah-rumah sekiranya ada aduan bahawa terdapat anak-anak yang ditinggalkan di rumah-rumah. Sekiranya perkara ini belum dibuat saya pohon agar dibuat satu kajian untuk kita melantik Kaunselor-kaunselor bersifat seperti ini yang boleh hadir ke rumah-rumah bagi membuat laporan dan seterusnya kita membela kanak-kanak yang terbiar seperti ini.

Saya juga ingin mengambil masa pada hari ini untuk mengucapkan terima kasih kepada pihak kerajaan kerana sepanjang saya menjadi Ahli Parlimen selama tiga tahun ini saya lihat banyak juga cadangan-cadangan yang telah dilontarkan oleh Ahli Dewan Negara yang telah pun dijalankan oleh pihak kerajaan dan saya bagi pihak diri saya sendiri ingin mengucapkan terima kasih kepada semua tindakan yang telah pun dibuat oleh kerajaan dan saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Parlimen kerana sebagaimana yang diucapkan oleh Datuk Wira pagi tadi tentang pembelian komputer kepada kita pada hari ini. Jadi ini terima kasih.

Cuma yang saya hendak bertanya kepada pihak Parlimen, sekiranya kita akan meraikan Jubli Emas Parlimen ini, tarikh yang sebenarnya bila dan program yang bagaimana kita hendak raikan selaku badan institusi penggubal undang-undang utama negara. Begitu juga saya ingin bangkitkan pada hari ini iaitu kalau sebelum ini kita ada cuma satu skrin besar di sini, hari ini kita sudah ada skrin satu lagi. Jadi saya tengok pada pagi-pagi, sekarang ini dekat sini sudah kosong... [*Menunjuk pada tempat skrin berkaitan*] Jadi, bagaimana dengan pelawat-pelawat yang datang sebab mereka tidak boleh tengok soalan-soalan yang dipaparkan? Jadi saya minta kalau di sini pun dibenarkan untuk keluar soalan-soalan itu, minta kalau boleh di bahagian sana pun ada juga supaya pelawat-pelawat kita yang datang ke Parlimen ini boleh melihat soalan-soalan yang dikemukakan.

■ 1440

Terakhir, saya ingin mencadangkan dan saya juga hendak tanya kepada pihak Parlimen yang sebelum ini berjanji untuk memberi kursus-kursus kepada semua Ahli Parlimen bagi memperkasakan nilai dan kualiti Ahli Parlimen. Bilakah kursus-kursus ini akan diadakan kerana kita melihat perkembangan atau kritikan terhadap etika Ahli Parlimen ini makin lama makin diperbesarkan. Jadi kalau perkara ini hendak dibuat, mintalah hendak tahu bila perkara itu akan dijalankan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Firdaus Abdullah.

2.40 ptg.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk turut bercakap memberi pandangan dalam perbincangan pada petang ini. Ada beberapa kementerian yang saya ingin sentuh yang sebahagian daripadanya telah disentuh oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali mengenai Jabatan Perdana Menteri. Saya ingin merujuk kepada pentadbiran masjid di seluruh negara kita. Saya tidak pasti sekiranya pentadbiran masjid di seluruh negara itu telah diseragamkan kaedah pentadbirannya dan diseragamkan juga dengan skala-skala gaji pegawai-pegawainya. Saya rasa perlu kita memastikan bahawa pentadbiran masjid ditingkatkan keberkesanannya dari segala segi kerana masjid tidaklah seharusnya dianggap sebagai tempat bersolat sahaja tetapi haruslah di anggap sebagai pusat kegiatan sosial juga.

Sehubungan dengan itu mengenai masjid ini, saya juga mencadangkan supaya langkah-langkah diambil untuk memastikan mutu khutbah Jumaat ditingkatkan. Kadang-kadang kita sendiri merasa malu, terus terang hari ini saya cakap pengalaman peribadi. Ada khutbah-khutbah Jumaat itu, minta maaf, yang terlalu rendah mutunya. Saya ada seorang kawan mengatakan ini dibandingkan mutu khutbah Jumaat itu dengan esei SRP atau SPM. Jadi memalukan.

Akan tetapi kadang-kadang kita dapati juga ada juga imam-imam atau khatib-khatib yang membaca khutbah yang bermutu. Jadi saya ingin mencadangkan supaya usaha-usaha yang dengan izin, *concerted*, sistematik dan menyeluruh diambil, diadakan untuk meningkatkan keperkasaan khatib-khatib ini. Bukan sekadar untuk mengimamkan sembahyang sahaja tetapi memberi khutbah yang bernas, yang relevan dengan keadaan semasa.

Sehubungan dengan itu juga, Tuan Yang di-Pertua, yang sudah disentuh oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz tadi ialah tentang latihan yang patut diberikan kepada pendakwah-pendakwah, dai-dai yang harus diselaraskan dan dipastikan bukan sahaja kandungan perkara-perkara yang hendak didakwahkan itu bernas, relevan, tetapi disampaikan dengan cara yang berkesan. Kadang-kadang kita mendapati pendakwah-pendakwah ini berdakwah semata-mata hendak melepaskan geram sahaja. Menjerit-jerit tetapi tidak pasti apa yang dikatakan.

Untuk itu saya rasa perlu mungkin diadakan persidangan pendakwah-pendakwah untuk mengkaji kandungan dakwah yang diberikan, kaedah memberikan dakwah dan dikaji keberkesanan dakwah itu. Kita hairan kenapa dengan begitu banyaknya pendakwah, masih banyak lagi orang yang dikatakan murtad, yang melanggar pengajaran Islam dan seumpamanya. Jadi kesimpulannya saya minta supaya diberi perhatian terhadap keperkasaan pentadbiran masjid, keperkasaan khutbah-khutbah Jumaat dan keperkasaan pendakwah-pendakwah baik pendakwah daripada pihak kerajaan ataupun pendakwah bebas.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu juga mengenai Jabatan Perdana Menteri, kalau tidak salah saya kira-kira sepuluh atau 15 tahun yang lalu di bawah Jabatan Perdana Menteri ini ada satu unit yang dinamakan SERU, *Socioeconomic Research Unit* yang antara lain berfungsi memantau keadaan sosioekonomi pelbagai golongan di negara ini. Akan tetapi kata orang entah bagaimana serunya telah habis, maka unit itu pun dimansuhkan. Ada yang mengatakan bahawa sebahagian daripada fungsi unit itu telah diserapkan oleh bahagian-bahagian yang lain.

Akan tetapi untuk memastikan supaya kerja-kerja penyelidikan sosial ekonomi itu terfokus, tertumpu, maka saya cadangkan supaya SERU ini dihidupkan kembali sama ada dengan nama SERU ataupun dengan nama yang lain. Ini penting untuk memastikan bahawa kita mengetahui sejauh mana sebenarnya kedudukan sosioekonomi masing-masing atau kumpulan di negara ini. Ada orang yang mengatakan dahulu ada pihak di satu masa mengatakan bahawa purata harta korporat yang dimiliki oleh kaum bumiputera sudah sampai kepada 50% dan tidak ada yang menjawab secara tuntas.

Jadi sekiranya dihidupkan kembali unit tadi, *Socioeconomic Research Unit* itu, saya rasa kalau ada tuduhan-tuduhan liar seperti ini, dengan serta-merta kita akan dapat menangkisnya. Ini juga penting saya rasa, umpamanya untuk memantau secara objektif pencapaian Dasar Ekonomi Baru. Ada macam-macam helah, macam-macam perkara, macam-macam tuduhan dilemparkan terhadap Dasar Ekonomi Baru ini. Ada yang mengatakan ini semata-mata untuk menganiaya segelintir orang, menghidupkan budaya rasuah dan seumpamanya. Ini saya rasa memerlukan satu pemantauan yang teliti, yang objektif dan yang saintifik yang barangkali dapat dilakukan oleh SERU itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut yang saya ingin sentuh ialah tentang Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Saya ingin mencadangkan supaya kementerian ini kalau belum diwujudkan. Kalau sudah diwujudkan, tolonglah dipertingkatkan dan diperkasakan lagi. Apa yang saya maksudkan ialah untuk kementerian ini mewujudkan satu Unit Khas Penyelidikan, mengkaji pelbagai aspek keusahawanan dan kegiatan-kegiatan koperasi di negara ini.

Umpamanya kita tidak tahu sekarang kedudukan industri kecil dan menengah secara fakta dan angka-angka. Saya rasa tidak ada satu angka yang sistematik dan ini antara perkara-perkara yang boleh diteliti oleh unit ini yang berfungsi dari semasa ke semasa memberi input-input untuk penggubalan dasar-dasar yang lebih jitu dan untuk pelaksanaan program-program yang lebih teratur dan lebih berkesan.

Sehubungan dengan wujudnya Unit Khas Penyelidikan ini seperti saya katakan, kalau telah ada, alhamdulillah. Kalau belum ada, tolong adakan. Kalau telah ada, tolong tingkatkan fungsinya, tambah pegawainya, tambah penyelidikannya dan tambah kegiatan-kegiatannya. Sekali gus juga dapat dikaitkan dengan perlunya ada satu unit lain yang saya rujuk sebagai unit latihan untuk merubah sikap usahawan-usahawan Melayu, sikap pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya timbulkan perkara ini kerana barangkali kita masih ingat sewaktu Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir meletakkan jawatan kira-kira enam tahun dahulu, Tun Mahathir mengaku salah satu kegagalan utamanya sebagai Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun ialah mengubah *mindset*, mengubah sikap orang Melayu. Rasanya dengan ketegasan Tun Mahathir sebagai seorang pemimpin, dengan karismanya, dengan kebolehan dia berucap, kalau semasa 22 tahun itu ditumpukan dalam usaha meningkatkan dan menukar sikap bangsa Melayu, saya rasa bangsa Melayu akan jauh lebih maju daripada sekarang.

Akan tetapi, inilah kegagalan yang diakui oleh Tun Dr. Mahathir. Saya rasa kegagalan Tun Dr. Mahathir cuba hendak ditebus oleh Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah apabila beliau menekankan perlunya kita meningkatkan modal insan.

■1450

Modal insan yang bukan sahaja merujuk kepada keupayaan-keupayaan teknikal tetapi merujuk kepada perubahan sikap yang sayang tidak dapat dilaksanakan. Mudah-mudahan ini

akan dapat diteruskan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd Najib. Oleh sebab itu, untuk masa ini yang terfikir oleh saya Tuan Yang di-Pertua ialah bagi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi mewujudkan satu unit latihan yang khusus merubah sikap usahawan-usahawan Melayu daripada usahawan yang serendah-rendahnya kepada usahawan yang setinggi-tingginya untuk merubah sikap pemimpin dan pengikut koperasi-koperasi supaya sikap mereka sesuai dengan zaman. Tidak terlalu kolot, tidak terlalu moden, terdapat keseimbangan antara tradisi dan *modernity*.

Mungkin telah ada yang diadakan barangkali secara *ad-hoc* tetapi saya mencadangkan supaya ada satu unit latihan khusus yang diberikan segala prasarana, kelengkapan dan keahlian yang berfungsi semata-mata untuk merubah sikap, menukar *mind set*. Ini kerana kalau kita perhatikan sepanjang tahun bila kita mengikuti persidangan-persidangan pada Perhimpunan Agung UMNO, berkali-kali Presiden-presiden UMNO baik semasa Tun Mahathir, baik semasa Tun Abdullah berkali-kali menyebut tentang perlunya orang Melayu merubah sikap tetapi perubahan sikap orang Melayu yang diharapkan ini hanya dilaungkan begitu sahaja, tidak ada *follow-up* nya, tidak ada program yang teratur.

Bukan kita hendak mengatakan bahawa Tun Mahathir atau Tun Abdullah tidak sedar tentang perkara ini. Pemimpin-pemimpin besar ini sedar kerana itulah saya rasa berulang-ulang dalam Perhimpunan Agung UMNO perkara ini ditimbulkan tetapi yang sayangnya ialah tidak ada tindakan susulan untuk memastikan cadangan-cadangan, saranan-saranan dari pemimpin-pemimpin tertinggi ini, dilaksanakan, digubal polisi yang jelas dan dilaksanakan secara teratur mengikut program-programnya.

Selanjutnya juga saya ingin merujuk kepada Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Saya hanya ingin mengemukakan satu cadangan. Kalau kementerian ini dapat melancarkan satu program yang lebih kurang seperti Akademi Fantasia sekarang tetapi lebih merujuk kepada perpaduan kaum iaitu program yang saya namakan, "Lihat yang positif kepada yang lain." Kita adakan pertandingan perpaduan bersyarah kah, berbahas kah di mana orang Melayu, peserta-peserta Melayu akan bercakap mengenai aspek-aspek positif yang diperhatikannya terdapat di kalangan kumpulan-kumpulan etnik yang lain. Kemudian pembicara-pembicara atau pemedato-pemedato dari kaum lain juga menyebut tentang apa yang positif dilihatnya pada orang Melayu, pada orang India. Kalau orang Cina umpamanya, apa yang positif dilihat pada orang Melayu, orang India. Orang India akan bercakap tentang apa yang positif dilihatnya dan patut diteladani yang ada pada orang Melayu, masyarakat Melayu dan masyarakat Cina.

Dengan demikian, kita melihat yang positif di pihak yang lain tanpa terlalu banyak mendabik dada bahawa kitalah yang *terror*, dengan izin, perkataan *terror* itu tidak tahulah apa bahasa standardnya. Itulah yang saya rasa kalau ini dapat dilakukan sebagai program yang berterusan iaitu saya melihatnya 'Lihat Yang Positif Pada Yang Lain' atau LPPL, lebih kurang diringkaskan begitulah. Satu program di mana anak-anak muda kita dilatih melihat yang positif

pada orang lain. Orang Cina dengan banyak kejayaan yang positif pada dia, tetapi kenapa apa yang kita sering layan ialah rasa prejudis pada orang Cina. Jadi untuk menghilangkan prejudis kepada kaum-kaum lain, kepada kumpulan-kumpulan yang lain, kita harus melatih orang-orang muda kita melihat yang positif pada orang lain ini, melatih melihat yang positif pada orang lain dan mencuba mengartikulasikannya dengan berkesan.

Saya rasa program ini kalau boleh dapat digarap oleh Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bercakap sekali lagi mengenai Kementerian Pelajaran. Saya sedar Tuan Yang di-Pertua, saya sudah bercakap terlalu banyak mengenai PPSMI. Saya sudah bercakap terlalu banyak mengenai PPSMI tetapi masih banyak lagi yang belum sempat saya cakapkan. Namun begitu, saya berjanji tidak akan membuang masa yang berharga di Dewan ini untuk mengungkapkan segala-gala yang terfikir dalam fikiran saya mengenai PPSMI ini.

Akan tetapi hanya satu perkara yang hendak saya kongsi yang saya rasa belum saya cakapkan lagi iaitu bahasa Melayu. Tuan Yang di-Pertua, sudah terlalu banyak jasanya. Bahasa Melayu, agama Islam dan institusi kesusasteraan Melayu. Inilah tiga faktor yang memberi kesinambungan, yang memberi kontinuiti daripada Kesultanan Melayu Melaka sehingga sekarang. Tidak ada bahasa Melayu, tidak ada agama Islam, tidak ada institusi kesusasteraan Melayu, kita tidak boleh mendakwa bahawa negara Malaysia sekarang adalah kesinambungan, mempunyai kesinambungan dengan Kesultanan Melayu Melaka dahulu.

Akan tetapi dengan adanya ketiga-tiga faktor ini yang memberi kesinambungan itu, kita melihat bahawa negara ini bukanlah negara baru. Ini adalah negara yang hidup kembali, itu satu. Kemudian, di samping itu juga kita melihat peranan bahasa Melayu mengislamkan orang Melayu. Tanpa bahasa Melayu mengislamkan orang Melayu, saya rasa, ertinya bukan bahasa Inggeris yang mengislamkan orang Melayu, bukan bahasa Arab yang mengislamkan orang Melayu, bahasa Melayu yang mengislamkan orang Melayu, yang mengislamkan orang Melayu sekarang.

Selain dari itu, perjuangan kemerdekaan yang mencapai kemuncaknya pada tahun 1957 itu adalah hasil, mendapat sumbangan yang amat besar daripada bahasa Melayu. Dengan bahasa Melayu yang fasih, yang petahlah, Allahyarham Dato' Onn menggelorakan semangat orang Melayu, Allahyarham Dr. Burhanudin, Zulkefli Mohamad yang menggelorakan semangat orang Melayu. Jadi untuk itu, kita harus menghargai bahasa ini dan kemuncak perjuangan, kemuncak kejayaan, perjuangan bahasa Melayu, Tuan Yang di-Pertua ialah apabila bahasa Melayu itu dinobatkan sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan kita semasa Tun Abdul Rahman Yaakob menjadi Menteri Pelajaran tahun 1974 atau 1975 begitu.

Kejayaan itu telah memperlihatkan selama 30 tahun sistem itu berjaya, berjaya melahirkan pakar-pakar di pelbagai bidang tetapi saya ingin mengatakan bahawa apabila PPSMI diperkenalkan, maka PPSMI sama ada kita sedari atau tidak yang sebenarnya telah meruntuhkan kejayaan perjuangan kita mendaulatkan bahasa Melayu itu. Memang ada cakap-cakap bahasa Melayu, bahasa kebangsaan akan dipertahankan tetapi...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Yang Berhormat, boleh saya ganggu

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat tidak usah ganggulah, Yang Berhormat. Ada giliran di sini, apa hendak ganggu lagi. Lepas ini Yang Berhormat bercakap sahaja lah. Tuan Ahmad Yusop...

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Bukan, bukan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sikit sahaja. Bercakap tentang bahasa Melayu dan bangsa Melayu dan negara kita ini, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Profesor bahawa sebelum mana-mana penjajah datang menjajah alam Melayu khususnya Tanah Melayu pada ketika itu, sudah ada kerajaan Melayu yang kita panggil *indigenous state*, dengan izin. Maknanya kerajaan tempatan berdasarkan Raja-Raja Melayu. Berbeza misalnya dengan bila penjajah menjajah negara-negara seperti Kanada, United States, Australia dan New Zealand dan mewujudkan apa yang dipanggil *immigrant state*, kerajaan imigran. Apa pandangan Profesor tentang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta maaf. Tadi dicatatkan di sini Tuan Ahmad Husin bukan Ahamat Yusop.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Input tambahan daripada Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat itu. Saya rasa itu adalah perkara-perkara yang patut juga saya sentuh tetapi kerana telah disentuh, telah diberi input oleh Tuan Haji Ahamat maka saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

■1500

Tadi saya mengatakan bahawa PPSMI akan meruntuhkan kejayaan perjuangan bahasa Melayu. Kenapa saya katakan begitu? Ada orang mengatakan, bukan hanya Sains dan Matematik sahaja, Sains dan Matematik pada sekolah rendah betul, tetapi apabila dia meningkat ke sekolah menengah, *General Science* berkembang menjadi *Biology*, menjadi *Chemistry*, menjadi *Physic* dan lain-lain seumpamanya. Begitu juga Matematik akan berkembang menjadi statistik, algebra dan segala-galanya.

Akhirnya, seperti terdapat dalam memorandum yang saya telah diserahkan kepada Kementerian Pelajaran, akhirnya sampai pada peringkat Tingkatan 6 nanti, bahasa Melayu hanya tinggal 20% atau 30% sahaja. Ini saya anggap sebagai pembunuhan terhadap bahasa Melayu sebagai bahasa ilmu. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sanggup menanggung dosa. Menanggung dosa turut terlibat dalam proses pembunuhan ini.

Datuk Akbar bin Ali: Mohon penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cukup minat bukan sahaja *interrogation*, tetapi juga *patience* yang telah ditunjukkan oleh Profesor Dato' Dr. Firdaus. Cuma, kalau saya boleh tanya soalan yang mungkin berbeza sedikit dengan

pendirian Yang Berhormat Profesor Dato', kalau kita pergi balik ke sejarah, ini berdasarkan bacaan sahajalah. Bukan pendirian saya yang tuntas.

Melihat kepada sejarah bahawa, bagi orang Arab hendak mendapat ilmu terutama dalam bidang Sains dan perubatan, orang Arab terpaksa belajar bahasa Greek, bahasa Latin terlebih dahulu. Apabila mereka sudah mendapat ilmu itu, barulah ilmu berkenaan dikembangkan dalam bahasa Arab. Begitu juga orang Eropah hendak mendapat ilmu daripada orang Arab. Mereka belajar dahulu bahasa Arab. Kemudian mereka balik, setelah dapat ilmu itu barulah mereka terjemahkan dalam bahasa mereka sendiri.

Jadi, adakah kerajaan menggunakan pendekatan yang sama berhubung PPSMI ini yang mana apabila ramai intelektual Melayu telah mahir dalam bidang Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris sekarang, selepas itu mereka kembali ke Bahasa Kebangsaan, adakah itu *approach* kerajaan? Terima kasih.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya penyokong kerajaan tetapi saya tidak dapat menjawab soalan Yang Berhormat itu sama ada itu *approach* kerajaan. Akan tetapi yang patut kita ingat ialah bahawa untuk sekadar pengetahuan Sains, Matematik hingga ke peringkat Tingkatan 5, saya rasa bahasa Melayu yang ada sekarang 400,000 istilah-istilah Sains dan Teknologi telah dicipta oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan telah disepakati dengan Indonesia.

Jika sekiranya, keseluruhan istilah-istilah Sains atau istilah-istilah ilmiah yang diterjemahkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka hendak dihitung tanpa mengambil kira apa yang telah dipersetujui oleh Indonesia, hampir satu juta. Jadi, usaha-usaha menterjemahkan istilah-istilah adalah satu usaha yang berterusan. Akan tetapi, yang kita hendak tekankan Tuan Yang di-Pertua ialah untuk pelajaran asas, pengetahuan asas Sains, Matematik itu hingga ke Tingkatan 5, saya rasa memadai dengan pengetahuan bahasa Melayu sekarang.

Sementara itu, kita tingkatkan keberkesanan pengajaran bahasa Inggeris. Penyakitnya sekarang Tuan Yang di-Pertua ialah, sebenarnya kita gagal memberikan pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris yang berkesan dalam sistem pendidikan persekolahan kita. Ini diakui sendiri. Untuk rujukan *New Straits Times*, 6 April 2009, artikel yang bernama "*Focus on improving teaching of language instead*", ditulis oleh Datin Dr. Azizah Abdul Rahman. Saya percaya beliau ini adalah salah seorang bekas Profesor UPM dan kalau tidak salah terlibat dalam banyak penyelidikan dengan Kementerian Pelajaran. Saya sudah rujuk Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian untuk melihat artikel ini. *NST* 6/4/2009.

Beliau menjelaskan bahawa yang penting sekarang ialah supaya pedagogi, cara mengajar bahasa Inggeris itu ditingkatkan. Jangan usik Sains dan Matematik. Kerana ternyata dengan pelbagai penelitian yang telah dibuat oleh kumpulan-kumpulan yang saya sebut empat bulan yang lalu, ternyata pada peringkat programnya PPSMI sesuatu yang gagal. Ini dibuktikan oleh pertemuan kumpulan Juri Along dari UKM dalam tahun 2002. Dibuktikan sekali lagi oleh kumpulan Profesor Ishak Harun dari UPSI dalam tahun 2004/2005. Dibuktikan oleh kumpulan

penyelidik Dato' Abdul Rauf. Dato' Abdul Rauf adalah bekas seorang pegawai tinggi di Kementerian Pelajaran membuktikan bahawa pada peringkat pelaksanaannya, pada peringkat programnya PPSMI gagal.

Yang berjaya hanya dua puluh peratus iaitu di bandar-bandar. Mungkin di Petaling Jaya atau di bandar-bandar besar yang lain. Akan tetapi, di kampung-kampung ini gagal. Jadi, oleh kerana itu saya ingin mengambil rumusan begini Tuan Yang di-Pertua sebagai satu polisi, sebagai satu dasar. PPSMI..., dengan izin, *is an ill conceived policy*. Satu dasar yang ramuan dan rumusannya tidak sempurna. Kenapa saya katakan tidak sempurna? Saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran awal minggu lalu, minta jelaskan apa sebenarnya yang hendak dicapai dengan PPSMI ini? Menteri Pelajaran menuduh saya emosional, menuduh saya berhujah dengan ini. Memang malu jugalah kadang-kadang apabila menjerit-jerit begini.

Ini kerana dia katakan *passion* itu, saya tidak hendak berdosa kepada pejuang-pejuang bahasa yang lama dan tidak hendak berdosa kepada anak-anak kita kalau diam kerana turut terlibat dalam pembunuhan bahasa Melayu ini. Saya menganggarkan kalau saya gagal dalam tanggungjawab saya, kalau perkara ini saya tidak timbulkan walaupun saya diperli, disindir terlalu *passionate*, terlalu emosi dan seumpamanya.

Okay, jadi kerana matlamat PPSMI...

Tuan Yang di-Pertua: Okay, dengan izin.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Sorry.

Tuan Yang di-Pertua: Sorry, dengan izin.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Sorry dengan izin, minta maaf. Saya hendak mengatakan begini Tuan Yang di-Pertua sebagai satu dasar PPSMI adalah tidak sempurna ramuan dan rumusannya. Saya katakan begitu kerana matlamatnya tidak jelas. Apabila matlamat tidak jelas, maka dengan sendirinya, langkah-langkah, strategi-strategi untuk mencapai matlamat itu tidak akan dapat kita rumuskan. Kita yang terpelajar di Dewan ini menyedari. Di dalam proses pengambilan keputusan, apa yang kita buat, dengan izin, *in the process of decision making, what do we do?*

Pertama, kita tentukan apa yang kita hendak. Setelah kita tentukan apa yang kita hendak, kita ungkapkan dengan teliti, dengan tuntas apa yang kita hendak, kita cari pelbagai alternatif. Kita cari, kita kenal pasti pelbagai pilihan bagaimana hendak mencapai kehendak kita itu. Kita cari pelbagai strategi, tetapi daripada apa yang kita didedahkan kepada penjelasan-penjelasan Kementerian Pelajaran, ini tidak dilakukan. Tidak ada rumusan yang tuntas apa yang hendak dicapai. Tidak pernah diterangkan apa-apa alternatif, apa-apa strategi alternatif yang telah difikirkan. Itu sebagai satu dasar.

Sebagai satu program Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan sekali lagi dengan izin, *it is an ill equipped program*, sebagai dasar..., dengan izin, *it is an ill conceived program, it is ill equipped implementation*, dengan izin. Jadi, kerana itu saya merayulah dengan penuh *passion*, penuh semangat seperti yang diperli oleh rakan-rakan tadi supaya Kementerian Pelajaran

baliklah ke pangkal jalan. Tidak terlalu lama walaupun ada kerugian-kerugian di sana sini. Barangkali, kerugian itu tidak seberapa, kalau dibandingkan dengan kerugian budaya tamadun kita yang akan pupus dengan terhapusnya bahasa Melayu akibat PPSMI itu.

Ada yang mengatakan bahasa Melayu akan terus diperkasakan. Antara alasan-alasan yang dikatakan ialah Akta Dewan Bahasa akan dipinda untuk memberi kuasa kepada pelaksanaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka. Apa sebenarnya ini? Ini saya rasa, satu perkara jangan kita mengaburi mata rakyat.

Apa yang hendak dibuat oleh Dewan Bahasa dan Pustaka itu Tuan Yang di-Pertua ialah memberi kuasa kepada Dewan Bahasa dan Pustaka menegur papan-papan tanda yang salah nahu dia, yang salah sebutan dia. Selain daripada itu, pindaan itu tidak ke mana, dan itu satu.

■1510

Itu satu kalau pindaan itu telah dilaksanakan pun, telah diluluskan pun kita masih ragu keupayaan tenaga yang ada pada Dewan Bahasa dan Pustaka untuk menguatkuasakan kuasa yang ada padanya itu. Oleh kerana itu saya memang tidak yakin Tuan Yang di-Pertua bahawa PPSMI ini menguntungkan bangsa Melayu, bukan bangsa Melayu, bangsa Malaysia. Saya rasa baiklah kita kembali ke pangkal jalan. Untuk itu saya minta pada Ahli-Ahli Yang Berhormat kalau ada masa artikel oleh Datin Dr. Azizah di *New Strait Times*, 6 April yang lalu. Kemudian satu artikel di *of The Edge* yang juga memberikan satu kritikan terhadap PPSMI itu. Ini semua dalam bahasa Inggeris, tolonglah rujuk ini.

Selain dari itu Tuan Yang di-Pertua saya mohon sekali lagi supaya memorandum yang dihantar oleh gerakan menentang PPSMI itu, memorandum yang dihantar ke Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong diedarkan seluas mungkin. Kalau tuan-tuan baca memorandum itu hujah yang jauh lebih bernas daripada apa yang saya katakan di sini dan barangkali tidaklah dengan penuh emosi seperti yang saya dituduh. Selain dari itu juga saya minta, saya merayu supaya kumpulan-kumpulan penyelidik Datin Prof. Juriah Long yang akan bermenantu malam esok, minta maaf tambahan, temuan kajian Prof. Ishak Haron dengan kumpulannya dan temuan kajian Datuk Abdul Rauf yang melibatkan tujuh universiti diberi peluang kepada kumpulan-kumpulan ini secara tertutup memberikan, membentangkan temuan kajiannya di hadapan MKT sesuai dengan semangat parti menguasai kerajaan.

Dengan demikian kalau umpamanya tiga kumpulan penyelidik ini masih lagi tidak dapat meyakinkan MKT yang mempunyai kuasa itu tidak tahulah apa hendak cakap lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak katakan, "*Que Sera, Sera...*," tetapi tidak tahu dalam bahasa Melayu. Jadi itulah harapan saya, saya minta maaf Tuan Yang di-Pertua kalau suara agak tinggi *pitch* nya. Memang bila kita menyedari perkara ini, saya mengikuti perkara ini perjuangan ini Tuan Yang di-Pertua semenjak Darjah 5 di sekolah Melayu, 40 tahun yang lalu.

Jadi kalau sekiranya saya emosional, saya terlalu *passionate* saya minta rakan-rakan Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memahami apa punca *passionate* saya itu. Sekali lagi saya katakan perjuangan bahasa Melayu boleh capai kemuncaknya bila bahasa ini dinobatkan sebagai

bahasa pengantar dalam sistem persekolahan kita oleh Tun Abdul Rahman Yaakob tahun 1972, 1973 dahulu. Janganlah kita meruntuhkan pencapaian yang telah diperjuangkan oleh pejuang-pejuang bahasa mulai daripada Tun Sri Lanang sampai kepada Zaaba sampai kepada Tun Syed Nasir dan sampai kepada pejuang-pejuang yang ada sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong *bill* ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-Ahli Yang Berhormat tadi kita ada luluskan satu usul yang membolehkan kita selesaikan urusan kerajaan baru ditangguhkan persidangan Dewan. Walaupun demikian kita perlu selesaikan urusan tersebut sebelum pukul 12 tengah malam kerana selepas itu timbul pula sama ada Dewan Negara bersidang pada hari yang telah ditetapkan melalui Proklamasi Seri Paduka Baginda. Setakat ini saya tidak menggunakan kuasa untuk mengehendkan ucapan misalnya lima seorang, tujuh minit seorang kerana kita mahu supaya Ahli-Ahli Yang Berhormat selaku senator dengan izin, *give your best* dan kuasa mengehendkan masa untuk ucapan tidak digunakan.

Namun kita Ahli-ahli Dewan Negara untuk berfungsi sebagai Ahli Dewan Negara, sebagai Senator dengan tepat kita kena tahu apa fungsi Dewan Negara. Masa ini tepat untuk saya memberi sedikit penerangan kerana kita sedang timbang satu Rang Undang-undang Kewangan. Oleh kerana Dewan Negara sedang timbang satu Rang Undang-undang Kewangan, Perlembagaan menyatakan di antara lain. Saya baca supaya kita dapat faham dengan tepat fungsi kita sebagai ahli dan fungsi Dewan kita maka kita boleh atur susun percakapan kita menepati fungsi. Kita cakap mengikut kerja kita. Perkara 68(1), Perlembagaan Persekutuan, "*Jika sesuatu Rang Undang-undang Wang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan setelah dihantar kepada Dewan Negara sekurang-kurangnya sebulan sebelum akhir penggal itu, Rang undang-undang itu tidak diluluskan oleh Dewan Negara tanpa pindaan dalam tempoh sebulan. Maka Rang undang-undang itu hendaklah dikemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong untuk diperkenankan olehnya melainkan jika diarahkan selainnya oleh Dewan Rakyat.*" Maka bila bahas masalah di hadapan kita ini bahaslah dengan sedar diri terhadap kuasa yang diberikan kepada kita, nombor satu.

Nombor dua, saya buat rumusan prosiding Dewan Negara merangkumi pertimbangan terhadap masalah-masalah yang boleh kita bahagikan kepada dua. Satu, masalah-masalah yang tidak diberi kesempatan dan kuasa yang hebat pada kita tetapi memberi ruang untuk cakap dengan hebat seperti mana rang undang-undang yang di depan kita yang menjadi masalah ini. Dianya kuasanya sedikit seperti saya baca tadi tetapi dia memberi ruang *oratory*, gema, kehebatan, retorik maka seronoklah kita cakap. Sedangkan yang menunggu pertimbangan kita dengan kuasa-kuasa penuh yang diberikan ada tujuh lagi rang undang-undang yang kita tidak mahu cakap. Jadi yang remeh kita cakap banyak yang mustahak kita tidak cakap. Pertimbangkanlah. Tuan Ahmad Hussin.

3.18 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama membahaskan Akta Perbekalan Tambahan (2008) 2009.

Ada beberapa perkara sahaja saya hendak bangkitkan di sini. Maksud B.6 – Jabatan Perdana Menteri. Sebanyak RM9,100,000.00 adalah untuk membiayai penyusunan semula Unit Penyelarasan Pelaksanaan. Apa yang saya hendak bincang di sini sedikit sahaja iaitu apabila unit ini telah pun diperkemas, dipereelok dengan pegawai-pegawainya, dengan bahagian-bahagiannya. Maka fungsinya itu sahaja iaitu saya harap balikkah semula kepada tahun 80-an untuk memberi lawatan sambil belajar kepada mereka-mereka yang berjasa di kampung-kampung. Khasnya Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung yang telah pun dibuat pada tahun 80-an dahulu.

Mereka ini diberi taklimat di Jabatan Perdana Menteri oleh ICU, dengan izin, dan EPU dan timbullah semangat, kesedaran mendapat ilmu daripada apa yang berlaku dalam kerajaan. Apabila mereka balik ke kampung masing-masing maka mereka akan dapatlah menjalankan tugas sebagai jentera pembangunan di peringkat daerah atau kampung masing-masing.

■1520

Kedua, oleh sebab mereka meminta saya untuk bercakap, saya kena cakap juga di sini, di Dewan yang mulia iaitu mempertimbangkan tentang imbuhan-imbuhan yang patut diberikan kepada Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung seluruh negara.

Kedua, Kementerian Pelajaran. Saya tidak akan membahaskan soal yang tadi, cuma saya hendak tanya pada kerajaan adakah dengan adanya peruntukan-peruntukan komputer dan bahan-bahan elektronik di sekolah-sekolah. Berapa banyak kah sekolah yang masih lagi tidak ada elektrik? Saya takut dengan adanya kemudahan-kemudahan, *gadget-gadget* yang terbaik ini tetapi tempat itu atau sekolah itu tidak ada elektrik dan ia tidak memberi manfaat.

Ketiga, Kementerian Pengangkutan. Saya rasa ada pembayaran mengikut 91, Butiran projek 00900 – Meningkatkan Keupayaan KTM sebab ada pengambilan tanah yang belum dibayar. Saya berharap perkara ini dapat diselesaikan, kalau tidak kerajaan kena bayar lapan peratus *interest* tiap-tiap tahun, ini merugikan kerajaan. Saya ucap tahniah kepada kerajaan yang telah memberi jawapan semalam iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam bahawa kursus asas PTD akan dikembalikan kepada setahun. Ini akan melahirkan insan-insan yang benar-benar berwibawa, mempunyai *kiasu*, berkualiti, berhemah dengan adanya satu program yang begitu jitu. Saya harap INTAN akan memainkan peranan ini.

Bagi pihak B.62 – Kementerian Dalam Negeri. Oleh sebab jenayah yang meningkat, saya berharap kementerian akan menempatkan anggota-anggota di dalam kawasan perumahan duduk bersama-sama dapat mengetahui apa sebenar yang berlaku, yang ini lebih praktikal. Dengan ini saya menyokong Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya merumuskan supaya tepat, tadi mungkin ada perkara yang saya silap cakap. Rumusannya ialah yang diberi kuasa kepada kita untuk kita tentukan, kita tidak cakap banyak, yang tidak diberi kuasa kepada kita untuk kita tentukan, kita hendak cakap banyak. Pelik agaknya.

3.23 ptg.

Dato' Ir. Hiang A Li: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kerana telah memberi peluang untuk saya bahaskan dalam Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009 pada hari yang mulia ini. Walaupun dalam rang undang-undang ini kebanyakan peruntukan yang diminta telah dibelanjakan dan ini tidak bermakna kita tidak boleh memberikan komen-komen atau bahas lagi. Ini kerana saya yakin apa yang kita akan beri kami sebagai Yang Berhormat-Yang Berhormat atau Senator-senator akan beri komen itu adalah sangat penting dan sesuai sekali kerana dapat jadikan satu rujukan dan kepada kerajaan. Ini supaya mereka tidak mengulang komen-komen atau kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan.

Ini bermakna peruntukan yang dibelanjakan dan akan digunakan pada masa akan datang serupa macam mini bajet akan menemui tujuan-tujuan projek dan juga menemui kehendak-kehendak sebenar daripada rakyat. Ini memang selaras dengan *Prime Minister* atau Perdana Menteri yang baru, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib yang baru-baru ini telah memberikan hasrat yang penting, nampaknya sesuai sekali ialah satu Malaysia mendahulukan rakyat, *performance* sekarang. Dengan izin, "*One Malaysia, people first, performance now*".

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membawakan satu nafas baru atau cabaran baru kepada negara kita. Jadi, saya harap semua rakyat Malaysia termasuklah pemimpin-pemimpin kita, pegawai-pegawai kerajaan, rakyat jelata semua dapat bersama dengan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib untuk mengadakan nafas yang sama, yang baru, cabaran yang baru, bersama-sama kita mengubah minda kita. Ini supaya kita dapat memberikan perkhidmatan yang baik sekali dan mengikut kehendak-kehendak rakyat kita. Itu saya nampaknya sangat penting dan sangat bersesuaian untuk kita semua bersama-sama mengubah minda kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam rang undang-undang ini saya hanya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah pun dihuraikan dalam rang undang-undang ini. Pertama, dalam Maksud B.27 – Kementerian Kerja Raya yang telah diberikan peruntukan tambahan perbelanjaan sebanyak RM60 juta untuk membiayai kerja-kerja membaiki pelbagai kerosakan jalan, jambatan dan cerun akibat banjir. Saya ingin memberikan pandangan di atas hal ini. Peruntukan sebanyak ini adalah untuk memperbaiki kerosakan. Saya percaya dengan izin, *prevention is better than cure*.

Ini bermakna lebih baiklah kita mempunyai atau mengadakan langkah-langkah yang berkesan, bersistematik, berterusan supaya memantau dan mengelakkan berlaku kerosakan-kerosakan yang disebut di atas. Saya yakin dengan mengelakkan berlaku kerosakan, akan menjimatkan banyak peruntukan atau perbelanjaan dan juga akan mengelakkan kecederaan dan jiwa-jiwa rakyat kita. Tuan Yang di-Pertua, saya menyarankan juga kepada Kementerian Kerja Raya supaya memberikan lebih tumpuan atas rancangan untuk mengelakkan berlaku kerosakan, bukan untuk membaiki kerosakan sahaja.

Kedua, saya ingin menyeru bahawa Kementerian Kerja Raya dapat mengambil kira dalam reka bentuk untuk jalan, untuk kemudahan-kemudahan awam, bangunan-bangunan kerajaan,

sekolah dan sebagainya dapat mengambil kira semua aspek. Semua aspek dari segi penyelenggaraan yang senang atau yang kurang penyelenggaraan dan juga tidak akan mengakibatkan banyak kerosakan selepas disiapkan sahaja. Apa yang sebutkan ialah aspek-aspek reka bentuk mesti memadai kehendak-kehendak di negara kita. Saya tahu ramai *consultant* dengan izin daripada luar negara tidak faham cuaca kita, macam banjir kilat dan sebagainya. Itulah maksud saya ialah mesti ambil kira keadaan yang kita ada di negara kita.

Begitu juga, tadi saya sebutkan contoh jalan dan jambatan tetapi begitu juga bangunan-bangunan kerajaan dan sekolah-sekolah yang akan dibina perlulah mempunyai ciri-ciri yang senang diselenggarakan. Macam yang saya sebutkan tadi dan juga yang tidak akan hadapi kerosakan-kerosakan sebaik sahaja disiapkan. Kedua, penyelenggaraan atau *supervision*, dengan izin dengan rapi supaya kualiti kerja yang memang baik sekali.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada Maksud B.42 – Kementerian Kesihatan. Peruntukan tambahan sebanyak RM789,600 dikehendaki bagi membiayai pengisian jawatan kosong atau jawatan baru. Langkah yang disebut ini nampaknya baik tetapi masih ada aduan-aduan daripada orang ramai berkenaan dengan prestasi di hospital-hospital yang kurang memuaskan yang disebabkan oleh kekurangan-kekurangan doktor pakar, pegawai perubatan dan kakitangan-kakitangan hospital.

■1530

Ini bermakna hospital-hospital kerajaan yang uzur atau yang baru dan yang besar tidak dapat digunakan dengan sempurna atau tidak dapat memberikan perkhidmatan yang sempurna kepada rakyat. Jadi saya ingin di sini mengesyorkan atau minta Kementerian Kesihatan dapat mengisi kekosongan-kekosongan jawatan yang benar-benar diperlukan dengan serta-merta supaya dapat memberikan perkhidmatan yang baik sekali kepada rakyat kita.

Di sini juga ingin saya mengesyorkan satu Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sendiri diwujudkan di kementerian atau Jabatan Kesihatan supaya mereka sendiri dapat menyelaraskan atau menyempurnakan pengisian jawatan-jawatan kosong yang benar-benar diperlukan untuk memperbaiki atau meningkatkan prestasi-prestasi kementerian atau jabatan itu dan ini bermakna kalau ini dapat diselesaikan atau dapat diwujudkan dan diatasi masalah ini saya nampaknya memang dapat memberikan perkhidmatan yang baik kepada rakyat. Itu bermakna rakyat akan menikmati semua perkhidmatan kesihatan yang baik secara langsung.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya dengan ini memberitahu bahawa sesi ini ialah sesi persidangan Dewan Negara yang terakhir bagi saya. Jadi saya ambil kesempatan ini ...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Ir. Hiang A Li: Perbahasan sudah habis dan saya hendak masuk ke ...

Datuk Haji Roslan bin Awang Chik: Tidak mengapa, sila.

Dato' Ir. Hiang A Li: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin ambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak kerajaan kerana telah melantik saya sebagai seorang Senator selama tiga tahun dan ini adalah satu penghormatan

yang tinggi kepada saya dan memberikan peluang dan satu landasan yang baik dan sesuai sekali kepada saya dan kerana itu saya dapat memainkan satu peranan yang istimewa kerana dapat ambil bahagian dalam pembentukan dasar-dasar negara kita atau dapat bersama-sama ambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang dan dasar-dasar kerajaan.

Saya memang menghargai peranan yang istimewa ini yang telah diberikan kepada saya. Oleh itu sebagai seorang Senator saya telah pun dapat berkhidmat untuk negara, untuk masyarakat dan rakyat. Kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, rakan-rakan saya ialah semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sekali, ingin juga saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kerana telah banyak memberi tunjuk ajar, kongsi pengalaman, kerjasama dan sokongan kepada saya selama tiga tahun ini...

Tuan Yang di-Pertua: ..Dan bagi sakit hati.

Dato' Ir. Hiang A Li: [*Ketawa*] Tidak, saya memang hargai tempoh selama tiga tahun ini bukan sahaja di sini, di luar dan di mana-mana, ini akan dikenangkan oleh saya selama-lamanya. Saya akan tuju kepada Yang Berbahagia Setiausaha, Datuk Zamani dan semua kakitangan, pegawai-pegawai di Parlimen kerana mereka telah memberikan kerjasama, sokongan kepada saya selama sejak saya dilantik sebagai seorang Ahli Dewan Negara pada 24 April 2006. So jadi hari ini walaupun saya akan tamatkan penggal saya pada 24 April ini, dua minggu lagi, ini tidak bermakna saya akan berhenti. Saya akan teruskan perkhidmatan saya atau khidmat saya untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau begitu, kenapa Yang Berhormat tidak mahu bagi laluan kepada Yang Berhormat Datuk Roslan tadi?

Dato' Ir. Hiang A Li: Nanti saya akan, kita bincang di luar... [*Ketawa*] Tidak, saya akan teruskan juga khidmat saya dan untuk rakan-rakan saya dan kepada semua kawan-kawan saya adalah pergi Pahang berhubung dengan saya, telefon nombor saya semua ada dalam buku *directory*. Dengan itu, saya minta sokong rang undang-undang itu, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya faham mengapa Yang Berhormat tidak mahu beri laluan Yang Berhormat hendak gulung dan tutup dengan cantik tanpa gangguan sebab itulah, saya sangkalah. Dato' Wan Nordin.

3.35 ptg.

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana orang-orang lain yang terdahulu daripada saya apabila kita mula memasuki Dewan Negara yang mulia ini kita memulakan dengan *maiden speech* tetapi apabila kita terpaksa berpisah, kita akan bercakap soal *farewell speech*. Begitulah juga

Tuan Yang di-Pertua: Saya mohon sedikit kesabaran daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan kerana banyak ahli-ahli akan tamatkan perkhidmatan, mereka hendak luahkan perasaan. Saya menghargai kesabaran Yang Berhormat.

Dato' Wan Nordin bin Che Murat: Saya membahaskan usul Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2008 ini. Seperti mana setiap tahun saya akan membahaskan tajuk ini dan

seperti mana tahun akhir ini saya juga akan menyatakan bahawa untuk menyediakan satu bajet yang tepat adalah merupakan tugas yang susah sebab banyak perkara-perkara di luar jangkaan yang timbul semasa melaksanakan keputusan pada Disember 2007 apabila kita meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan 2008.

Ini biasalah dalam penyediaan belanjawan. Selain daripada perkara-perkara di luar jangkaan, saya hendak mengisahkan satu peristiwa yang amat menyedihkan apabila saya menghadiri satu mesyuarat taklimat koridor utara untuk negeri Perlis. Dalam belanjawan tersebut, dalam tajuk pelancongan tidak ada langsung peruntukan untuk negeri Perlis. Ini amat menyedihkan saya dan bersama-sama dengan saya pada mesyuarat tersebut adalah Senator kita saudara Tuan Ahmad bin Hussin hadir bersama dalam mesyuarat yang dipengerusikan. Ini telah dibentangkan oleh pihak berkuasa Koridor Utara. Ini amat mendukacitakan.

Sudah pasti ia bukan di luar jangkaan tetapi saya tidak faham kenapa peruntukan untuk negeri Perlis dalam portfolio pelancongan itu tidak ada langsung RM1 pun peruntukan untuk negeri Perlis bagi tahun 2009. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, dari jumlah belanjawan tambahan yang dibentangkan pada hari ini sebanyak RM11 bilion adalah merupakan satu angka yang besar tetapi apabila dibandingkan dengan jumlah belanjawan tahun 2008 ia masih di tahap dengan izin, *limit of tolerance* dalam amalan perakaunan. Oleh sebab itu saya tidak nampak kenapa kita tidak perlu menyokong belanjawan tambahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terutamanya kepada Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Yang di-Pertua, Setiausaha Dewan dan semua pegawai Dewan Negara daripada bawah hingga ke atas terutamanya bentara dan rakan-rakan Senator yang lain yang telah memungkinkan perjalanan Dewan ini dengan baik dan sempurna dan saya mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dewan Undangan Negeri Perlis yang telah memilih saya untuk mewakili negeri Perlis sebanyak dua penggal berada di Dewan yang mulia ini.

■ **1540**

Akhir sekali saya ingin mendoakan akan rakan-rakan yang tinggal selepas ini akan dapat sama-sama berdoa dapat berjaya mempertingkatkan martabat Dewan Negara sebagai satu Dewan yang mulia dan memberi sumbangan terhadap kemajuan negara kita. Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang telah dipilih menjadi Perdana Menteri Keenam dan mendoakan agar beliau dapat menyempurnakan tanggungjawab beliau dengan menakhodai negara ini ke satu puncak yang lebih tinggi. Sekian, terima kasih. Saya turut menyokong rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

3.41 ptg.

Datuk Majjol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang dan ruang kepada saya untuk turut membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2008) 2009. Sebelum itu saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak di atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri dan kerana rakyat Malaysia di Sabah mempunyai keyakinan penuh terhadap kepimpinan Yang Amat Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua, tiga kementerian di sini dan saya akan siap dalam masa sepuluh minit.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya lihat di sini ialah Kementerian Dalam Negeri mempunyai peruntukan sebanyak RM399 juta dan saya ingin mengharapkan agar hasrat dan juga tindakan kerajaan untuk terus menghantar balik pendatang asing tanpa izin di Sabah akan berterusan. Dalam masa yang sama juga, saya ingin supaya kerajaan terus menyekat PATI yang cuba memasuki negara kita secara haram. Saya yakin dan percaya bahawa bajet yang telah diperuntukkan adalah mencukupi untuk peronda-peronda di laut dan juga agensi penguat kuasa seperti agensi MARITIM, PDRM dan MARIN.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini terhadap satu elemen luar di Sabah yang berlaku baru-baru ini. Pada hari Sabtu, 4 April, dua kumpulan dianggotai 12 orang lelaki berumur 14 hingga 41 tahun telah membakar bendera negeri Sabah di Lahad Datu, Sabah. Polis dengan segera menghantar 80 orang pegawai dari pasukan gerakan am dan polis anti rusuhan ke tempat kejadian. Semua lelaki itu memiliki MyKad. Mereka kini disiasat di bawah seksyen 143 Kanun Keseksan kerana mengadakan perhimpunan haram. Beberapa lelaki dilihat membawa bendera kuning dengan lambang singa berwarna merah.

Saya ingin menggesa dan menyeru kepada pihak polis untuk menyiasat kejadian ini secara mendalam bukan saja di bawah seksyen 143, iaitu mengadakan perhimpunan haram tetapi mendakwa dan menyiasat perkara ini sedalam-dalamnya. Apakah puncanya mereka membakar bendera ini? Siapakah orang-orang yang terlibat di dalam hal ini dan siapakah mereka-mereka yang di belakang terhadap kejadian ini serta apakah motif yang sebenarnya mereka membuat kejadian seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyatakan di sini bahawa bilangan polis di Sabah juga tidak mencukupi. Saya terbaca di akhbar baru-baru ini bahawa nisbah polis di Sabah dengan penduduk ialah 1:1200 orang manakala di Semenanjung ialah 1:500 orang. Adakah ini benar? Saya mohon jawapan daripada kementerian. Kalaulah benar, maka saya ingin menyeru supaya bilangan polis di Sabah ditambah supaya ia lebih efektif untuk mengawal kejadian ataupun jenayah yang berlaku di Sabah.

Kedua ialah mengenai dengan Kementerian Kesihatan seperti di sini bahawa RM789 juta diperuntukkan untuk Kementerian Kesihatan. Saya mengalu-alukan jumlah ini dan saya berharap juga akan merangkumi bagi perbelanjaan hospital-hospital di Sabah dan terutama sekali saya ingin menyeru kepada kerajaan supaya melihat tentang klinik desa yang perlu di luar-luar bandar

kerana inilah tempat yang perlu dilihat dan juga diberi perhatian yang khusus. Ini kerana sekarang ini rakyat kita di Sabah terpaksa berjalan jauh ataupun akan menaiki kereta begitu jauh untuk sampai ke sesuatu hospital. Disebabkan ini, klinik desa adalah begitu relevan sekali di kampung-kampung. Saya juga ingin menyeru kepada kementerian supaya terus melihat tentang kekurangan kakitangan dan pakar-pakar di Sabah yang tidak mencukupi pada ketika ini. Saya juga berharap kementerian akan terus membaiki wad-wad hospital yang begitu uzur sekali di sana-sini.

Saya juga melihat tentang moto kementerian. Kementerian Kesihatan telah menyatakan mengenai dengan satu moto yang dipanggil, *prevention is better than cure*, pencegahan adalah lebih baik daripada berubat. Memang betul. Saya 100% setuju dengan ungkapan tersebut. Namun, saya ingin bertanya kepada kementerian sejauh manakah ungkapan ini atau moto ini diterjemahkan kepada tindakan sebenarnya. Apakah langkah-langkah yang diambil kementerian untuk memastikan bahawa moto ini diserapkan atau diuar-uarkan di negara kita kepada rakyat supaya ini menjadi bukan saja sebagai moto atau sebagai ungkapan begitu tetapi sebagai satu amalan rakyat kita di negara ini.

Seterusnya ialah mengenai Kementerian Pelajaran. Saya nampak di sini peruntukan lebih RM1 bilion diperuntukkan oleh Kementerian Pelajaran. Saya ingin menyeru kepada kementerian untuk mempercepatkan pembinaan sekolah-sekolah luar bandar di Sabah kerana saya dapati bahawa masih banyak lagi sekolah-sekolah yang perlu dibina di Sabah terutama sekali di pedalaman. Ini adalah supaya anak-anak kita tidak begitu jauh berjalan kaki ataupun pergi ke sekolah. Biarlah sekolah-sekolah itu dibuat dengan cepat dengan menyediakan bajet-bajet yang mencukupi dan juga kes-kes di mana sekolah menengah terpaksa menumpang sekolah rendah. Pagi, sekolah rendah dan petang sekolah menengah dalam bangunan yang sama. Jadi tidak sihat kalau amalan begitu berterusan. Sebagai contoh ialah SMK Langkun di Kota Marudu. Memang sudah sekian lama amalan begitu dibuat oleh Kementerian Pelajaran. Jadi, di sini saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah status sebenarnya rancangan dan tindakan kerajaan untuk membina dua buah sekolah di Kota Marudu iaitu di daerah saya iaitu SMK Bandau II dan SMK Langkun kerana setahu saya ini sudah diperkatakan, sudah dipohon dan kerajaan sudah pun menyatakan kesediaan untuk membina. Namun sekarang ini belum ada tanda-tanda ia akan dibuat.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua ialah mengenai dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Walaupun tidak ada dalam bajet ini, tetapi saya ingin menyentuh juga. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas kejayaan kementerian untuk melaksanakan projek agropolitan di Pulau Banggi. Saya turut melawat projek tersebut dan saya nampak begitu sukses sekali di mana penglibatan orang-orang kampung begitu bagus dan juga penanaman getah dan penyediaan prasarana begitu baik sekali. Jadi itu satu pembaharuan bagi penduduk kampung ataupun di Pulau Banggi. Saya juga nampak bahawa penyediaan air paip sudah mula dibuat dan juga penghasilan jalan raya yang pertama 15 kilometer dan selepas itu

akan sambung ke kampung lain untuk menyediakan rangkaian jalan raya yang begitu baik di sana.

■1550

Saya difahamkan bahawa kementerian telah pun membuat keputusan akan membuat satu lagi projek metropolitan. Kali ini di Kampung Ganak di Kota Merudu dan kalau ini benar apa yang saya dapati dan difahamkan oleh kementerian bahawa memang ini betul dan saya ingin mengucapkan terima kasih kerana akhirnya kampung ini akan dapat pembelaan daripada kerajaan. Sudah tentu menjadi satu agenda yang begitu baik kepada rakyat di situ. Cuma yang saya ingin tahu ialah berapakah bajet yang terlibat dalam projek ini dan apakah jenis tanaman-tanaman yang akan ditanam di kawasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi tadi Yang Berhormat kata tiada butiran berkenaan dalam bajet yang diminta. Macam mana pegawai hendak jawab, macam mana Timbalan Menteri hendak jawab.

Datuk Majid bin Mahap: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi ini sebagai rayuan saya kepada kementerian. Juga Tuan Yang di-Pertua tentang rumah-rumah yang bakal dibina di situ. Ini kerana saya difahamkan rumah-rumah juga akan dibina untuk rakyat di situ dan saya harap ia akan menjadi satu realiti.

Saya juga perhatikan bahawa kerajaan melalui kementerian ini terus mengadakan program pembangunan prasarana dan *amenity* sosial, memberikan program jalan kampung, jalan luar bandar, program bekalan elektrik luar bandar, program bekalan air luar bandar dan program *amenity* sosial. Saya berharap agar kementerian akan terus mengambil perhatian dengan memberikan bajet yang lebih kerana program ini adalah masih relevan dan penting di luar bandar di Sabah.

Memandangkan program ini adalah sesuai, maka saya mengharapkan agar kementerian akan melihat ini sebagai satu perkara yang serius kerana kalau kita ingin melonjakkan ekonomi luar bandar, maka ia harus dikaitkan dengan prasarana jalan raya, elektrik dan sebagainya. Itu sahaja yang ingin saya katakan Tuan Yang di-Pertua, maka itu saya memohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan boleh jawab dan gulung.

3.53 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan untuk menyokong Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan (2008) 2009 di Dewan yang mulia ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang terdiri daripada Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Wira Syed Ali; Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz Md. Nawi; Yang Berhormat Senator Profesor Dato' Dr. Firdaus Abdullah; Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin; Yang

Berhormat Senator Ir. Hiang A Li; Yang Berhormat Senator Dato' Wan Nordin; dan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap. Jadi, apa yang saya perlu menerangkan pada permulaannya adalah Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan ini, wang itu sebenarnya dan peruntukan ini sebenarnya telah dibelanjakan dalam tahun 2008 dan di sini kita bukan hendak minta lagi peruntukan baru untuk melaksanakan projek-projek baru ini.

Peruntukan ini sebahagian besar iaitu sebanyak iaitu sebanyak RM6.294 bilion adalah melibatkan pindahan iaitu pindahan dari kumpulan wang disatukan ke kumpulan wang berkanun. Jadi ini tidak melibatkan tambahan penggunaan sahaja. Ia dipindahkan dari satu akaun ke satu akaun yang lain sahaja. Tambahan yang sebenarnya digunakan dalam rang undang-undang ini adalah hanya RM4.837 bilion dan ini kebanyakannya sebanyak lebih dari RM3 bilion adalah untuk emolumen. Emolumen ini kebanyakannya adalah kerana kerajaan naik gaji, naik bayaran pencen dan juga untuk perkara-perkara luar jangkaan.

Jadi untuk perkara luar jangkaan ini, di sini mungkin kita boleh bagi satu contoh luar jangkaan yang tidak diperuntukkan seperti operasi Tentera Laut Diraja Malaysia di Teluk Eden, Somalia. Ini adalah perkara luar jangkaan yang kita perlu peruntukkan bekalan baru. Yang terkurang diperuntukkan adalah seperti subsidi bahan petroleum dan sebagainya oleh kerana harga minyak naik mendadak pada tahun 2008. Oleh kerana itu, kita memerlukan peruntukkan tambahan. Di sini saya juga ingin mengucapkan bahawa banyak perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini telah banyak kali di ulang dalam Titah Ucapan Diraja dan juga dalam perbahasan mini bajet dan kebanyakannya juga telah dijawab di peringkat soalan lisan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, di sini saya ingin menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat. Bagi menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali berkenaan dengan masalah *school bully*. Bagi saya ini adalah satu perkara yang serius dan disiplin pelajar di sekolah ini bagi saya tidak boleh dikompromikan. Bagi saya, peranan di antara pihak sekolah dan pihak ibu bapa itu amat penting sekali.

Oleh kerana itu, bagi saya hubungan baik di antara ibu bapa dan guru-guru melalui PIBG ini memang adalah penting sekali. Juga sekolah kita memang ada hukuman merotan dan dalam surat khabar baru-baru ini kita nampak dasar ini akan diteruskan.

Berkenaan dengan perkara di mana JPA melantik semula kakitangan secara kontrak. Jadi berdasarkan peraturan sedia ada, pegawai yang bersara boleh dipertimbangkan untuk dilantik semula secara kontrak. Pertimbangan untuk melantik seorang pesara itu adalah tertakluk kepada keperluan perkhidmatan dan jawatan. Selain daripada itu, kepentingan perkhidmatan, pertimbangan juga dibuat dengan mengambil kira faktor kesesuaian pegawai perkhidmatan awam kemahiran dan kepakaran serta pengalaman yang dimiliki.

■1600

Berkenaan dengan tuduhan dari Yang Berhormat Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee berkenaan dengan adakah Dewan Negara ini bertindak hanya sebagai *rubber*

stamp dan juga disokong oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain. Untuk saya ini memang tidak betul, kerana peranan Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini adalah amat penting juga selama Dewan Negara ini wujud. Kita juga sebentar tadi mengaku bahawa ada beberapa rang undang-undang dan juga akta yang ditolak oleh Dewan Negara dan dihantar balik ke Dewan Rakyat untuk dikaji semula dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Sebabnya sesetengah perkara Perlembagaan menentukan Dewan Negara betul-betul macam *rubber stamp*. Kita menghormati Perlembagaan, tetapi banyak perkara yang Dewan Negara di bawah Perlembagaan tidak merupakan *rubber stamp*. Sebab itulah saya katakan tadi di bawah perkara-perkara yang kita *rubber stamp* janganlah cakap banyak-banyak. Di bawah perkara-perkara yang kita boleh buat tuntutan, kita cakap banyak-banyak. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Dato' Kong Cho Ha: Dan untuk menjawab beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi. Bersama dengan beberapa Ahli Yang Berhormat yang lain berkenaan dengan PPSMI. Sebenarnya perkara ini telah pun banyak dibahaskan dan pandangan dari persatuan dan kumpulan-kumpulan tertentu telah pun dibangkitkan. Memorandum dan sebagainya telah pun di hantar kepada pihak-pihak yang tertentu.

Jadi masalah PPSMI ini, saya rasakan kerajaan amat prihatin dan mengambil kira semua pandangan yang dibangkitkan oleh semua pihak yang terlibat. Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran akan membuat satu keputusan tidak lama lagi. Berkenaan dengan simpanan emas sebagai satu rizab di Bank Negara, untuk menjawab soalan ini rizab ataupun simpanan emas hanya merupakan satu komponen kecil di dalam rizab negara kita kerana selain daripada rizab emas, kita perlu banyak rizab mata wang asing dan juga aset kewangan seperti bon, *foreign exchange* dan sebagainya.

Ini kerana bon dan mata wang asing adalah merupakan aset yang lebih *liquid*, senang untuk pertukaran perdagangan dan sebagainya. Sebaliknya jika emas hendak ditukarkan kepada wang tunai dan sebagainya ini mungkin menimbulkan masalah, kerana masa yang diperlukan itu lebih panjang. Berkenaan dengan FDI kurang datang ke negeri Kelantan oleh kerana kerajaan tidak memperbanyakkan kemudahan ataupun infrastruktur di negeri Kelantan. Ini memang tidak benar kerana kerajaan telah pun mewujudkan satu jalan raya dari Cameron Highlands ke Lojing, ke Gua Musang dan sampai ke Kota Bharu.

Ini juga memudahkan pelabur-pelabur dari Pantai Barat ke Pantai Timur. Pada pendapat saya kalau negeri Kelantan boleh meningkatkan daya persaingan untuk menarik lebih banyak pelabur ke negeri Kelantan dengan dasar yang lebih menarik dari ini. Pada saya mungkin ini adalah satu sistem yang lebih berkesan.

Berkenaan dengan memperbanyakkan lagi stesen minyak yang memberikan perkhidmatan NGV. Untuk makluman Yang Berhormat, Petronas telah diarahkan untuk membina 200 stesen NGV lagi dan sehingga November 2008, terdapat 98 buah stesen NGV telah

beroperasi. Ada 60 buah lagi dalam peringkat *design* dan tender dan juga 42 dalam peringkat analisa dan kesesuaian lokasi. Ini bermakna kerajaan memang sedang berusaha untuk menambah bilangan stesen NGV. Cadangan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi berkenaan dengan mengadakan Kursus Keusahawanan di universiti.

Ini memang pada saya, satu cadangan yang baik dan untuk pelajar-pelajar khususnya untuk pelajar tahun yang terakhir, dalam semua bidang itu mesti menghadiri satu kursus ataupun minor dalam Kursus Keusahawanan. Ini bukan sahaja supaya kita dapat meramaikan bilangan usahawan di negara, tetapi yang lebih penting adalah supaya semua pelajar kita bila mereka keluar dari universiti mereka boleh menguruskan kewangan mereka dengan lebih sempurna. Kerana pada masa sekarang saya sendiri nampak banyak, walaupun mereka tidak menjadi usahawan, tetapi seperti kaki tangan kerajaan, pegawai kerajaan dan sebagainya. Mereka juga menjadi mangsa kepada *Ah Long* dan sebagainya oleh kerana mereka tidak tahu menguruskan kewangan mereka sendiri.

Untuk menjawab perbahasan daripada Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah berkenaan dengan cadangan pentadbiran masjid. Saya ingat pentadbiran masjid ini di bawah bidang kuasa kerajaan negeri dan seperti semua hal ehwal agama dan sebagainya. Cadangan Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah iaitu mengadakan Unit Penyelidikan Sosial Ekonomi.

Jadi untuk menjawab soalan ini yang dahulunya mungkin ada satu unit di bawah Jabatan Perdana Menteri yang di panggil SERU. Akan tetapi pada masa sekarang di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menubuhkan Institut Keusahawanan Negara ataupun INSKEN yang berperanan bukan sahaja untuk mengendalikan program latihan keusahawanan dan sebagai pusat rujukan serta khidmat nasihat keusahawanan. Bahkan menjalankan aktiviti R&D berkaitan latihan keusahawanan serta *market intelligence*.

■1610

Dalam bidang Koperasi Maktab Kerjasama Malaysia, ditubuhkan berperanan sebagai institusi penyelidikan dan latihan kepada ahli-ahli koperasi bagi memperkasakan gerakan koperasi di negara kita.

Yang Berhormat Profesor Datuk Dr. Firdaus juga telah banyak berhujah tentang PPSMI. Berkenaan dengan PPSMI ini *ill conceived, ill equipped* dan sebagainya. Perkara yang saya jawab tadi, telah pun banyak kali dibangkitkan dalam perbahasan Titah Ucapan Diraja, Mini Bajet dan sebagainya dan kerajaan telah pun mengambil perhatian tentang perkara ini.

Untuk menjawab Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin, berkenaan dengan beberapa cadangan berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri supaya ICU mengadakan program lawatan sambil belajar untuk JKKK dan Kementerian Pelajaran. Berapa sekolah masih tidak ada bekalan elektrik. Ini saya tidak ada jawapan yang tepat saya harap Kementerian Pelajaran akan mengambil perhatian dengan perkara ini.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Dato' Ir. Hiang A Li, berkenaan dengan tanggungjawab JKR untuk memberi bangunan, jalan, jambatan yang berkualiti. Ini memang telah pun menjadi satu piawai yang di mana dalam pelaksanaan semua projek kerajaan, kita memerlukan jabatan-jabatan yang pelaksana itu *adopt design* yang terbaik dan teknologi yang terbaru.

Berkenaan dengan jawatan-jawatan yang baru di bawah Kementerian Kesihatan yang belum diisi, untuk makluman Yang Berhormat Kementerian Kesihatan sentiasa mengisi kekosongan dari masa ke semasa untuk memastikan perkhidmatan kesihatan yang diberikan kepada rakyat tidak terjejas. Sepanjang tahun 2008, pertambahan pengisian jawatan di Kementerian Kesihatan adalah sebanyak 10,684 jawatan. Pertambahan pengisian jawatan ini melibatkan seramai 2506 orang dari kumpulan pengurusan dan profesional, 3713 orang dari kumpulan paramedik dan *auxiliary* dan 4465 orang dari kumpulan guna sama dan sokongan.

Untuk menjawab perbahasan dari Yang Berhormat Dato' Wan Nordin bin Che Murat, berkenaan perbelanjaan sebanyak RM11.132 bilion, di dalam Rang Undang-undang Pembekalan Tambahan ini dari apa yang saya jawab pada mulanya, wang ini telah pun dibelanjakan dan sebahagian besar sebenarnya bukan peruntukkan baru tetapi pindaan sahaja.

Untuk menjawab perbahasan dari Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap, saya ingin mengucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap, kerana cadangan-cadangan yang bernas. Berkenaan dengan kemudahan-kemudahan yang masih berkurangan di kawasan luar bandar di negeri Sabah seperti di bawah Kementerian Kesihatan, seperti klinik desa perlu diperbanyakkan lagi dan juga Kementerian Pelajaran di mana sekolah-sekolah di Sabah perlu di percepatkan lagi.

Yang Berhormat juga memohon bahawa Kementerian Wilayah Pembangunan Luar Bandar ini memperbanyakkan lagi projek-projek untuk meningkatkan projek jalan kampung, bekalan elektrik, lampu jalan, bekalan air, *amenity social* dan sebagainya. Semua ini kementerian-kementerian yang tertentu akan mengambil perhatian. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu sahaja yang saya jawab untuk perkara-perkara yang dibangkitkan, jadi akhir kata saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan menyokong rang undang-undang yang dibentangkan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan tadi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Bacaan Kali Yang Ketiga

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Dipersilakan untuk bacaan kali yang ketiga Yang Berhormat.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua saya mohon memaklumkan bahawa rang undang-undang bernama suatu akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada kumpulan wang disatukan untuk perbelanjaan bagi perkhidmatan untuk tahun 2009 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi bahagian tahun itu disetujui tanpa pindaan.

Saya mohon mencadangkan bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 53(2) rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan, dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1620

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI PENDAPATAN (PINDAAN) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1997 dibaca kali yang kedua sekarang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu rang undang-undang yang bernama Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009. Rang undang-undang ini adalah *consequential* bagi membolehkan pelaksanaan langkah percukaian yang diumumkan dalam Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua. Rang undang-undang ini mempunyai tujuh fasal seperti berikut:

Fasal 1 menyatakan tajuk ringkas akta ini dan permulaan tarikh kuat kuasa bagi pindaan dibuat ke atas akta tersebut. Akta ini dikenali sebagai Akta Cukai Pendapatan (Pindaan) 2009 dan berkuat kuasa seperti berikut:

- (i) seksyen 2, 3 dan 4 bagi tahun tafsiran 2008, 2009 dan 2010;
- (ii) seksyen 5 dan 6 mulai tahun tafsiran 2009 dan tahun-tahun tafsiran yang berikutnya; dan
- (iii) seksyen 7 mulai 1 Julai 2008.

Fasal 2, 3 dan 4 bertujuan meminda seksyen 44 dengan memasukkan seksyen baru 44B bagi mewujudkan satu peruntukan baru untuk membenarkan kerugian tahun semasa bagi tahun tafsiran 2009 dan 2010 dibawa ke belakang ke satu tahun tafsiran sebelumnya. Amaun kerugian yang dihadkan dibawa ke belakang bagi kedua-dua tahun itu adalah berjumlah maksimum RM100,000. Walau bagaimanapun, bagi akaun seksyen 108 tidak akan dikurangkan.

Fasal 5 bertujuan memasukkan seksyen baru 46B untuk membenarkan pemotongan cukai kepada individu sehingga RM10,000 setahun bagi faedah yang dibayar ke atas pinjaman perumahan. Potongan ini diberi selama tiga tahun berturut-turut mulai tahun pertama faedah pinjaman perumahan dibayar dan terhad pada surat cara perjanjian jual beli yang disempurnakan mulai 10 Mac 2009 hingga 31 Disember 2010.

Fasal 6 bertujuan meminda Jadual 3 dengan memasukkan perenggan baru 8A, 8B, 32A dan 32B untuk membenarkan perbelanjaan ubah suai dan baik pulih premis perniagaan dilakukan antara 10 Mac 2009 hingga 31 Disember 2010 sebagai elaun modal dipercepatkan. Elaun ini layak dituntut oleh semua perniagaan mulai tahun tafsiran 2009. Jumlah perbelanjaan ubah suai dan baik pulih berkenaan adalah dihadkan sehingga RM100,000 bagi setiap pembayar cukai.

Fasal 7 bertujuan meminda perenggan 15(1), Jadual 6. Pindaan ini bertujuan untuk meningkatkan amaun pampasan kehilangan pekerjaan yang dikecualikan cukai dari RM6,000 kepada RM10,000 setiap tahun genap perkhidmatan. Pindaan yang dicadangkan ini terpakai kepada pekerja yang telah diberhentikan mulai 1 Julai 2008. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong?

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

[Tiada perbahasan]

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada? Kalau ada, saya minta Timbalan Menteri untuk menjawab kalau ada.

Timbalan Menteri Kewangan I [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tidak ada jawapan Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada yang hendak dijawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Ir. Wong Foon Meng) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERLINDUNGAN SAKSI 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan T. Murugiah]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon mencadangkan bahawa rang undang-undang yang bernama satu akta untuk mewujudkan suatu program bagi perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya iaitu Akta Perlindungan Saksi 2008 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila huraikan.

Tuan T. Murugiah: Tuan Yang di-Pertua, undang-undang khas mengenai perlindungan saksi perlu diwujudkan di negara ini sebagai langkah persediaan menangani gejala ugutan dan ancaman yang keterlaluan kepada saksi penting dalam suatu kes jenayah berat. Ini berdasarkan kepada maklumat dan laporan bahawa telah wujud unsur ugutan dan ancaman terhadap saksi terutamanya dalam kes jenayah terancam dengan izin, *organized crime*.

Rang undang-undang ini adalah perlu memandangkan ia boleh membantu kelancaran proses pengadilan yang dijalankan di mahkamah. Ia juga memperlihatkan Malaysia sebagai negara yang menitikberatkan aspek perlindungan terhadap saksi-saksi utama yang bersedia untuk tampil memberikan keterangan di mahkamah. Bagi maksud ini rang undang-undang bernama satu akta untuk mewujudkan suatu program bagi perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya perlulah diadakan. Peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

■1630

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian I - Permulaan.

Fasal 1 dan 2 - memberi kuasa kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi program perlindungan saksi untuk menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa akta melalui pemberitahuan dalam warta dan mentakrifkan perkataan tertentu yang digunakan dalam akta.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian 2 - Program Perlindungan Saksi.

Fasal 3 dan 4 - menetapkan bahawa Menteri boleh melantik Ketua Pengarah dan seorang Timbalan Ketua Pengarah daripada kalangan penjawat awam serta pegawai-pegawai lain yang difikirkan sesuai.

Fasal 5 - mengadakan peruntukan mengenai fungsi dan tanggungjawab Ketua Pengarah dalam memberikan perlindungan kepada saksi.

Fasal 6 - meletakkan tanggungjawab kepada mana-mana orang untuk memberi bantuan kepada Ketua Pengarah dalam menjalankan tugasnya di bawah akta ini seperti membekalkan pernyataan rekod atau lain-lain dokumen. Sesiapa yang ingkar dalam tanggungjawab ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM3,000 atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Fasal 7 - membenarkan saksi membuat permohonan untuk dimasukkan di dalam program ini kepada Ketua Pengarah.

Fasal 8 - mengehendaki saksi mendedahkan semua fakta dan butir-butir mengenai dirinya kepada Ketua Pengarah termasuk harta benda dan juga liabilitinya.

Fasal 9 dan 10 - faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan oleh Ketua Pengarah sebelum membuat syor kepada Peguam Negara untuk memasukkan seseorang saksi ke dalam program ini.

Fasal 11 - mengenai pelantikan seorang pendaftar perlindungan saksi yang bertanggungjawab untuk menyelenggarakan daftar peserta.

Fasal 12 - memperuntukkan larangan untuk mengakses data dan dokumen yang disimpan oleh pendaftar melainkan mendapat kebenaran secara bertulis oleh Ketua Pengarah. Fasal ini juga memperuntukkan bahawa daftar tidak boleh dikemukakan dalam mana-mana prosiding dalam mahkamah, tribunal, suruhanjaya, atau siasatan dan mana-mana orang yang melanggar peruntukan ini adalah melakukan satu kesalahan yang apabila disabitkan boleh dihukum dengan pemenjaraan tidak melebihi 20 tahun.

Fasal 13 - menyatakan pemenjaraan dan langkah-langkah yang perlu diambil oleh Ketua Pengarah apabila seseorang saksi menyertai program ini.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian 3 – Hak, Obligasi Ketidakedahan dan Penamatan Seseorang Peserta.

Fasal 14 - mengadakan peruntukan mengenai hak dan obligasi seseorang peserta.

Fasal 15 - memperuntukkan tentang tanggungjawab pihak-pihak berkenaan untuk tidak menzahirkan identiti asal peserta melainkan jika Ketua Pengarah telah memberikan perintah secara bertulis kepada peserta itu untuk berbuat demikian.

Fasal 16 - memperuntukkan tentang Ketua Pengarah yang boleh membuat syor mengenai perkara-perkara yang boleh membawa kepada penamatan dan perlindungan kepada seseorang peserta.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian 4 - Peruntukan Am.

Fasal 17 - memperuntukkan tentang prosedur untuk menyimpan rahsia bagi maklumat yang diperoleh melalui akta ini.

Fasal 18 - menyatakan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawainya tidak boleh mendedahkan maklumat semasa menjalankan tugasnya di bawah akta ini.

Fasal 19 - memperuntukkan mengenai tanggungjawab peserta untuk memberitahu kepada Ketua Pengarah sekiranya dia dikehendaki menjadi saksi kepada sesuatu *proceeding* jenayah di bawah identiti baru.

Fasal 20 - memperuntukkan mengenai identiti peserta di dalam *proceeding* mahkamah dan mana-mana orang yang melanggar peruntukan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM50 ribu dan pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun dan kedua-duanya atau kedua-duanya.

Fasal 21 - memperuntukkan mengenai apa-apa pembayaran yang dibuat kepada peserta di bawah program ini tidak boleh dirampas, dilucuthakkan atau dibekukan melainkan sebagaimana yang diperuntukkan dalam akta ini.

Fasal 22 - memberikan kuasa kepada Ketua Pengarah untuk membuat perkiraan khas dengan mana-mana pihak bagi kemudahan peserta.

Fasal 23 - memperuntukkan larangan untuk semakan kehakiman bagi keputusan yang dibuat oleh Menteri, Peguam Negara dan Ketua Pengarah.

Fasal 24 - mengadakan peruntukan untuk melindungi pegawai-pegawai di dalam program ini daripada tindakan undang-undang semasa menjalankan tugas rasmi di bawah akta ini.

Fasal 25 - memperuntukkan pendakwaan hanya boleh dilakukan dengan keizinan bertulis pendakwa raya.

Fasal 26 dan 27 - memperuntukkan mengenai kesalahan mendedahkan identiti kesalahan persubahatan dan percubaan yang boleh dihukum di bawah akta ini.

Fasal 28 - menyatakan kewujudan akta ini tidak akan mengurangkan kuasa polis.

Fasal 29 - memperuntukkan tanggungjawab Ketua Pengarah untuk mengemukakan laporan tahunan kepada Menteri pada atau sebelum 31 Mac setiap tahun.

Fasal 30 - memberi kuasa kepada Menteri untuk membuat peraturan yang sesuai manfaat bagi melaksanakan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada siapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Noriah Kasnon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mewujudkan satu program bagi perlindungan saksi dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Beberapa Ahli: [*Bangun*].

Timbalan Yang di-Pertua: Ya. Puan Mumtaz. Selepas itu Datuk Maijol dan Puan Heng Seai Kie.

4.37 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya untuk bersama membahaskan Rang Undang-Undang Saksi 2008. Saya hendak *confirm* kan yang pertama, betul kah ini Rang Undang-Undang Perlindungan Saksi 2008. Jadi tahun itu 2008 kah 2009? Itu yang pertama. Yang kedua, bila kita sebut kerajaan berjaya menggubal satu undang-undang untuk melindungi saksi, ini bagi saya satu kejayaan. Saya hendak tanya di sini, kenapa kita hanya hadkan untuk saksi tersebut di bawah seksyen 2 hanya melibatkan kes-kes yang melibatkan prosiding jenayah sebab kadang-kadang di negara kita ini saksi yang diugut itu pun bukan masalah terhad kepada bidang jenayah. Mungkin kalau kes itu kes sivil tetapi kalau kes itu melibatkan kes yang kontroversi kemungkinan juga saksi-saksi yang terlibat ini perlu kepada satu program perlindungan seperti ini dan di manakah saksi ini boleh mendapatkan perlindungan sekiranya yang terlibat adalah kes-kes sivil kerana macam-macam boleh jadilah bila dia sudah jadi saksi ini.

Seterusnya berkaitan dengan bila disebut saksi, dalam akta di bawah Mahkamah Sesyen ataupun Mahkamah Tinggi. Terdapat fi yang dikenakan untuk dibayar kepada saksi dan setakat ini saya rasa belum ada pindaan terhadap bayaran fi-fi kepada semua saksi yang hadir. Sama ada saksi itu melibatkan saksi orang ramai biasa ataupun saksi-saksi pakar. Saya rasa kalau tidak silap saya, kebanyakan saksi jumlah yang diberikan kepada mereka untuk satu kehadiran adalah RM50.

Jadi memandangkan negara kita sudah pun 50 tahun, akta untuk Mahkamah Tinggi dengan mahkamah rendah itu pun dibuat dalam tahun 80-an. Jadi jumlah tersebut sudah jadi tidak *applicable*. Jadi bila kita melihat dalam minggu lepas saya rasa ada satu kes di mana mahkamah memutuskan kes dapat disabitkan tanpa mendapatkan keterangan daripada pakar forensik.

Saya minta juga bila kita bercakap tentang perlindungan saksi hari ini untuk kita sebagai rakyat umum ini mengetahui dari segi penggredan saksi-saksi. Bila saksi-saksi pakar ini perlu dan bila saksi-saksi pakar ini tidak perlu untuk mensabitkan kes terutama kes-kes yang melibatkan kes jenayah. Jadi kalau saksi ini dikatakan saksi pakar bilakah mereka akan dikirakan sebagai saksi pakar sama ada pakar ini mesti daripada pakar yang diiktiraf oleh kerajaan ataupun pakar swasta kerana kalau kita memanggil saksi daripada pakar kerajaan bayaran yang dikenakan mungkin agak rendah tetapi kalau kita memanggil pakar-pakar daripada swasta, jumlah fi yang dikenakan agak tinggi.

■1640

Berkenaan dengan saksi juga, bila seseorang itu menjadi saksi dalam kebanyakan kes jenayah, orang yang menjadi saksi biasanya orang yang turut terlibat dalam merencanakan atau menjayakan jenayah itu sendiri, jadi *accomplish*. Jadi di sini bagaimana kita dapat mempertimbangkan sama ada orang itu patut dituduh bersama atau dia hanya boleh jadi setakat

saksi, sebagai saksi kerajaan. Jadi di mana dia punya *line* yang kita buat untuk kita bezakan antara saksi ini?

Seterusnya berkaitan dengan kenyataan bersumpah, itu untuk affidavit bertulis. Sekarang ini dalam era sekarang ini, kebanyakan affidavit itu kadang-kadang dibuat seolah-olah macam berbentuk mainan, hari ini buat esok tarik, lusa buat lain. Jadi kenyataan-kenyataan yang dibuat dalam bentuk bersumpah sebenarnya dari segi *evidence* agak memberi kesan kepada keterangan-keterangan di mahkamah. Jadi bagaimana akauntabiliti seseorang Pesuruhjaya Sumpah mahupun saksi yang memberi keterangan yang bersumpah secara bertulis? Jadi kita tidak mahu perkara ini dijadikan satu barang gurauan ataupun mainan sedangkan ini adalah satu dokumen mahkamah.

Berkenaan dengan jaminan keselamatan orang yang mendapat perlindungan di bawah program perlindungan saksi, saya ingin tahu jaminan keselamatan yang akan diberikan oleh program tersebut. Adakah pada masa kes tersebut, adakah semasa kes berjalan ataupun setelah kes diputuskan kerana sebelum kes diputuskan orang itu akan diberi perlindungan. Akan tetapi bagaimana setelah tertuduh telah dihadapkan dan dihukum di mahkamah, adakah saksi ini akan dibiarkan begitu sahaja?

Berkaitan dengan seksyen 4 untuk pelantikan di bawah subseksyen 4, sekiranya Ketua Pengarah tiada atau tidak berupaya untuk bertindak kerana sakit atau apa-apa sebab lain. Di sini saya ingin tahu adakah dalam semua rang undang-undang yang kita bantah, kita akan meletakkan antara sebab-sebab Ketua Pengarah itu tidak berupaya ialah kerana sakit? Kalau ini standard perkataan yang digunakan, saya cuma hendak mengesahkan, adakah dalam semua rang undang-undang kita mesti masukkan sekiranya Ketua Pengarah ingin *delegate* kuasa kepada Timbalan Ketua Pengarah sebab antara sebab yang utama dituliskan dalam akta adalah sakit? Apa pula yang akan terjadi sekiranya Ketua Pengarah ataupun Timbalan Ketua Pengarah yang menjalankan program perlindungan saksi ini merupakan orang yang kena tuduh, sebab perkara ini walaupun mungkin jarang berlaku tetapi kita bimbang dalam dua tahun lepas, Ketua Pengarah kalau tidak silap saya imigresen kah yang dituduh terlibat dalam rasuah. Jadi kalau Ketua Pengarah sendiri yang terlibat dalam kes ini, macam mana? Dia adalah Ketua Pengarah perlindungan saksi tetapi dia adalah orang yang ditakuti oleh saksi tersebut dalam kes itu.

Untuk jaminan masa dan kos kehadiran saksi ke mahkamah, hari ini semua masa itu penting, jadi kos juga mahal. Bagaimana kita hendak menentukan bahawa masa dan kehadiran saksi ke mahkamah itu dapat kita pastikan berbaloi? Sebagai contoh, jenayah kes trafik, untuk kes 441, kes mati. Kadang-kadang saksi terpaksa hadir lima kali tetapi kes belum dapat dijalankan. Jadi kadang-kadang yang diberikan bayaran mungkin RM50 atau RM100, tapi kawan itu terpaksa tinggal balik daripada Sabah dan Sarawak untuk menghadiri perbicaraan dan saya minta sekarang satu mekanisme untuk memastikan bila saksi ini pulang, maknanya kes boleh dapat dijalankan dengan kadar yang cepat, jangan sampai lima kali hadir, masih belum dapat dibuat.

Jadi untuk elaan perjalanan, saya juga mohon agar elaan perjalanan ini dikaji dengan ikut semasa supaya saksi ini tidak terganggu dari sudut kehadiran.

Dari segi sejauh mana jaminan kerajaan tentang nyawa dan harta saksi ini kerana kita lihat dia punya definisi tentang saksi ini di bawah seksyen 26, kita melihat yang ditumpukan adalah saksi peserta atau bekas peserta. Bagaimana dengan keselamatan saksi, keluarga saksi ataupun orang-orang yang terdekat dengan saksi? Adakah mereka juga akan turut sama dilibatkan bila saksi ini dilindungi? Adakah ahli keluarga terdekat mereka juga akan dilindungi ataupun orang itu perlu mohon dengan kadar yang lain untuk juga dilindungi di bawah program ini.

Apa yang kita bimbangkan seperti mana yang diberitahu oleh Timbalan Menteri ialah kes-kes sekarang ini jenayah yang banyak berlaku yang kita bimbangkan yang terpaksa dibuat program perlindungan saksi kerana kes ini jenayah berat bersiri dan berangkai. Bila kes ini jenayah berat bersiri dan berangkai, unsur-unsur mafia dan gengsterisme. Bagaimana pihak kerajaan boleh memanfaatkan atau menyelamatkan anggota dan ahli keluarga mereka yang terlibat kerana bila mereka ini terlibat dalam gengsterisme, keseluruhan keluarga itu dalam keadaan bahaya dan bila disebut perlindungan saksi yang dilindungi yang saya tengok daripada akta ini ialah berkenaan dengan ugutan-ugutan. Akan tetapi yang kita bimbang sekarang saksi yang berkenaan bukan hanya diugut untuk diculik, diugut untuk dikurung atau dibunuh, saksi ini akan dirasuah dan dibeli. Jadi adakah rasuah dan beli ini akan termasuk di bawah perkara-perkara yang akan dilindungi bila saksi ini memohon perlindungan di bawah rang undang-undang ini.

Berkenaan dengan bentuk permohonan, saksi boleh membuat permohonan berada di bawah program perlindungan saksi, bagaimanakah bentuk permohonan itu perlu dikemukakan sama ada bertulis atau secara lisan, bentuk dia macam mana? Ini supaya perkara ini lebih jelas apabila saksi hendak meminta sebarang perlindungan ataupun permohonan dan juga apabila seorang saksi itu sebenarnya membuat suatu *perjury* atau *mala fide* terhadap kes yang dikatakan dia menjadi saksi kepada kes tersebut. Adakah mana-mana peruntukan dalam akta atau dalam undang-undang ini yang memperuntukkan bahawa sekiranya mereka mempunyai suatu membuat kesalahan *perjury* ataupun *mala fide* akan mendapat denda yang lebih teruk dari saksi yang dilindungi? Kalau dalam kes saksi yang lain tidak dilindungi, dalam kes yang terlibat dalam program sekiranya dia menipu atau mempunyai *mala fide* terhadap suspek sendiri, dia akan dikenakan tindakan yang berganda.

Untuk di bawah seksyen 8(1)(i), menyebut perkataan perintah reparasi, saya tengok di bawah definisi tidak dimasukkan dalam maksud reparasi ini, jadi saya minta apa maksud penjelasan *preparation* atau reparasi ini.

Saya juga melihat kepada rang undang-undang ini, saya melihat tidak ada peruntukan yang khas yang dibuat yang melibatkan saksi-saksi warga asing atau saksi-saksi tanpa pengenalan dokumen diri. Ini kerana kalau saksi itu adalah saksi yang ada IC, yang ada passport senang. Kalau saksi tersebut adalah orang parti ataupun orang yang datang ke Malaysia tanpa

dokumen sebagaimana disebut di bawah seksyen 11(3)(a)(i), (ii), jadi kesemua ini yang ada dokumen, bagaimana untuk saksi yang tidak ada dokumen pengamalan diri. Adakah mereka akan dilindungi di bawah Akta ataupun Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008 ini?

Berkenaan dengan 12(1), orang-orang yang akan dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk melihat atau mendapat akses kepada dokumen in ialah Menteri, Peguam Negara, Ketua Pengarah dan mana-mana orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh ketua Pengarah. Oleh kerana ini merupakan satu akta yang begitu sulit dan rasmi, saya mohon pihak kerajaan untuk memastikan bila mana satu kebenaran bertulis diberikan oleh Ketua Pengarah mesti dimasukkan rasional. Kenapa orang-orang ini akan diberikan akses selain daripada Menteri, selain daripada Peguam Negara atau orang lain yang mendapat akses mesti diberikan rasional secara bertulis atau dibuat dalam bentuk jadual. Orang yang macam mana yang berhak untuk mendapat akses kepada perlindungan saksi kerana kita bimbang apabila saksi ini, di sini kes berat mungkinlah yang terlibat adalah orang yang pertama dan utama dalam kerajaan.

Untuk seksyen 13(6), pegawai diberikan kebenaran untuk membuat nama samaran. Jadi saya ingin tanya kenapa pegawai perlu menggunakan nama samaran dalam menjalankan kewajipan sedangkan untuk saksi atau peserta dia hanya boleh membuatkan pertukaran nama atau identiti setelah mendapatkan kebenaran peserta tetapi tiba-tiba pula pegawai boleh guna nama samaran. Maksudnya sekarang yang kita hendak lindung ini, pegawai kah kita hendak lindung saksi? Seterusnya berkenaan dengan saksi yang kita maksudkan, saksi akan terdiri apabila kita perkenalkan akta keterangan kanak-kanak, saksi yang mungkin berhadapan dengan kita adalah saksi di bawah umur, saksi OKU, saksi wanita, saksi lelaki. Akan tetapi dari segi kita lihat sini yang diberikan ialah secara umum tanpa memberikan sebarang ruang atau pun peluang untuk menyatakan kepada saksi-saksi yang memerlukan keperluan-keperluan khas. Sebagai contohnya saksi OKU, saksi yang tidak boleh berbahas Melayu, saksi wanita seharusnya diasingkan tempat penginapan dengan saksi-saksi lain dalam program ini. Bagaimana bentuk layanan yang akan diberikan saksi yang mempunyai status yang berbeza ini.

■1650

Berkenaan dengan maksud identiti baru di bawah seksyen 4 dan di bawah seksyen 16(1)(2) apakah bentuk identiti baru yang akan diberikan? Bagaimana bentuk identiti baru? Ia di bawah seksyen 14(3)(a) disebutkan mengelak obligasi yang dilakukan sebelum identiti baru itu diberikan. Adakah semua saksi yang terlibat dengan program perlindungan saksi ini akan diberikan identiti baru dan selama manakah identiti baru itu akan berada bersama saksi? Adakah selepas kes ini ditamatkan identiti lama akan dikembalikan dan dihapuskan ataupun bagaimana caranya?

Berkaitan dengan seksyen 16(5), disebutkan bahawa sekiranya saksi itu tidak perlu lagi diberikan perlindungan sama ada dengan penamatan perlindungan atau bantuan, peserta itu boleh membuat representasi. Jadi yang saya hendak tanya di sini, boleh tidak kita minta kepada pihak kerajaan, bila representasi ini dibuat, mesti representasi ini dibuat melalui peguam kerana

kita bimbang kalau kita hanya membenarkan peserta itu membuat representatifnya sendiri, dia tidak boleh mengemukakan dengan jelas kenapa dia perlu tak ditamatkan perlindungan dan bantuan.

Jadi kita mohon daripada pihak kerajaan agar mempertimbangkan agar semua representasi ini mesti dibuat melalui peguam sama ada peguam kerajaan ataupun peguam swasta ataupun boleh dapatkan kerjasama daripada BBG ataupun LAC supaya saksi ini mendapat satu hak yang terjamin sebab representasi ini berkaitan dengan undang-undang. Berkenaan dengan bajet, saya juga ingin mengetahui, untuk program perlindungan saksi ini, adakah kerajaan akan memperuntukkan bajet untuk semua negeri ataupun dikira untuk satu program perlindungan saksi di seluruh negara ataupun di semua negeri ada lokap tertentu ataupun tempat tertentu yang diletakkan untuk perlindungan saksi? Yang lain saya rasa tak ada apa. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey. Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Tuan Maijol Mahap.

4.52 ptg.

Tuan Maijol bin Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk sama-sama berbahas Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya kepada kementerian kerana telah berjaya untuk menggubal dan membawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Saya merasakan bahawa undang-undang ini adalah undang-undang yang baru bagi negara kita, satu inovasi yang baru daripada kerajaan dalam hal perlindungan saksi. Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memberikan perlindungan kepada saksi-saksi yang keselamatannya terganggu sebelum, sewaktu dan selepas perbicaraan.

Di negara-negara lain, program perlindungan saksi ini sudah pun dibuat. Contohnya di Kanada, program ini dibuat pada tahun 1996 dan di New Zealand juga sudah dibuat di mana polis memberi perlindungan kepada saksi-saksi terhadap ancaman daripada geng-geng jenayah dan penjenayah. Mereka melindungi saksi-saksi dan memantau kebajikan mereka dan membantu untuk mendapatkan identiti baru. Di Taiwan rasanya program ini juga sudah dimulakan pada tahun 2000. Demikian juga di Switzerland dan di USA juga diperkenalkan pada 1970, sudah lama, di bawah *Organized Crime Control Act* 1970. Tuan Yang di-Pertua, program perlindungan saksi ini adalah perlu dalam perbicaraan terhadap jenayah yang terancang seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi di mana kerajaan merasakan bahawa saksi-saksi adalah terdedah kepada risiko daripada pihak-pihak tertentu.

Pengalaman negara-negara lain menunjukkan bahawa kerajaan pensabitan melalui program perlindungan ini adalah tinggi iaitu di purata 89%. Apa yang dibuat oleh kerajaan adalah harus dipuji. Ia bersesuaian dengan kehendak antarabangsa, memastikan saksi-saksi yang berkenaan selamat ataupun rasa selamat, memastikan semua saksi yang dikehendaki iaitu *staff*

witnesses, dengan izin, bersedia untuk memberi keterangan dan juga kebajikan saksi juga adalah terjaga.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengutarakan sedikit keraguan atau meminta penjelasan daripada kerajaan berhubung dengan beberapa perkara. Yang pertama ialah seperti mana ditanya oleh Yang Berhormat rakan saya Mumtaz tadi, adakah perlindungan ini juga diberi kepada ahli keluarga ataupun kepada saksi sahaja atau juga diberi kepada ahli keluarga saksi?

Yang kedua ialah, ada mungkin *possibility*, *probability* atau kebarangkalian *coaching* akan berlaku oleh pihak pendakwa, oleh pihak polis terhadap saksi-saksi yang dilindungi itu. *Coaching* yang saya maksudkan di sini ialah nanti pihak pendakwa atau polis akan memberitahu ataupun bersepakat dengan saksi itu mengatakan sesuatu di mahkamah nanti.

Dia boleh katakan kepada saksi bahawa di mahkamah nanti, “*Saya cakap begini, kau jawab begini. Saya katakan begini, kau akan kata begini.*” Itu *coaching*, itu tidak dibolehkan sebenarnya di mahkamah tetapi dengan perlindungan ini, maka itu boleh berlaku sebab saksi itu kini dalam kuasa atau di bawah kawalan pihak polis, pihak kerajaan. Jadi, *probability* atau kebarangkaliannya akan berlaku di situ. Yang ketiga ialah ada masalah *tensile problem*, dengan izin, yang mungkin berlaku di mana pengalaman dari negara lain, pensabitan iaitu *conviction*, dengan izin, oleh seorang saksi yang dahulunya itu dihapus ataupun tidak diambil kira oleh polis apabila dia diambil sebagai dalam perlindungannya.

Jadi, oleh itu, dia terlepas daripada kesalahan atau sabitan dulu itu dan dia ini akan terus menghadapi ataupun hidup seperti biasa dan mungkin nanti akan membuat jenayah lagi. Jadi, bagaimana itu? Ada potensi di situ untuk mengulangi jenayah yang dibuat dahulu tetapi dulu oleh kerana dia sudah dilindungi, sekarang jenayah dulu tidak diambil kira ataupun dihapuskan oleh polis. Ini sudah dilalui oleh negara-negara lain dan mungkin akan berlaku di negara kita juga.

Yang keempat ialah, adakah saksi diberi nama baru ataupun lokasi, diberi lokasi tempat tinggal yang baru. Seksyen 13 tidak jelas mengenai dengan perkara ini kerana di negara-negara lain saya difahamkan bahawa mereka memberikan nama baru kepada saksi dengan biasanya mengekalkan nama asal tapi mengubah nama *surname* dia, nama keluarga dia untuk melindungi identiti dia.

Memang banyak kes seperti berikut yang telah diberi oleh negara-negara lain. Tidak pasti di negara kita, adakah sedemikian. Yang kelima ialah tentang kakitangan yang menguatkuasakan program ini. Adakah mencukupi? Pengalaman negara lain ialah semakin lama semakin banyak orang-orang atau saksi-saksi yang diberi perlindungan di bawah program ini. Jadi, jumlahnya akan meningkat tapi dalam masa yang sama, jumlah kakitangan akan menurun. Jadi, oleh kerana itu tidak ada keseimbangan, maka mutu perkhidmatan juga akan menurun dan di situ ada *leakages*, dengan izin. Jadi itu harus diambil kira oleh kerajaan.

Yang keenam ialah bagaimana dengan perbelanjaan keluarga saksi yang diberi perlindungan? Adakah kerajaan kita juga akan membiayai perbelanjaan ahli keluarga saksi itu? Di

negara lain memang diberi. Saya difahamkan di Amerika Syarikat, setiap ahli keluarga diberi USD60,000 setahun untuk menampung keperluan ahli keluarga dan ini ada fleksibel sebab akan diubahsuai, akan dikurangkan apabila mereka itu mendapat pekerjaan yang tetap dan sebagainya. Jadi adakah itu dalam pertimbangan kerajaan kita, seperti yang dimaktubkan di negara-negara lain.

■1700

Ketujuh, saya kluatir tentang proses pelaksanaan program ini. Maksud saya daripada mula pihak berkuasa memohon kepada pihak Peguam Negara, supaya seorang itu diletakkan di bawah perlindungan saksi, berapa lamakah tempohnya? Sebab kalau terlalu lama, maka ia akan mendatangkan bahaya kepada dia, sebab kita mahu melindungi dia, tetapi oleh sebab masa terlalu lama untuk memproses, maka dia akan terdedah kepada masalah ataupun bahaya, sebelum kita ambil dia di bawah program perlindungan.

Ini juga harus dilihat oleh kerajaan, yang terakhir Tuan Yang di-Pertua iaitu yang berkenaan dengan seksyen 13(3), mengatakan bahawa:

“13(3) Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, tiada penempatan semula mana-mana peserta boleh dibuat oleh Ketua Pengarah, di bawah Perenggan 2(b) -

- (a) ke Negeri Sabah dari mana-mana tempat di luar Negeri Sabah; dan*
- (b) ke Negeri Sarawak dari mana-mana tempat di luar Negeri Sarawak.”*

Saya baca rang undang-undang ini, saya tidak begitu faham, jadi apakah rasionalnya Sabah dan Sarawak itu, kenapa bukan Pulau Pinang, Kedah dan sebagainya. Jadi minta penjelasan daripada pihak kerajaan, itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, maka itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Puan Heng Seai Kie.

5.02 ptg.

Puan Heng Seai Kie: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut serta dalam perbahasan Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008.

Pertama sekali saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan, atas kejayaan dan usahanya untuk mengadakan Rang Undang-undang Perlindungan Saksi 2008 ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, antara negara yang telah pun mempunyai undang-undang sedemikian ialah, Amerika Syarikat, Kanada, Australia, *South Africa*, New Zealand dan India.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa tujuan akta ini ialah untuk memberikan perlindungan kepada pengadu atau saksi, dalam kes-kes yang berprofil tinggi supaya saksi dapat dilindungi dan berpihak kepada kerajaan. Ini termasuklah perlindungan yang diberikan kepada kanak-kanak atau remaja. Ia berkaitan dengan kes-kes berprofil tinggi, termasuklah kes-kes yang

melibatkan pegawai-pegawai tinggi kerajaan sama ada dari jabatan awam biasa, polis, *military*, juga di jabatan tinggi mengenai Islam. Kes-kes terlibat juga iaitu:

- (i) melibatkan hal ehwal berkaitan rasuah;
- (ii) kes rogol yang melibatkan pegawai tinggi kerajaan;
- (iii) melibatkan hal-hal berkaitan dengan pengganas atau *terrorist*;
- (iv) kes-kes *trial in-camera*;
- (v) kes-kes berkaitan dengan hak asasi manusia; dan
- (vi) kes berhadapan dengan kekejaman pemerintah.

Oleh itu, undang-undang ini adalah penting dan amat perlu di masa yang kritikal, menjadikan program yang ditubuhkan sebuah entiti yang tinggi dan berstatus. Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, persoalannya ialah sejauh manakah orang awam akan mengerti apakah yang dimaksudkan sebagai program perlindungan ini, dan apakah yang perlu dipenuhi untuk diberi perlindungan jika seseorang itu ingin menjadi saksi.

Berkenaan dengan implementasi rang undang-undang ini, saya ingin juga meminta penjelasan tentang yang pertama, bilakah masa yang dianggap munasabah untuk mengeluarkan saksi dari program ini, dan apakah kriteria yang akan diguna pakai untuk mengeluarkan saksi dari program ini?

Kedua, bagi kes-kes berprofil tinggi ataupun *trial in-camera*, *child rape*, persoalannya ialah, adakah saksi akan merasakan diri mereka terancam, jika mereka hadir di mahkamah. Ini kerana laporan atau apa yang dikatakan oleh saksi telah pada dasarnya mencemarkan nama mereka yang dihadapkan ke mahkamah, yang pada ketika itu, yang dituduh masih belum lagi dikira bersalah.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua sedia maklum bahawa perlindungan saksi ini, masih dianggap satu yang agak asing di dunia perundangan di Malaysia. Walaupun di negara lain telah wujud sejak lebih kurang sepuluh tahun yang lalu, walaupun ia menelan belanja yang agak tinggi, tetapi kerajaan tetap meneruskannya dengan berlandaskan prinsip bahawa, mereka yang patut dihukum akan menerima hukumannya.

Seterusnya saya juga ingin menarik perhatian kerajaan terhadap implikasi-implikasi negatif rang undang-undang ini, iaitu antaranya ialah yang pertama, ia merupakan satu bentuk bebanan baru kepada pihak kerajaan, kerana kemungkinan program perlindungan saksi ini memerlukan saksi berpindah ke luar negara, termasuklah mereka yang terlibat dengan saksi bersama, iaitu misalnya ahli-ahli keluarga.

Kedua ialah persepsi seseorang saksi dengan atau terhadap bajet yang boleh diperuntukkan kepada mereka. Ini membawa maksud nilai saksi bergantung kepada jenis kes, sedangkan jika mereka diancam ataupun diugut, adalah sama bentuk untuk semua saksi, iaitu menamatkan ataupun merasakan nyawa mereka terancam.

Ketiga ialah identiti baru yang diberikan kepada saksi di bawah akta ini, selalunya berbentuk *fictitious* dan oleh itu risiko yang berkaitan dengannya juga sukar diramalkan.

Keempat, ada kemungkinan besar yang saksi ini juga, ada kaitan dan hubungan dengan mereka yang dihadapkan ke mahkamah. Jadi persoalannya ialah, sejauh manakah saksi yang terlibat ini berhubungan dengan yang didakwa dan juga yang merupakan satu penghalang kepada ketelusan penghakiman yang akan diberikan.

Kelima, kepada saksi yang pernah memiliki rekod jenayah sebelumnya, yang mungkin terlepas daripada menjalani hukuman, tetapi rekodnya tidak boleh dipadamkan dan pada ketika dia menjadi saksi, ini boleh mendatangkan kontroversi di kemudian hari.

Selain itu, kontroversi juga wujud berkaitan dengan kemungkinan bukti-bukti yang telah direka, atau diputarbelitkan untuk menjadikan diri seseorang itu, dimasukkan ke bawah program perlindungan saksi. Jadi kalaulah benar begitu, program ini akan disalahgunakan sebagai ruang untuk memperkayakan diri saksi itu sendiri, atau dengan izin, atau *self enrichment*. Maka dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

5.09 ptg.

Tuan S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah berbahas mengenai rang undang-undang ini.

Untuk soalan-soalan ataupun perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz, beliau telah menanyakan mengapakah kes-kes dihadkan kepada kes jenayah di bawah perenggan (d) takrif, "saksi."

■1710

Seseorang saksi untuk kes sivil *high profile* boleh juga diberi perlindungan tetapi mestilah kes *high profile*. Seterusnya beliau ingin tahu mengenai bayaran fi kepada saksi dan bayaran kepada saksi pakar. Bayaran fi kepada saksi adalah untuk kes-kes sivil. Di bawah rang undang-undang ini seseorang saksi yang diberi perlindungan, jumlah bayarannya yang akan diberikan akan ditentukan oleh ketua pengarah di bawah seksyen 13. Di bawah seksyen 13 ketua pengarah itu akan menentukan berdasarkan kepada kes-kes berkenaan. Berhubung dengan soalan adakah ahli keluarga saksi juga akan dilindungi di bawah rang undang-undang ini, jika perlindungan diberikan kepada seseorang saksi perlindungan juga akan diberikan kepada keluarganya yang turut terancam.

Soalan seterusnya ialah setakat manakah jaminan keselamatan terhadap saksi diberikan, adakah semasa kes berjalan atau selepas kes selesai? Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jaminan keselamatan terhadap saksi akan diberikan kepada mana-mana keadaan sebelum, semasa atau selepas kes. Jika ketua pengarah berpendapat saksi perlu diberi perlindungan jika wujud ancaman terhadap dirinya maka ini adalah budi bicara ketua pengarah berdasarkan kepada kes-kes berkenaan.

Seterusnya, adakah semua saksi akan diberikan identiti baru dan sampai bila identiti baru dikekalkan? Saya rasa soalan ini juga telah ditanyakan oleh Yang Berhormat tadi dan juga

kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang berbahas itu. Pemberian identiti baru bergantung kepada jenis perlindungan yang perlu diberikan kepada saksi oleh ketua pengarah. Pemberian identiti baru saksi hanya boleh diberikan dengan keizinan saksi itu sendiri kerana saksi itu menyertai program ini dengan cara sukarela. Jika identiti baru diberikan ia akan kekal selamanya bagi saksi berkenaan. Inilah cara yang digunakan di peringkat di US. Di Amerika Syarikat kadang-kadang ada juga saksi yang menjalani pembedahan plastik untuk memastikan bahawa identiti mereka terus berubah dan pengenalan mereka terus menjadi sesuatu yang amat berbeza.

Seterusnya Yang Berhormat

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya mohon gangguan sekejap.

Tuan S. K. Devamany: Boleh. Sila.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bila disebut tentang saksi tadi, saya terlupa hendak tanya tentang adakah akta ini boleh diperpanjang untuk mahkamah syariah sekali. Kalau untuk kes-kes jenayah di mahkamah syariah adakah pihak saksi boleh memohon untuk mendapatkan perlindungan di bawah akta ini. Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Untuk makluman Yang Berhormat ini adalah jabatan di bawah kes-kes berkaitan dengan sivil dan mahkamah sivil. Saya akan membawa pandangan ini kepada pihak-pihak berkenaan untuk melihat adakah peruntukan-peruntukan itu sesuai untuk tujuan itu.

Seterusnya Yang Berhormat, mengapakah pegawai boleh menggunakan nama samaran di bawah seksyen 13(6)? Pegawai boleh menggunakan nama samaran untuk melindungi saksi dan menjamin kerahsiaan program ini.

Seterusnya, bagaimanakah akauntabiliti pesuruhjaya sumpah diambil kira untuk memastikan kesahihan affidavit dan affidavit tidak dipermainkan. Saya rasa soalan ini satu soalan yang baik daripada pihak yang terhormat kerana selalunya ada tohmahan-tohmahan mengatakan bahawa jaminan pesuruhjaya kadang-kadang tidak begitu sah. Pesuruhjaya sumpah dilantik serta dipantau untuk memastikan tiada salah guna. Kita percaya bahawa sistem itu sendiri akan memastikan bahawa pesuruhjaya-pesuruhjaya sumpah menjalankan tanggungjawab dan mereka mempunyai etika mereka sendiri. Sekiranya ada penyalahgunaan sudah tentunya ada peruntukan perundangan untuk memastikan bahawa tindakan diambil ke atas mereka. Kita tidak boleh campurkan perkara itu dengan perkara ini kerana ini adalah satu entiti yang berbeza. Kita mengharapkan bahawa segala elemen perundangan yang sedia ada, pesuruhjaya sumpah dan peranan mereka dapat dijamin jawatankuasa masing-masing.

Berkenaan dengan kesahihan affidavit yang digunakan di hadapan pesuruhjaya ini, ini adalah suatu yang sukar untuk dipastikan. Seperti mana yang saya katakan, kita mengizinkan supaya mahkamah yang menjalankan prosiding memastikan bahawa kesahihan itu dapat dijamin. Apakah yang dimaksudkan dengan *reparation order* di bawah seksyen 8(1)(i)? *Reparation order* adalah perintah untuk menghantar seseorang balik ke negara asalnya jika didapati ada kesalahan.

Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa ringkaskan kerana ada banyak rang undang-undang yang perlu diluluskan. Jadi, izinkan supaya jawapan itu ringkas kerana terlalu banyak soalan yang telah 'ditaburkan' tadi.

Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga telah bertanya kenapa tiada peruntukan khas mengenai warga asing tanpa pengenalan diri. Apakah mereka akan dilindungi. Jika warga asing yang tanpa pengenalan diri masih boleh memohon untuk dimasukkan ke dalam program perlindungan saksi selagi keselamatannya terancam dan termasuk dalam takrif saksi di bawah rang undang-undang ini. Yang pentingnya adalah *justice*, dengan izin, keadilan diberi dan kes dapat diselesaikan.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz juga telah menanyakan begitu banyak sekali, Yang Berhormat, ya? Taburan soalnya begitu pantas dan laju sekali. Sama ada peserta boleh membuat representasi melalui program ini di bawah seksyen 16(5). Adakah terpolung kepada saksi sama ada ingin membuat representasi sendiri atau melalui peguamnya. Ini adalah mengikut lunas-lunas undang-undang yang sedia ada seperti prosiding mahkamah sekarang. Ini juga bergantung pada kebolehan seseorang itu. Ini adalah pilihan saksi itu sendiri dan hak untuk membuat representasi telah pun diperuntukkan.

Kepada Yang Berhormat Datuk Maijol bin Mahap saya ucapkan terima kasih. Beliau telah pun membuat *research* nya sendiri terhadap rang undang-undang ini dan saya mengucapkan terima kasih. Adakah nama saksi atau *surname*, dengan izin, akan ditukar. Nama saksi akan ditukar termasuk nama keluarga agar identitinya dilindungi tetapi identiti barunya hanya akan diberikan setelah mendapat keizinan bertulis saksi itu sendiri, maka saksi itu terpaksa memberi keizинannya. Ini adalah kerana ada banyak kesan-kesan sampingan. Kalau dia seorang Islam dan dia mempunyai anak maka namanya terpaksa ditukar dan sebagainya. Sekiranya segala isu berkaitan dengan penukaran nama dan impaknya terhadap keluarga dapat diselesaikan maka keizinan itu sendiri akan datang daripada saksi.

Seterusnya Yang Berhormat yang bertanyakan bagaimana dengan perbelanjaan keluarga saksi. Adakah kerajaan juga akan menampung perbelanjaan keluarga saksi sekiranya mereka menyertai program ini? Ketua pengarah boleh membuat pembayaran kepada saksi di bawah subfasal 13(2). Rang undang-undang ini bagi menampung perbelanjaan sara hidup saksi dan keluarganya. Ini bergantung pada budi bicara. Sekiranya tuntutan dan keperluan itu ada maka ketua pengarah boleh membuat keputusan dan peruntukan telah pun diadakan untuk itu.

Seterusnya Yang Berhormat telah menanyakan mengenai bilangan kakitangan program sama ada akan mencukupi ataupun tidak. Bilangan perjawatan kakitangan akan ditentukan mengikut kompleksiti dan beban tugas. Oleh kerana jabatan ini adalah jabatan baru maka kita kena lihat bagaimana respons daripada rakyat Malaysia yang mahu terlibat ataupun menyertai program ini. Oleh kerana ini baru mungkin kita perlu adalah program untuk memberi kesedaran bahawa Program Perlindungan Saksi ini akan benar-benar memberi mereka perlindungan. Ini

adalah sesuatu yang baru dan belum mantap seperti di Amerika Syarikat, Hong Kong, Australia dan Kanada.

Saya akan balik kepada beberapa soalan yang dikemukakan yang tidak dijawab tadi. Yang Berhormat Datuk Majid bin Mahap telah menanyakan bagaimanakah proses tentang pelaksanaan program ini dan berapa lama tempoh akan diambil untuk memproses permohonan. Saya ingat ini adalah satu soalan yang penting. Sekiranya banyak pihak yang terlibat dan Program Perlindungan Saksi itu memerlukan tempoh yang cepat dan pendek ini apakah ada kekangan-kekangan tertentu. Setiap permohonan akan diproses secepat mungkin kerana ia melibatkan kes-kes *high profile* dan kes-kes jenayah yang tinggi, yang berat maka program ini bertujuan untuk menyelesaikan kes-kes seperti ini.

■1720

Untuk itu, saya rasa masa adalah merupakan satu inti yang begitu penting sekali. Ketua Pengarah boleh memberi perlindungan interim. Sekiranya ada saksi yang mahu menyertai program itu tetapi kes itu belum sampai lagi, maka saksi itu boleh diberi satu perlindungan *interim*. Walaupun belum diterima masuk dalam program ini, tetapi masa untuk tempoh *processing* itu, masa itu Ketua Pengarah boleh memberi perlindungan interim. Ini ada di dalam bidang kuasa beliau di bawah seksyen 7(4) sementara menanti permohonan.

Yang Berhormat juga telah bertanyakan mengapa penempatan semula saksi di dalam program ini tidak boleh ditempatkan di Sabah dan Sarawak? Itu soalan yang baik Tuan Yang Dipertua. Di bawah undang-undang imigresen di bawah Bab Tujuh akta tersebut "kemasukan mana-mana orang ke Sabah dan Sarawak adalah tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri, tersebut di bawah seksyen 65 dan 66 yang memerlukan dokumen dan pas. Oleh itu, penempatan semula saksi-saksi yang memasuki program di bawah seksyen 13(3) dihadkan di Semenanjung Malaysia sahaja kerana kemasukan ke Sabah dan Sarawak memungkinkan kerahsiaan identiti saksi terbongkar. Itulah sebabnya kita telah kaji kerana ada undang-undang imigresennya sendiri.

Seterusnya, Yang Berhormat juga telah bertanyakan soalan yang terakhir *today*. Apakah bentuk identiti baru? Maka apabila kita katakan identiti baru, kita akan adakan kad pengenalan baru, sijil lahir dengan nama baru, sijil perkahwinan, semua ini terlibat. Saya rasa benda ini telah pun dimasukkan dalam perkara-perkara yang termaktub dalam rang undang-undang ini. Adakah identiti baru itu akan dikekalkan atau dikembalikan kepada identiti asal? Identiti baru akan kekal selama-lamanya, okey? Adakah keperluan-keperluan khas akan diberikan kepada saksi-saksi yang memerlukan seperti saksi Orang Kurang Upaya, wanita, peserta bawah umur dan tidak fasih bahasa Melayu? *You* bertanyakan itu tadi bukan? Kesemua keperluan seseorang akan diambil kira dan akan dikendalikan oleh Ketua Pengarah.

Saya rasa perkara-perkara kecil dan terperinci ini tidak termasuk dalam undang-undang ini dan akan diperluaskan oleh proses pelaksanaan sendiri. So, undang-undang ini hanya akan memberi perkara-perkara yang mikro dan dirasakan penting untuk tujuan tafsiran. Akan tetapi perkara-perkara pentadbiran dan pengurusan akan diperhalusi lagi semasa pelaksanaan.

Senator Mumtaz juga telah bertanyakan bagaimanakah pendakwa raya memutuskan seseorang itu dituduh bersama atau dijadikan saksi? Pendakwa raya memutuskan sama ada seseorang itu tertuduh bersama atau dijadikan saksi menurut budi bicaranya bergantung pada kes-kes. Seterusnya peruntukan kewangan, adakah peruntukan kewangan bagi program ini akan diberikan di setiap negeri atau adakah lokasi atau rumah perlindungan akan diadakan di setiap negeri? Kerajaan akan memperuntukkan kewangan yang mencukupi bagi menjalankan program ini. Rumah perlindungan akan disediakan mengikut keperluan.

Untuk makluman Yang Berhormat, oleh sebab akta ini baru, saya sudah beritahu tadi respons daripada rakyat kita belum tahu lagi. Saya rasa akta ini telah disyorkan hampir enam tahun yang lalu iaitu tahun 2002 di peringkat Kabinet dan sekarang kita telah ke peringkat ini, saya rasa. Mungkin kita memerlukan sedikit masa untuk memantapkan ini.

Seterusnya Yang Berhormat Puan Heng Seai kei telah bertanyakan mengenai implementasi, bilakah masa saksi keluar daripada program? Adakah dan bagaimanakah perlindungan diberikan kepada saksi dengan penggunaan kamera dan sebagainya? Saya rasa perkara-perkara ini telah saya jawab kepada soalan-soalan tadi. Untuk makluman Yang Berhormat, saya beri jaminan bahawa akta ini akan memastikan satu jabatan khas ataupun satu sistem yang khas akan diwujudkan untuk memastikan program ini amat efektif dari segi pelaksanaannya. Maka semua peruntukan yang kecil-kecil ini akan diambil kira melalui perbincangan oleh Ketua Pengarah yang dipertanggungjawabkan.

Bajet juga saya sudah beritahu tadi. Hubungan saksi dengan tertuduh, mungkin akan berlaku *conflict of interest*, dengan izin. Maka saya akan memberi jaminan bahawa perkara-perkara ini telah banyak dibincangkan di peringkat penggubalan bil ini ataupun rang undang-undang ini. Beberapa elemen telah dimasukkan supaya perkara-perkara atau jaminan-jaminan ini dapat diberi sebaik-baiknya supaya tidak ada *conflict of interest*. Seterusnya, rekod lama itu saya rasa ada di dalam. Adakah saksi-saksi itu akan di *scrutinize*, dengan izin? Maka saya rasa sudah pun diberi di dalam akta ini iaitu akta seksyen 8, mengenai saksi hendaklah mendedahkan perkara-perkara tertentu dan daripada 8(a) sampailah 8(o). Apakah perkara yang menjadi *prerequisite* dengan izin sebelum kes ini akan diteruskan. Baiklah, inilah beberapa penjelasan yang saya beri mengenai...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon gangguan.

Tuan S. K. Devamany: Yes...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya *direct* sahaja. Program perlindungan saksi ini *direct* di bawah Jabatan Perdana Menteri atau di bawah Kementerian Dalam Negeri atau di bawah PDRM? Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 30 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

■1730

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KANUN TATACARA JENAYAH (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.30 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat boleh huraikan.

Tuan S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memperkatakan perkara-perkara berhubungan dengan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008, Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (KTJ), izinkan saya terlebih dahulu menyentuh sedikit sebanyak mengenai latar belakang perkara-perkara yang membawa kepada pembentangan Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah hari ini.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem perekodan prosiding di mahkamah jenayah pada masa sekarang, menurut peruntukan KTJ adalah secara konvensional iaitu melalui penulisan tangan oleh hakim atau majistret yang membicarakan kes tersebut. Sistem perekodan prosiding secara konvensional ini tidak membantu mengurangkan bilangan kes tertunggak yang meruncing. Bagi mengatasi masalah kes-kes jenayah yang tertunggak dan mempercepatkan perbicaraan kes supaya lebih banyak kes dapat ditetapkan untuk perbicaraan, maka adalah dicadangkan supaya diperkenalkan perekodan prosiding secara mekanikal di mahkamah jenayah pada semua peringkat.

Sistem perekodan prosiding secara mekanikal itu juga akan membolehkan hakim atau majistret menumpukan perhatian sepenuhnya kepada saksi-saksi yang memberi keterangan.

Kaedah perekodan prosiding yang dicadangkan itu adalah dengan menggunakan apa-apa kelengkapan, peranti, alat atau perantaraan untuk merekodkan prosiding secara digital, elektronik, magnetik atau mekanikal. Prosiding yang direkodkan akan disimpan dalam apa-apa kelengkapan, peranti, alat atau perantaraan atau apa-apa alat penyimpanan lain seperti *disc*, pita, filem, *soundtrack*, dengan izin, dan termasuklah apa-apa pereplikaan rekod itu.

Langkah ini juga selaras dengan dasar kerajaan yang berkehendakkan segala urusan rasmi diuruskan secara elektronik. Ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa sistem perekodan prosiding secara mekanikal yang dicadangkan diperkenalkan ini sebagai tambahan kepada dan boleh dilaksanakan seiring dengan kaedah perekodan prosiding secara konvensional iaitu perekodan prosiding melalui penulisan tangan oleh hakim atau majistret.

Kaedah perekodan prosiding secara konvensional perlu dikekalkan kerana sistem perekodan prosiding secara mekanikal tidak akan meliputi semua mahkamah jenayah di seluruh negara pada peringkat awal pelaksanaan selain sistem perekodan prosiding secara mekanikal itu mungkin ada kalanya mengalami kerosakan. Penghapusan kaedah perekodan prosiding secara konvensional dalam hal ini akan membantut kelancaran prosiding di mahkamah sekiranya kaedah mekanikal mengalami kerosakan.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa peruntukan yang sedia ada dalam KTJ hanya memperuntukkan perekodan prosiding secara bertulis oleh majistret atau Hakim Mahkamah Tinggi sahaja sebagaimana diperuntukkan dalam bab ke-25 KTJ. Peruntukan ini tidak terpakai bagi perekodan prosiding di Mahkamah Khas, Mahkamah Persekutuan dan Mahkamah Rayuan. Oleh itu adalah dicadangkan supaya dimasukkan ke dalam KTJ satu bab baru iaitu bab 25A.

Bab baru ini memperkatakan perkara-perkara yang berkaitan dengan perekodan prosiding secara mekanikal yang terpakai bagi prosiding jenayah di semua mahkamah iaitu Mahkamah Khas, Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen, Mahkamah Majistret dan Mahkamah Kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang KTJ mengandungi dua fasal. Fasal 2, Rang Undang-undang KTJ mengandungi sembilan peruntukan iaitu dari seksyen baru 272(c) hingga 272(k). Secara ringkasnya Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah memperuntukkan perkara yang berikut:

- (i) seksyen 272(c) adalah mengenai pemakaian bab baru 25A di mahkamah jenayah pada semua peringkat termasuk Mahkamah Khas;
- (ii) seksyen 272(d) mentakrifkan *electronic record*, *mechanical means* dan *proceedings*. Taksiran *mechanical means* meliputi semua bentuk perekodan secara elektronik, audio video atau perekodan visual;
- (iii) seksyen 272(e) memperuntukkan kuasa kepada hakim atau majistret untuk menentukan kaedah perekodan yang digunakan dalam prosiding di hadapannya. Jika hakim atau majistret berpendapat bahawa suatu

- keterangan itu tidak relevan atau tidak boleh diterima pakai dan tidak boleh dijadikan sebahagian daripada rekod prosiding, hakim atau majistret itu boleh mengarahkan rekod elektronik berkenaan keterangan itu dipadamkan atau ditinggalkan dalam rekod prosiding;
- (iv) seksyen 272(f) adalah mengenai rekod elektronik yang ditranskripsikan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa oleh hakim atau majistret. Transkrip yang telah disahkan oleh hakim atau majistret hendaklah dijadikan sebahagian daripada rekod atau nota prosiding atau keterangan;
 - (vi) seksyen 272(g) memperuntukkan tatacara simpan selamat rekod elektronik dan transkrip dan juga tempoh masa untuk menyimpan rekod elektronik tersebut;
 - (vii) seksyen 272(h) memperuntukkan bahawa jika dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang supaya mana-mana pernyataan, keterangan atau disposisi saksi dicatat secara bertulis dibacakan semula dan ditandatangani oleh saksi adalah memadai bagi maksud memenuhi kehendak itu jika mana-mana pernyataan, keterangan atau disposisi saksi itu direkodkan secara mekanikal dan ditranskripsikan dengan sewajarnya menurut bab ini;
 - (viii) seksyen 272(i) memperuntukkan bahawa sebutan mengenai mana-mana undang-undang mengenai rekod prosiding atau keterangan hendaklah termasuk sebutan mengenai salinan sah transkrip mana-mana rekod elektronik dan transkrip itu hendaklah dijadikan sebahagian daripada rekod prosiding atau keterangan;
 - (ix) seksyen 272(j) membenarkan pemfailan, penyerahsimpanan, pengemukaan, dan penghantaran secara elektronik dokumen yang berkaitan dengan mana-mana prosiding mengikut kaedah yang ditentukan oleh mahkamah; dan
 - (x) seksyen 272(k) memperuntukkan kuasa kepada Ketua Hakim Negara mengeluarkan arahan amalan mengenai penggunaan alat mekanikal dan apa-apa perkara berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang dicadangkan ini adalah amat penting demi menegakkan keadilan kerana kes-kes yang lama tertunggak akan menimbulkan pelbagai masalah kepada pihak-pihak yang terbabit. Kelengahan menyelesaikan kes ini akan menyebabkan ketidakadilan kepada tertuduh kerana *justice delayed is justice denied*, dengan izin. Maka amatlah wajar dan sudah sampai masanya perekodan prosiding secara mekanikal dilaksanakan di mahkamah jenayah pada semua peringkat.

Selain itu, pindaan yang dicadangkan ini juga adalah selari dengan dasar dan hasrat kerajaan untuk memastikan semua urusan dijalankan melalui media elektronik. Adalah diyakini bahawa pendekatan yang diambil oleh kerajaan bagi memastikan perekodan prosiding secara mekanikal dilaksanakan di mahkamah jenayah pada semua peringkat akan merapatkan jurang antara tempoh seseorang itu didakwa di mahkamah dengan tempoh masa kes didengar dan diselesaikan.

Negara dengan itu menuju ke arah terlaksananya keadilan yang dicita-citakan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada Yang Berhormat yang menyokong?

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Puan Mumtaz Md. Nawi, kemudian Datuk Maijol Mahap.

5.39 ptg.

Puan Hajah Mumtaz bin Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama-tama saya ucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana berjaya meminda rang undang-undang ini untuk memastikan sistem mahkamah kita akan berjalan lebih lancar dengan kemajuan elektronik di negara kita.

Yang pertama yang saya ingin minta kepada pihak kementerian ialah sekiranya mana-mana undang-undang yang telah pun digubal sebelum tahun kemerdekaan ataupun tahun kemudiannya, minta dimaklumkan dahulu kepada Ahli Dewan kerana sebagaimana yang kita terima pada hari ini kita terkejut bila melihat tidak ada terjemahan antara bahasa Malaysia dengan bahasa Inggeris. Saya terpaksa mendapatkan penjelasan daripada pegawai yang bertugas kenapa dua-dua *translation nya English*.

■ 1740

Jadi kita minta sekiranya untuk akta-akta lain ataupun rang undang-undang lain sekiranya melibatkan akta yang sebelum kemerdekaan diberikan makluman terlebih dahulu sama ada dikepilkan sebagai notis atau macam mana supaya kita tidak terkejut kerana kita tidak tahu bilakah akta yang ini sebenarnya digubal.

Kedua, saya difahamkan di bawah Jabatan Peguam Negara telah terdapat satu jabatan untuk penterjemahan. Oleh kerana akta ini telah pun digubal buat kali pertama lebih daripada 60 tahun lepas. Saya rasa sudah tiba masanya pihak kerajaan memastikan terjemahan bahasa Malaysia dijadikan sebagai bahasa sah ini untuk digunakan di mahkamah kerana hari ini pun, walaupun teks *English* yang lebih sah tetapi yang digunakan di mahkamah-mahkamah saya percaya ramai yang menggunakan teks dalam bahasa Melayu.

Jadi kalau boleh dipercepatkan usaha-usaha penterjemahan khususnya untuk undang-undang asas. Sebagai contohnya Kanun Tatacara Jenayah punya kod sendiri, *Evidence Act*, semuanya ialah undang-undang asas yang saya rasa kalau kita minta kerjasama semua universiti di Malaysia terjemah satu bab, satu universiti pun untuk semua Fakulti Undang-undang insya-Allah masalah terjemahan ini boleh diselesaikan dengan kadar yang segera.

Berkenaan dengan perkembangan yang dibuat berkenaan dengan rang undang-undang ini saya ingin mendapatkan jaminan daripada pihak kerajaan. Sekiranya kita sudah dapat menjalankan semua perbicaraan ataupun catatan perbicaraan, nota keterangan melalui cara mekanikal ini, adakah kerajaan boleh memberikan jaminan bahawa semua nota keterangan dapat dibekalkan dalam masa kurang daripada dua minggu kepada semua peguam untuk memastikan tidak ada *backlog* kes kerana masalah tiada nota keterangan kerana nota keterangan saya faham seolah-olahnya dapat terus di *print* daripada komputer. Itu yang pertama.

Kedua, apakah standard alat-alat mekanikal yang akan diguna pakai untuk dibekalkan kepada semua mahkamah kerana kita bimbang bilamana sebagai contohnya balai polis dibekalkan dengan komputer. Kita difahamkan bila jabatan Kementerian Dalam Negeri hendak buat serbuan pun tidak dapat ke jabatan lain kerana di balai polis yang digunakan pun bukan komputer yang asli. Perisian pun tidak digunakan yang asli. Jadi kita bimbang, takut di mahkamah ini, yang dalam mahkamah pun yang *pirate* juga. Satu dan yang kedua, bila dua-dua digunakan komputer, satu komputer untuk pentadbiran yang kerani-kerani guna di luar mahkamah, satu lagi diguna dalam mahkamah. Sekiranya berlaku kerosakan, adakah boleh yang di luar itu dimasukkan ke dalam mahkamah untuk dijadikan sebagai dokumen-dokumen ataupun perkara-perkara yang dibenarkan di bawah seksyen 272(d) ini?

Sebagai maksudnya adakah *inventory* peralatan yang akan digunakan untuk mekanikal-mekanikal ini akan hanya khusus untuk mahkamah. Kalau rosak yang ini terpaksa tunggu jangan guna yang lain dan adakah kita akan membenarkan satu keterangan kes, separuh didengar secara manual, separuh lagi didengar secara mekanikal sekiranya berlaku masalah tiada elektrik atau macam mana. Adakah ia akan boleh buat sebahagian manual ataupun sebahagian mekanikal dan sekiranya berlaku percanggahan di antara mekanikal dengan keterangan yang ditulis oleh hakim yang mana akan lebih terpakai?

Saya melihat di bawah seksyen 272E(4) bahawa mana-mana hakim atau majistret boleh membuang, *erase or otherwise omitted from the record of proceedings* sekiranya dia merasakan bahawa *evidence adduced is inadmissible or irrelevant*. Akan tetapi masalahnya di sini, sekiranya perkara ini melibatkan kes *appeal*, sekarang ini seolah-olahnya majistret dan hakim pada masa tersebut terus boleh membuat keputusan, hendak buang daripada nota keterangan bila rasa benda itu macam *inadmissible* tetapi sekiranya ada *appeal*, pihak peguam kedua-dua peguam atau pun orang yang terlibat dalam kes ini merasakan bahawa *that particular evidence must be included*. Jadi di mana dia punya takat di situ, maknanya adakah *straight* pada masa tersebut

dalam prosiding hakim boleh buat keputusan atau tunggu dahulu selepas kes untuk menentukan bahawa yang mana yang perlu di tandatangan.

Manakala dalam kes untuk semua tatacara yang melibatkan elektronik sebagai contohnya yang kita terima daripada bank-bank. Kesemua dokumen yang diterima dia akan tulis tandatangan tidak diperlukan kerana ini adalah cetakan berkomputer. Adakah bentuk yang macam ini akan dikeluarkan kepada semua keterangan-keterangan nota di mahkamah? Adakah tandatangan hakim dan jurubahasa serta peguam-peguam tidak diperlukan atau pun cukup dengan cetakan berkomputer sahaja? Ini akan jadi satu dokumen yang muktamad untuk kita kalau kita takut untuk kes-kes yang ke depanlah.

Seterusnya untuk simpanan, dikatakan akan ada tempat simpanan berpusat untuk semua *device mechanical* ini. Saya hendak tahu kalau di bank-bank walaupun ada banyak cawangan tetapi dia ada bank pusat yang akan kontrol semua data. Jadi kalau mahkamah ini, kalau kita ada 20 mahkamah di Kuala Lumpur adakah ia akan ada satu pusat yang akan menyimpan semua data yang berlaku di seluruh mahkamah ataupun hanya mahkamah tersebut akan menyimpan data tersebut. Adakah dia akan buat penyimpanan berpusat atau hanya ditempatkan di situ kerana ini akan memberi kesan yang berbeza kepada sistem kehakiman. Sebagai contohnya berlaku kebakaran atau sebagainya, bagaimana akan ada satu sokongan.

Satu lagi dari segi perkara yang pagi tadi saya ada bincang dengan Menteri di KDN sendiri berkenaan dengan bila melibatkan perkara mekanikal, perkara elektronik, sudah tentu orang yang mengendalikan peralatan ini mestilah orang yang *expert* kerana perkara ini semakin hari semakin canggih. Sekiranya berlaku pertukaran orang yang menjaga peralatan ini dari semasa ke semasa, ini akan menyebabkan tidak ada keselarian. Apakah jaminan di pihak kerajaan untuk memastikan khusus untuk kes-kes penjagaan barang-barang yang melibatkan elektronik dan mekanikal ini, *experts* ini tidak boleh ditukarkan sebagaimana kakitangan awam lain. Ini supaya kita boleh menjamin berlaku satu penyimpanan dan juga satu keselarasan dari sudut penjagaan barang-barang mekanikal ini.

Selain itu, apakah jaminan di pihak kerajaan agar kesemua peralatan ini dipantau, maksudnya dari segi kekerapan untuk dipantau mungkin kita boleh ambil pengalaman negara-negara lain yang telah pun menjalankan sistem ini dan dari segi *primary* dan *secondary* dari segi alat-alat ini. Kalaulah kata yang kita gunakan adalah alat-alat asal, tiba-tiba tidak jadi kita terpaksa pakai yang lain, dari segi yang kita gunakan yang kedua itu macam mana kita hendak sambung dari sudut katakan lah *hard disk* itulah. *Hard disk* yang pertama dengan *hard disk* yang kedua, kita copy, kalau kerana rosak yang pertama itu jadi macam mana? Ini kerana akan *effect the whole justice* itu sendiri.

Bila kesemua peralatan ini telah sampai tahap masa untuk lupus bagaimanakah cara kesemua peralatan mekanikal ini akan dilupuskan supaya ia tidak menjejaskan keadilan secara umum. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Secara ringkas saya ingin turut membahas rang undang-undang untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah atau pun *Criminal Procedure Code*. Saya menyokong rang undang-undang ini untuk meminda Kanun Tatacara Jenayah kerana ia memberi penambahbaikan terhadap kanun tersebut.

Pindaan ini melibatkan penambahan bab baru 25A. Dengan pindaan ini perekodan prosedur mahkamah dibuat dengan menggunakan *mechanical means* dengan izin, seksyen 272C peruntukan tentang definisi, apakah dimaksudkan *mechanical means* iaitu *any mechanical means* dengan izin *may be employed for the recording of any proceedings before the Special Court, the Federal Court, the Court of Appeal, the High Court, the Sessions Court, the Magistrate Court and the Court for Children*.

Seksyen 272D memberikan definisi tentang *mechanical means* iaitu *any equipment, device, apparatus or medium operated digitally, electronically, magnetically or mechanically* Saya mengalu-alukan pindaan ini. Saya rasa ini adalah baik untuk mahkamah, baik untuk peguam-peguam dan semua litigan di mahkamah yang sebelum itu akan menjimatkan masa kepada semua pihak, menjimatkan tenaga hakim-hakim dan majistret-majistret untuk menulis. Kalau hakim-hakim menulis setiap perkataan yang dihujahkan oleh peguam, ia akan mengambil masa. Kadang-kadang bila saya perhatikan di mahkamah, saya simpati juga melihat hakim-hakim, majistret-majistret yang mengambil nota satu persatu, menulis. Mereka mengatakan bahawa amat memenatkan juga dan dengan demikian mungkin tercicir juga hujah-hujah yang penting dari peguam-peguam atau litigan-litigan.

■1750

Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini apa yang saya tahu beberapa mahkamah di Malaysia ini sudah pun mengamalkan perekodan nota, prosiding di mahkamah ini menggunakan elektronik dan juga menggunakan komputer. Saya ambil contoh di Mahkamah Tinggi di Kota Kinabalu dan di Sandakan sudah lama menggunakan kaedah perekodan menggunakan komputer.

Ini saya rasa atas inisiatif Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Richard Melanjun sebagai *Chief Justice* atau CJ Sabah dan Sarawak di mana beliau telah membuat inovasi di mahkamah-mahkamah tersebut untuk menggunakan komputer. Saya perhatikan bahawa amat memudahkan bagi semua peguam dan litigan kerana ia akan menjimatkan masa dan juga semua *recording* itu dapat dibuat dengan tepat.

Saya juga menyokong rang undang-undang ini kerana ia akan membolehkan peguam-peguam mendapatkan *notes of proceeding* atau nota prosiding dengan mudah. Sekarang ini, kadang-kadang terlalu susah bagi peguam-peguam atau litigan-litigan untuk mendapatkan salinan nota prosiding sebab dia ditulis oleh hakim-hakim atau pun majistret. Kadang-kadang, apa yang saya perhatikan ada keengganan bagi pihak mereka untuk memberikan salinan itu kepada peguam-peguam.

Mungkin kerana apa yang ditulisnya itu tidak begitu lengkap atau tidak begitu tepat. Jadi, ada keengganan bagi mereka untuk memberikan salinan itu walhal sebenarnya nota prosiding itu adalah amat penting bagi peguam-peguam untuk menyediakan *submission* atau hujah-hujah bertulis kepada mahkamah dan juga penting untuk menyediakan alasan-alasan rayuan jika ada rayuan ke mahkamah yang lebih tinggi lagi. Jadi, ia amat perlu.

Jadi, dengan adanya nota prosiding ini yang dibuat melalui elektronik ditulis dengan komputer yang mudah, maka tidak lagi menjadi masalah kepada peguam-peguam, kepada litigan-litigan kerana mereka perlu mendapatkan dengan cepat dan dengan mudah. Cuma, apa yang saya tidak pasti di sini, apakah bayarannya kalau kita minta salinan nota prosiding tersebut sama ada ia diberi percuma atau pun litigan terpaksa membayar sedikit wang untuk membayar atau pun membeli kertas nota prosiding tersebut.

Saya perhatikan seksyen 272(C) Tuan Yang di-Pertua, tentang perkataan, "may" di sini. Dia kata, dengan izin, saya membaca, "...any mechanical means may be employed." So dia gunakan perkataan, "may", dan bukannya "shall." Ertinya bukanlah dengan perkataan, "may" itu, bererti bukanlah mandatori. Bukan satu kewajipan bagi mahkamah untuk menggunakan *mechanical means* itu. Tidak dijadikan kewajipan bagi mereka untuk menggunakan komputer misalnya.

Saya faham kalau kita gunakan perkataan, "shall" itu bererti ini satu kewajipan, satu mandatori bagi mahkamah untuk menggunakan *mechanical means*, dengan izin, sebab bukan semua mahkamah di Malaysia sudah mempunyai kemudahan seperti itu. Kalau mahkamah-mahkamah di luar bandar terutama sekali belum mempunyai kemudahan *mechanical means*, dengan izin. Jadi saya setuju ada *safeguard* di situ untuk melindungi kerajaan dalam menggunakan perkataan, "may".

Walaupun begitu Tuan Yang di-Pertua sejauh mana yang boleh, saya ingin menyeru supaya nota prosiding ini harus dibuat atau pun *mechanical means* ini harus diaplikasikan sejauh mana yang boleh di setiap mahkamah atas sebab-sebab yang saya sudah katakan tadi. Saya juga melihat tentang seksyen 272(K) yang mengatakan bahawa dengan izin, "The Chief Justice may, where necessary issue Practice Direction relating to the use mechanical means and any matter related to it."

Practice Direction ini adalah amat penting bagi semua peguam dan jua untuk profesion undang-undang di negara kita. Ini adalah perlu untuk melengkapkan *exercise*, dengan izin tentang penggubalan dan juga pemindahan Kanun Tatacara Jenayah. Jadi, dengan ini saya ingin menyeru supaya *Chief Justice* ini, kerajaan membuat *Practice Direction* ini sebaik sahaja rang undang-undang ini menjadi undang-undang yang sah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan suara daripada kakitangan-kakitangan kerajaan yang selalu dipanggil untuk menjadi saksi di mahkamah kita. Mereka mengatakan bahawa kadar yang dibayar kepada mereka untuk menghadiri sesi mahkamah sebagai saksi adalah tidak mencukupi. Kadar tambang,

pengangkutan, elaun makanan dan sebagainya. Jadi, saya percaya dan meminta supaya kerajaan melihat ini sama ada benarkah tuntutan mereka atau pun saranan mereka ini. Dengan kata-kata demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dijemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab dan menggulung.

5.57 ptg

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada dua orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan hujah-hujah terhadap Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2008.

Yang Berhormat Senator Mumtaz telah menanyakan mengenai sama ada tandatangan Majistret atau Hakim diperlukan. Saya akan menjawab soalan-soalan induk dahulu, selepas itu soalan-soalan yang ada kaitan dengan rang undang-undang akan saya jelaskan. Sama ada tandatangan Majistret atau Hakim diperlukan. Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana prosiding yang dirakam secara mekanikal akan dibuat transkrip dan transkrip ini perlu disahkan oleh majistret atau hakim berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, walaupun kita memperkenalkan rang undang-undang ini untuk memekanikalkan prosiding tetapi prosiding itu juga akan disimpan dalam bentuk teks. Maka, ada dua, kedua-dua ini kerana kadang-kadang rujukan itu memerlukan teks seumpama *Hansard* yang dikatakan. Baik, Yang Berhormat Mumtaz juga telah menanyakan mengenai sama ada kerajaan boleh jamin dibekalkan dalam tempoh dua minggu nota-nota prosiding ini atau pun perkara-perkara berkaitan.

Melalui sistem CRT ini, adalah diharapkan nota-nota prosiding dapat dibekalkan dalam tempoh kurang daripada dua minggu. Itu yang kita harapkan kerana soal isunya sekarang adalah mengurangkan tempoh masa. Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga telah menanyakan sama ada nota keterangan akan dicatatkan *computer-generated* atau disahkan. Okey, komputer macam bank, dikeluarkan notis yang dikatakan tadi. Setiap nota keterangan melalui sistem CRT ini akan disahkan oleh setiausaha Hakim yang mendengar kes kerana beliau sedang berada di dalam mahkamah.

Setiausaha Hakim itu akan ada dalam mahkamah dan dia akan menaip dalam prosiding tersebut. Seterusnya, beliau juga menanyakan jika berlakunya masalah *technical breakdown*, bolehkah keterangan direkodkan secara manual. Sudah tentunya ada rekod manual. Keterangan direkodkan secara elektronik dan sekiranya berlaku kerosakan mesti ada rekod secara manual atau bertulis. Tadi, saya pun memuji Yang Berhormat yang mempunyai maklumat atau pun pengetahuan yang begitu banyak mengenai perisian dan juga dengan izin, *hardware and software*.

Maka, saya rasa proses ini begitu dinamik sekali. Maka, kepakaran teknikal dan juga kepakaran-kepakaran yang berkaitan dengan *hardware* dan *software*, dengan izin sudah tentu

akan menjadi wadah utama sebelum akta ini dapat dijadikan satu yang praktikal di peringkat akar umbi, di peringkat mahkamah kerana ini semua akan diambil kira sistem sekuritanya, *backup support* dan sebagainya kerana komputer ini cukup sensitif.

■1800

Saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa perisian asli dan palsu yang digunakan kononnya ada di beberapa Jabatan Polis dan sebagainya. Itu saya tidak tahulah, saya ingin bagi tahu, adalah menjadi undang-undang Malaysia dan kerajaan supaya semua perisian yang digunakan di peringkat jabatan mestilah *original*, dengan izin, mestilah asli. Kalau tidak kita melanggar undang-undang yang kita buat. Bayangkan mahkamah yang menjadi tunggak perundangan saya rasa tidak mungkin berlaku keadaan begitu, itulah saya ingin memberitahu. Mengenai pemantauan terhadap pelupusan dan sebagainya. Ini adalah SOP iaitu *Standard Operating Procedures*, dan juga KPI yang bakal akan diletakkan sebagai komponen pengurusan dalam hal-hal ini. Seterusnya...

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak boleh terlalu sinislah.

Tuan S. K. Devamany: Ya *sorry*.

Tuan Yang di-Pertua: Kita tidak boleh terlalu sinis.

Tuan S. K. Devamany: Baik terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kepada Senator Datuk Majjol yang telah menanyakan berapakah jumlah mahkamah ...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Saya mohon gangguan sekejap.

Tuan S. K. Devamany: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, yang saya maksudkan tadi bukan masalah kepakaran tetapi ialah maksudnya pegawai data di mahkamah. Adakah jaminan pegawai data tidak akan ditukarkan, contohnya mahkamah di Kota Bharu, kita ada seorang pegawai data yang memang tidak boleh dia ditukarkan. Sebab ini kepakaran yang perlu ada sebab saya takut nanti tukar, tukar, tukar jadi kelam kabut. Terima kasih.

Tuan S.K. Devamany: Terima kasih Yang Berhormat. Mengikut pengetahuan sayalah, saya sendiri sebelum menjadi Ahli Parlimen, saya terlibat dalam *Software Development*, maka untuk makluman juru pakar-juru pakar ini memang ada dia punya prosedur dan manual latihan. Maka pertukaran itu boleh diizinkan sekiranya proses kerja itu dapat dipelajari dan kini ada banyak perisian yang senang diikuti. Saya nampak prosiding-prosiding ini bukanlah terlalu sofistikated dan ianya hanya merupakan rekod-rekod yang dibicarakan di mahkamah, senang untuk ditampung dan ditangani. Itu pandangan sayalah.

Seterusnya saya ingin menjawab soalan ataupun perbahasan daripada Datuk Majjol Mahap. Berapakah jumlah mahkamah yang menggunakan sistem perekodan secara mekanikal? Setakat ini *court recording system* ini hanya digunakan di mahkamah di Lembah Klang dahulu sebelum ianya dilanjutkan pemakaiannya ke seluruh negara. Bagi Sabah dan Sarawak sistem ini telah pun digunakan. Tahniah diucapkan Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat telah

menanyakan sama ada kerajaan boleh jamin dibekalkan dalam tempoh dua minggu, sudah saya jawab soalan itu tadi.

Saya rasa lebih kurang itu sahajalah dan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat yang telah menanyakan hujah-hujah mengenai elaun yang ditanyakan itu. Saya akan majukan cadangan ini kepada pihak-pihak berkenaan supaya perkara yang dibangkitkan oleh dua-dua Yang Berhormat itu dapat dipertimbangkan. Sekian terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PELANTAR BENUA (PINDAAN) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.06 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama satu Akta untuk meminda Akta Pelantar Benua 1966, dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pelantar Benua telah digubal pada tahun 1966 dan dikenali sebagai Akta 57/1966 mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia pada 28 Julai 1966 dan Sabah dan Sarawak pada 8 November 1969 melalui perintah Menteri PUA 467 1969. Sejak penguatkuasaan akta ini ia telah disemak pada tahun 1972 seterusnya dikenali sebagai Akta 83 bermula pada 1 Ogos 1972.

Akta 83 ini diletakkan di bawah tanggungjawab Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar sebagaimana yang disenaraikan di dalam perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan No. 2 (Pindaan) 2005, PUA 312 2005. Melalui penguatkuasaan Akta 83, Malaysia telah mengisytiharkan tuntutan had pelantar benua dan laut wilayahnya dengan menerbitkan peta menunjukkan

sempadan perairan dan Pelantar Benua Malaysia dikenali sebagai peta baru Malaysia 1979 pada 24 Disember 1979. Pindaan-pindaan yang dilakukan ini adalah bertujuan untuk memastikan keselarasan dan keharmonian undang-undang domestik agar selaras dengan Konvensyen Undang-undang Laut 1982.

Selepas ini akan disebut sebagai konvensyen ini. Di samping itu cadangan pindaan ini juga adalah untuk menambah baik dan menyelaras aktiviti perlombongan pasir laut di Pelantar Benua Negara. Cadangan-cadangan pindaan yang terkandung dalam Rang Undang-undang Akta Pelantar Benua (Pindaan) 2009 ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 6 Mac 2009. Secara keseluruhannya cadangan pindaan yang dikemukakan ini melibatkan sejumlah lapan cadangan pindaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai latar belakang Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu PBB, sejak awal tahun 1970 telah menggubal dan merumus konvensyen ini yang lebih menyeluruh, bagi merangkumi pelbagai aspek maritim supaya segala permasalahan berkaitan kelautan dapat ditangani dengan baik tanpa mencetuskan konflik antara negara-negara. Teks Konvensyen Undang-undang Laut KUUL 1982 telah dibuka untuk ditandatangani pada 10 Disember 1982 di Montego Bay, Jamaica dan mula berkuat kuasa pada 16 November 1994.

■1810

Konvensyen ini disifatkan sebagai perlembagaan laut dan dianggap satu konvensyen yang paling komprehensif yang kini diratifikasikan oleh 155 buah negara dan menetapkan had dan rejim ke lautan kepada pelbagai zon maritim termasuk pelantar benua.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menandatangani konvensyen ini dan meratifikasinya pada 14 Oktober 1996. Setelah menjadi negara pihak kepada konvensyen ini, semua obligasi berbangkit dari..., dengan izin, *Geneva Convention on the Continental Shelf 1958* dan *Geneva Convention on the Territorial Sea and Contiguous Zone 1958*. Kedua-dua konvensyen tersebut dikenali sebagai, dengan izin, *Geneva Convention on the Law of the Sea 1958* dan dengan secara sendirinya tidak terpakai dan obligasi-obligasi baru di bawah konvensyen ini mengatasi semua obligasi sebelum ini berdasarkan artikel 311 konvensyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara pihak kepada konvensyen ini, Malaysia mempunyai hak obligasi dan tanggungjawab tertentu yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan. Pelaksanaan dan pematuhan kepada konvensyen ini dipertanggungjawabkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri. Jawatankuasa penyelarasan mengenai tanggungjawab dan liabiliti Malaysia sebagai negara parti Konvensyen Undang-undang Laut (KUUL 1982) ini telah dibentuk dengan empat jawatankuasa ditubuhkan bagi meneliti tindakan-tindakan susulan termasuklah Jawatankuasa Pelantar Benua yang dipengerusikan oleh Majlis Keselamatan Negara atau MKN.

Tuan Yang di-Pertua, konvensyen ini memperjelaskan melalui Artikel 76(1) akan keterangan bahawa pelantar benua bagi sesebuah negara berpantai meliputi dasar laut dan tanah bawah kawasan laut yang terletak di luar kawasan had laut wilayah sepanjang pemanjangan

secara semula jadi dari tanah daratan sehingga pinggir luar tepi pelantar, *continental shelf margin*, dengan izin, atau sehingga 200 batu nautika dari garis pangkal laut wilayah bila keadaan pinggir luar tepi pelantar tidak mencapai jarak tersebut. Seterusnya Artikel 76A dan B memperjelaskan akan keterangan bahawa negara berpantai boleh menuntut pelantar benua melebihi 200 batu nautika tetapi tidak melebihi 350 batu nautika berdasarkan kriteria-kriteria yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan pernyataan tersebut, definisi pelantar benua menurut Artikel 76 konvensyen ini telah diperluaskan definisinya. Justeru negara berpantai boleh mengemukakan tuntutan hak pelantar benua melebihi 200 batu nautika tetapi tidak melebihi 350 batu nautika kepada Suruhanjaya Mengenai Had-had Pelantar Benua dengan izin, *Commission on the Limits of the Continental Shelf* ataupun CLCS, sebuah badan yang ditubuhkan di bawah konvensyen ini melalui dengan izin, *submission* yang mengandungi data saintifik dan justifikasi teknikal. *Submission* ini perlu dikemukakan kepada Suruhanjaya Mengenai Had-had Pelantar Benua sebelum 13 Mei 2009.

Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 12 April 2006 telah menimbang dan bersetuju supaya Malaysia mengemukakan *submission* kepada Suruhanjaya Mengenai Had-had Pelantar Benua. Malaysia mempunyai potensi untuk tuntutan pelantar benua melebihi 200 batu nautika tetapi tidak melebihi 350 batu nautika di perairan Sarawak dan pantai barat Sabah di Laut China Selatan. Tindakan-tindakan susulan kini sedang dijalankan dengan diselaraskan oleh Majlis Keselamatan Negara atau MKN.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini bagi memenuhi keperluan perundangan, Akta 83 yang masih lagi berdasarkan *Geneva Convention on the Continental Shelf* 1958 perlu dipinda sewajarnya. Walau bagaimanapun pindaan Akta 83 masih mengekalkan hak dan kuasa kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 2 dalam Akta 83 memperuntukkan bahawa pelantar benua adalah dasar laut dan tanah bawah kawasan laut yang bersempadanan dengan pantai Malaysia tetapi di luar kawasan had perairan wilayah negeri-negeri yang permukaannya terletak sedalam tidak lebih daripada 200 meter di bawah permukaan laut. Atau jika kedalaman air luar sempadan itu membolehkan pengeksploitasian sumber alam di kawasan tersebut. Definisi ini dipetik berdasarkan Artikel 1, *Geneva Convention on the Continental Shelf* 1958.

Justeru telah timbul keperluan untuk memperkemas lagi takrifan sedia ada Seksyen 2 Akta Pelantar Benua 1966 bagi menyesuaikan dengan kehendak dan keperluan semasa selaras dengan Artikel 76 konvensyen ini. Sehubungan dengan itu, takrifan "*continental shelf*", dengan izin, dipinda dalam takrifan baru sejajar dengan perkembangan perundangan laut antarabangsa dan bersesuaian dan ratifikasi kerajaan Malaysia sebagai negara anggota konvensyen ini pada Oktober 1996. Takrifan, "*continental shelf*", yang baru adalah bagi mengharmonisasikan definisi pelantar benua mengikut peruntukan Artikel 76, konvensyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, melalui takrifan baru ini Malaysia mempunyai hak kedaulatan sehingga luar kawasan pinggir pelantar yang mengandungi dasar laut dan tanah bawah pelantar, kecerunan dan kenaikan syarat bahawa pelantar wilayah tanah itu berlanjutan secara semula jadi atau sehingga jarak 200 batu nautika dari garis pangkal yang darinya perairan laut wilayah diukur jika pinggir pelantar tidak berlanjutan sehingga jarak itu. Walau bagaimanapun definisi baru ini masih mengekalkan hak dan kuasa pihak berkuasa negeri dalam kawasan di dalam had perairan wilayah negeri.

Tuan Yang di-Pertua, seksyen 2A yang baru perlu dimasukkan bagi menjelaskan tentang had persempadanan pelantar benua di antara Malaysia dengan negara-negara jiran yang mempunyai pantai bertentangan atau bersebelahan atau bersempadanan. Melalui peruntukan seksyen ini, had pelantar benua adalah diubah mengikut kuat kuasa perjanjian mengenai perkara yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan seksyen baru 2B dimasukkan bagi menjelaskan cara perkiraan dan penandaan had pelantar benua negara selaras dengan terminologi dan terma teknikal peruntukan Artikel 76, konvensyen ini. Pindaan ini bertujuan untuk membolehkan kerajaan Malaysia membuat hujahan mengenai had pelantar benua negara yang diperluaskan dengan izin, *Submission on the Limits of the Continental Shelf* kepada Suruhanjaya Mengenai Had-had Pelantar Benua sebelum 13 Mei 2009.

Kerajaan Malaysia hendaklah mengharmonisasikan peruntukan yang ada dalam konvensyen ini kepada undang-undang negara mengenai cara perkiraan dan penandaan had pelantar benua yang diperluaskan..., dengan izin, *extended continental shelf*. Peruntukan seksyen 2B yang baru ini merupakan pernyataan semula Perkara 76(2), (3), (4), (5), (6), (7) dan (10). Konvensyen ini berkenaan dengan ukuran pelantar benua antara Malaysia dengan negara lain.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, pindaan ke atas seksyen 3 Akta 83 dilakukan bagi memperjelaskan mengenai dengan peruntukan-peruntukan sedia ada mengenai hak-hak Malaysia berhubung dengan pelantar benua. Seksyen 3 dipinda dengan memasukkan seksyen kecil 32 baru untuk menjelaskan hak Kerajaan Malaysia dalam mengeksplorasi pelantar benua negara atau mengeksploitasi sumber-sumber asli yang ada di dalamnya. Sekiranya Malaysia tidak mengusahakan untuk menjalankan hak berkenaan dengan penjelajahan pelantar benua atau pengeksplotasian sumber alamnya, tiada negara lain yang boleh menjalankan hak itu kecuali dengan kebenaran Malaysia secara nyata.

Tuan Yang di-Pertua, pasir laut merupakan komoditi yang penting di negara. Kerajaan merasa telah tiba masanya untuk menambah baik urusan pentadbiran pengawasan perlombongan pasir di pelantar benua. Ini kerana kementerian mendapati bahawa beberapa aktiviti haram termasuk pengambilan pasir secara haram dan penyeludupan pasir laut ke luar negara berlaku. Maka untuk mengatasi masalah ini adalah perlu untuk meminda seksyen 4 dan seksyen 6.

Subseksyen 5A yang baru dimasukkan dalam seksyen 4 bagi tujuan membolehkan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menamatkan dan menarik balik lesen pasir dasar laut yang telah dikeluarkan di bawah Akta 83 kepada pelesen yang tidak membayar serta mempunyai tunggakan royalti kepada Kerajaan Persekutuan. Ini adalah sebagai salah satu cara menangani keengganan pelesen berhubung kewajipan membayar royalti ke atas pengambilan setiap kuantiti pasir laut.

Tuan Yang di-Pertua, subseksyen 4 dan 7 dengan menaikkan jumlah denda daripada RM20,000 kepada RM500,000 dan tempoh hukuman penjara tidak lebih dua tahun kepada tidak lebih sepuluh tahun. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 4A yang baru dimasukkan untuk mengadakan peruntukan tentang pembayaran dan sumbangan Kerajaan Malaysia berkenaan dengan eksploitasi pelantar benua melebihi 200 batu nautika selaras dengan peruntukan perkara 82 konvensyen ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan perenggan 6(1)(l) adalah turut bertujuan bagi mengelakkan pelanggaran peraturan yang ditetapkan dalam seksyen 6(1) Akta 83. Oleh yang demikian, perenggan l dipinda dengan meningkatkan penalti ke atas ketidakpatuhan dan keingkaran peraturan daripada amaun tidak melebihi RM5,000 kepada amaun tidak melebihi RM10,000.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan keputusan Jemaah Menteri pada 12 April 2006 mengenai dengan pelantar benua, pindaan definisi pelantar benua dan perkara-perkara yang berkaitan ke atas Akta 83 perlu dilaksanakan. Projek Pelantar Benua Malaysia yang sedang dilaksanakan sebagaimana keputusan Jemaah Menteri adalah berdasarkan definisi pelantar benua mengikut Artikel 76 konvensyen ini.

Sekiranya pindaan ke atas Akta 83 tidak dibuat sewajarnya, tuntutan hak pelantar benua Malaysia tidak mempunyai asas perundangan. Justeru, pindaan kepada Akta 83 merupakan keperluan asas kepada *submission* Malaysia malahan pindaan ini masih mengekalkan hak dan tidak menjejaskan kuasa pihak berkuasa negeri dalam kawasan di dalam had perairan wilayah negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia kini dalam penyediaan *submission* kepada Suruhanjaya mengenai had-had pelantar benua yang meliputi pengumpulan data-data saintifik. Pasukan pelantar benua Malaysia perlu hadir dan mempertahankan hujah-hujah yang dikemukakan semasa *submission* Malaysia diteliti oleh Suruhanjaya mengenai had-had pelantar benua.

Tuan Yang di-Pertua, sebentar tadi saya telah membentangkan cadangan-cadangan pindaan yang utama terhadap Akta Pelantar Benua 1966. Saya yakin cadangan pindaan-pindaan yang dikemukakan itu akan dapat mengukuhkan *submission* Malaysia kepada Suruhanjaya mengenai had-had pelantar benua yang perlu dikemukakan sebelum 13 Mei 2009. Potensi pelantar benua tersebut membolehkan Malaysia melaksanakan eksploitasi minyak dan gas bagi pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon dengan hormatnya mencadangkan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat menyokong.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Pelantar Benua 1966 dibacakan kali kedua sekarang dan dibuka untuk dibahaskan. Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

6.26 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya Tuan Yang di-Pertua ingin menyokong sepenuhnya akta untuk meminda Akta Pelantar Benua 1966 tetapi sebelum itu saya mengambil kesempatan untuk mendapat beberapa keterangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama dalam masalah kes Batu Putih dan Batu Selatan kita perhatikan bahawa hujah-hujah yang dikemukakan oleh kedua belah pihak berdasarkan kepada dokumen-dokumen perjanjian antara Malaysia dan Singapura dan dokumen-dokumen lama tetapi tidak berdasarkan kepada persepadaanan.

Jadi, perkara yang hendak saya dapatkan penjelasan Tuan Yang di-Pertua adakah kerana undang-undang yang ada pada kita ini tidak jelas mengenai dengan pelantar benua. Ini menyebabkan kita tidak mengemukakan sebagai alasan untuk mendapatkan hak kita ke atas Pulau Batu Putih dan di Selatan. Itu yang pertama.

Kedua beberapa tahun dahulu timbul perselisihan antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Kerajaan Persekutuan berhubung dengan royalti minyak yang sekarang lebih dikenali dengan dana khas. Perselisihan itu timbul apabila Kerajaan Persekutuan menarik balik royalti yang telah diberikan kepada Kerajaan Negeri Terengganu beberapa lama. Sehingga kepada masa beberapa bulan yang lalu Kerajaan Persekutuan telah bersetuju untuk memberikan balik royalti ataupun dana khas ini. Jadi timbul masalah ada pihak mengatakan bahawa Kerajaan Pusat berhak mengambil balik royalti. Ini kerana negeri Terengganu berdasarkan kepada pelantar benua ini tidak mempunyai hak ataupun tidak mempunyai asas-asas perundangan untuk mendakwa bahawa kegiatan cari gali minyak dan eksploitasi minyak ini berlaku di dalam kawasan perairan Terengganu.

Jadi, saya hendak tahu adakah hujah ataupun asas yang demikian masih digunakan lagi untuk menyelesaikan masalah ini? Berlanjutan daripada perkara yang sama adakah asas-asas yang sama digunakan juga untuk penentuan royalti atau mungkin kalau boleh disebutkan dana khas juga untuk negeri Sabah dan Sarawak. Satu perkara lagi Tuan Yang di-Pertua berhubung dengan Pulau Natuna yang didakwa oleh beberapa buah negara. Jadi, berdasarkan kepada akta yang sedang kita timbangkan sekarang dan yang kita kata dahulu. Adakah boleh kita katakan bahawa kita mempunyai asas dan dakwaan yang kuat ke atas Pulau Natuna ini? Itu perkara-perkara yang saya minta diperjelaskan Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

■ 1830

Tuan Yang di-Pertua: Tiada siapa lagi, Yang Berhormat. Yang Berhormat boleh jawab dan gulung.

6.30 ptg.

Datuk Maznah Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah. Pertama, mengenai dengan Batu Putih dan Tebing Selatan yang disebutkan tadi. Saya ingin memaklumkan bahawa di sini, asas-asasnya tuntutan itu adalah berbeza dan ia tidak terdapat pelantar benua di situ. Untuk makluman, dokumen-dokumen yang dikemukakan semasa kes Batu Putih adalah berdasarkan dokumen-dokumen lama kerana ini adalah untuk membuktikan Malaysia mempunyai hak kedaulatan ke atas Batu Putih pada masa itu yang dibuat dan kes ini telah pun diputuskan.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Namun saya yakin dengan adanya kita mengemukakan tuntutan-tuntutan yang akan kita kemukakan pada suruhanjaya berkaitan ini, saya percaya peluang-peluang kita untuk mempertahankan kedaulatan kita di dalam kawasan perairan ini akan lebih kukuh lagi di masa hadapan.

Mengenai dengan kerajaan negeri dan persekutuan mengenai dengan isu royalti minyak, saya mohon maaf kerana ini termaktub di bawah Akta Perlombongan Petroleum 1969 dan ini adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri dan terkeluar daripada skop akta yang saya bantangkan pada hari ini. Begitu juga kedudukannya sama untuk negeri Sabah dan Sarawak. Mengenai dengan tuntutan Pulau Natuna yang disebutkan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya salah satu sebab kenapa kita ingin mengemukakan tuntutan kita supaya memperluaskan lagi hak perairan kita kepada 350 batu nautika berbanding dengan 200 batu nautika yang ada sekarang ini ialah untuk kita menjamin di mana hadapan jika ada tuntutan-tuntutan sama ada untuk Pulau Natuna atau lain-lain kepulauan di dalam perairan kita. Kita mempunyai hak-hak dan juga bukti-bukti yang lebih kukuh untuk mempertahankan hak kita dan saya percaya isu tuntutan oleh negara-negara jiran ini adalah satu yang akan berterusan dari semasa ke semasa. Dengan kita meluluskan akta ini, ia akan memperkuatkan lagi asas-asas dan peluang-peluang kita untuk mempertahankan tuntutan-tuntutan di masa hadapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang diberikan. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG FI (MAJLIS LATIHAN PERTANIAN KEBANGSAAN) (PENGESAHAN) 2009

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.36 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan bagi pemerakuan, kemahiran pekerja asing oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan semasa tempoh dari 25hb Januari 2006 hingga 8 Mac 2007 dibacakan kali kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila huraikan, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, tujuan Akta Fi (Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan) (Pengesahan) 2009 ini diwujudkan adalah untuk mengesahkan semua fi sejumlah RM1,220,685 yang dikutip sepanjang tempoh daripada 25 Januari 2006 hingga 8 Mac 2007. Ini merupakan langkah proaktif dan preventif bagi mengelakkan sebarang tindakan atau prosiding undang-undang yang boleh dibawa, dimulakan atau diselenggarakan terhadap kerajaan Malaysia atau mana-mana pegawai kerajaan Malaysia atau mana-mana orang yang bertindak di bawahnya atau mana-mana daripada di antara mereka berkenaan dengan apa-apa fi yang dikenakan dan dipungut semasa tempoh yang tersebut.

Di bawah Perkara 96 Perlembagaan Persekutuan, semua kutipan fi dan cukai perlulah disokong oleh sesuatu undang-undang Persekutuan manakala dalam hal ini, kutipan ini dilaksanakan sebaik sahaja menerima arahan daripada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing iaitu JKKPA yang bertarikh 5 Julai 2005 yang telah mengambil keputusan supaya semua pekerja asing yang sah dalam sektor pertanian yang ingin melanjutkan tempoh perkhidmatan mereka selepas lima tahun berkhidmat di negara ini perlu menjalani ujian kemahiran dan mesti diiktiraf sebagai pekerja mahir oleh Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia. Sebelum ini, tugas ini dijalankan oleh Kementerian Sumber Manusia.

Di samping itu, pihak Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan atau NATC telah pun mengambil langkah-langkah pentadbiran untuk mendapatkan kelulusan daripada Kementerian

Kewangan untuk meneruskan kadar fi sebanyak RM370 yang dikenakan ke atas setiap pekerja asing yang dinilai yang telah pun diamalkan oleh Kementerian Sumber Manusia sejak tahun 2003. Sehubungan dengan itu, NATC menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan Peguam Negara telah mengambil tindakan untuk mewartakan suatu perintah fi Perkhidmatan Perakuan Kemahiran Pekerja Asing, Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan tahun 2007 bertarikh 8 Mac 2007 selaras dengan seksyen 3, dan seksyen 10, Akta Fi 1951. Jumlah fi yang dikutip dimasukkan ke dalam akaun Amanah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan yang disatukan di bawah subseksyen 9(1) Akta Tatacara Kewangan 1957.

■1840

Sebahagian daripada amaun yang dikutip tersebut telah pun dibelanjakan bagi tujuan bayaran imbuhan kepada Pegawai Penilai sebanyak RM50 bagi setiap pekerja dinilai. Elaun perjalanan, makanan, dan penginapan, mesyuarat Jawatankuasa Perakuan Kemahiran Pekerja Asing, pakaian seragam untuk Pegawai Penilai, perolehan peralatan, percetakan sijil dan lain-lain. Dalam tempoh tersebut, seramai 3,299 orang pekerja asing telah dinilai dari tujuh buah negara yang melibatkan 10 bidang kemahiran dalam sektor pertanian. Daripada jumlah fi sebanyak RM1,220,685 yang telah dikutip, sejumlah RM480,716.37 telah digunakan untuk:

- (i) bayaran sewa hotel;
- (ii) honorarium kepada penilai;
- (iii) tuntutan lebih masa;
- (iv) untuk tuntutan perjalanan.

Tugas ini diberikan kepada NATC memandangkan ianya mempunyai sumber kepakaran yang mencukupi dalam semua subsektor pertanian. Bagi tujuan pelaksanaan tugas ini seramai 38 orang Pegawai Penilai terdiri daripada pesara-pesara dari agensi-agensi utama di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dilantik serta satu Jawatankuasa Perakuan Kemahiran Pekerja Asing yang diwakili oleh NATC, bahagian ITTP di kementerian Ketua Akauntan, Penasihat Undang-Undang dan agensi-agensi utama di bawah kementerian diwujudkan untuk meneliti laporan pegawai penilai dan mengeluarkan sijil perakuan kemahiran kepada pekerja-pekerja yang memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Tugas penilaian mula dijalankan pada 25 Januari 2006 dengan kadar bayaran berjumlah RM370 bagi setiap pekerja yang dinilai berdasarkan kepada kadar yang dikenakan oleh Kementerian Sumber Manusia sejak tahun 2003. Sehingga kini tiada bantahan daripada golongan sasaran ke atas amaun yang dikenakan tersebut. Tuan Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Maznah Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk mengesahkan pemungutan fi berkenaan dengan apa-apa perkhidmatan yang diberikan bagi pemerakuan

kemahiran pekerja asing oleh Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan semasa tempoh dari 25 Januari 2006 hingga 8 Mac 2007 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Ya Puan Mumtaz.

Puan Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma ada beberapa persoalan sahaja untuk ditanyakan tentang berkaitan dengan rang undang-undang ini. Pertama, bila disebut Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan, apakah sektor-sektor yang ditawarkan untuk kita memberi latihan kepada warga-warga asing ini di dalam sektor pertanian.

Kedua, daripada negara-negara manakah pekerja asing seramai 3,299 orang ini datang? Ketiga, sekiranya pemungutan fi dalam Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan ini masih lagi berkuat kuasa sehingga sekarang, berapakah jumlah warga asing yang masih mendapat latihan serta penilaian di bawah Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan sehingga sekarang? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang bercadang untuk berbahas. Kalau tidak ada silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

6.45 ptg.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih saya ingin ucapkan kepada Yang Berhormat Senator Puan Mumtaz atas beberapa persoalan tadi. Sebenarnya Yang Berhormat, NATC ini adalah satu kolej latihan yang ada di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan ianya meliputi semua subsektor yang ada di dalam Kementerian Pertanian iaitu pertanian, veterinar, perikanan dan semua termasuk MARDI dan sebagainya.

Sebenarnya tujuan pihak penilaian atau Kabinet telah meluluskan di bawah NATC untuk kita mengadakan satu pasukan penilai adalah kerana Kementerian Pertanian atau di bawah NATC ini ada satu bidang kemahiran merangkumi semua sektor *agro* makanan. Bagi makluman Yang Berhormat bahawa pekerja-pekerja asing ini adalah di dalam sektor *agro* makanan sahaja tidak termasuk kelapa sawit dan sebagainya. Jadi oleh yang demikian mana-mana pekerja-pekerja asing yang ada di dalam negara ini sebelum mereka dinilai atau ditambah permit itu selepas lima tahun, mereka seharusnya menjalani satu penilaian ujian di dalam sektor yang kami ada ini.

Jadi oleh yang demikian tempat yang terbaik adalah di bawah NATC dan sektor-sektornya seperti saya katakan tadi merangkumi semua sektor-sektor. Jadi kebanyakannya adalah di dalam tanaman, akuakultur, tanaman teh dan herba yang mengambil pekerja asing ini. Jadi negara-negara seperti Yang Berhormat hendak tanyakan pada masa ini yang dibenarkan adalah kebanyakannya daripada Filipina, Indonesia, India, Kemboja, Kazakhstan, Laos, Myanmar, Nepal, Thailand, Turkmenistan, Uzbekistan, Pakistan, Vietnam, dan Sri Lanka. Sri Lanka ini khasnya untuk tanaman teh sebab mereka ada kepakaran. Jadi Yang Berhormat sebenarnya pekerja asing ini sudah diambil dan untuk selepas lima tahun mereka perlu menjalani satu ujian.

Jadi kadang-kadang bagus jugalah cara sedemikian. Sebenarnya kami ini mengambil alih satu kerja di bawah Kementerian Sumber Manusia. Ini kerana mereka merasakan bahawa kami di

dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani khususnya NATC ini memang ada kepakaran di dalam bidang *agro* makanan. Jadi kita akan menilai setiap penilai ini akan pergi kepada di mana pekerja itu berada dan menilai. Jadi satu juga kerja-kerja ini kadang-kadang kami juga menilai dari segi tahap kesihatan. Kadang-kadang mereka ini apabila dinilai tidak berapa sihat atau kadang-kadang pegawai ini menilai dari segi keadaan kedudukan pekerja ini di ladang. Kadang-kadang ini adalah macam satu pengauditan, jadi kita membuat ini bagi pihak kerajaan.

Selepas dibuat penilaian, mereka dikeluarkan sijil dan sijil ini adalah satu dokumen yang diperlukan oleh Jabatan Imigresen sebelum dipertimbangkan untuk dipanjangkan, di *renew*. Jadi ini adalah kaedahnya dan bermakna sijil ini pada lima tahun pertama mesti ada ini dan selepas itu setiap tiga tahun mesti menjalani ujian. Jadi penilai-penilai adalah seramai 38 orang di seluruh negara dan kami mengambil penilai ini adalah pesara-pesara daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani di mana mereka ini adalah pakar di dalam bidang masing-masing. Mereka dibayar RM50 setiap pekerja asing yang dinilai.

Jadi syukur alhamdulillah setakat ini berjalan dengan lancar dan ini adalah sesuatu *job opportunity* dengan izin kepada pesara-pesara daripada kepakaran mereka tidak digunakan. Jadi Yang Berhormat itu adalah sedikit sebanyak dan bukannya memberi latihan tetapi menilai sama ada pekerja asing ini di layak tidak dibenarkan untuk disambung untuk bekerja di negara kita. Terima kasih Yang Berhormat.

■1850

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi di putuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang di bacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 dan 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang di laporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG**RANG UNDANG-UNDANG SURUHANJAYA HAK ASASI
MANUSIA MALAYSIA (PINDAAN) 2009****Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

6.54 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia dibacakan kali yang kedua sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan huraikan Yang Berhormat.

Tuan S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999 Akta 597 untuk menjadikan proses pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia lebih telus. Tuan Yang di-Pertua, seksyen 5, Akta 597 dicadangkan untuk dipinda dalam fasal 2, rang undang-undang dengan pindaan yang dicadangkan Perdana Menteri dikehendaki untuk berunding dengan Jawatankuasa yang di sebut dalam seksyen 11A sebagaimana yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini sebelum memberikan nasihatnya kepada Yang di-Pertuan Agong.

Pindaan dalam fasal 2 juga bertujuan untuk mengadakan peruntukan bahawa anggota suruhanjaya mestilah lelaki dan wanita dari pelbagai latar belakang agama, politik dan kaum serta mempunyai pengetahuan atau pengalaman praktikal dalam perkara yang berhubungan dengan hak asasi manusia.

Sebagai tambahan, anggota akan memegang jawatan selama tiga tahun berbanding dengan dua tahun pada masa ini. Pindaan yang dicadangkan ini turut bertujuan untuk membolehkan Perdana Menteri menentukan mekanisme yang sesuai untuk menilai prestasi anggota yang mesti diambil kira dalam pelantikan semula di bawah subseksyen 5(4) dan proses pemecatan di bawah seksyen 10, Akta 597.

Fasal 3, bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi menubuhkan jawatankuasa yang akan dirundingkan oleh Perdana Menteri berhubung dengan pelantikan anggota suruhanjaya sebagaimana yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini. Jawatankuasa ini hendaklah terdiri daripada Ketua Setiausaha Negara sebagai Pengerusi, Pengerusi suruhanjaya dan tiga orang anggota lain dari kalangan orang yang terkemuka yang dilantik oleh Perdana Menteri. Orang terkemuka ini termasuk bekas Hakim dan bekas anggota suruhanjaya.

Walau bagaimanapun, tiada orang yang terlibat secara aktif dalam politik dan berdaftar dengan mana-mana parti politik dan sedang atau pernah menjadi Pegawai Penguat Kuasa boleh dilantik untuk menjadi anggota jawatankuasa. Anggota jawatankuasa hendaklah berkhidmat

mengikut apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang dinyatakan dalam surat pelantikannya.

Pindaan dalam fasal 3 turut mengadakan peruntukan bahawa Perdana Menteri tidak terikat terhadap apa-apa pendapat, pandangan atau syor oleh jawatankuasa.

Fasal 4 bertujuan untuk mengadakan peruntukan pengecualian dan peralihan. Anggota suruhanjaya yang telah dilantik atau dilantik semula sebelum permulaan penguatkuasaan pindaan yang dicadangkan oleh rang undang-undang ini boleh terus memegang jawatan bagi tempoh perkhidmatannya. Bagi maksud pelantikan semula, anggota suruhanjaya yang sedang berkhidmat pada masa permulaan kuat kuasa pindaan layak untuk dilantik semula jika dia tidak pernah dilantik semula sebelum permulaan kuat kuasa pindaan yang di cadangkan oleh rang undang-undang ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan Akta 597 akan memberikan kesan positif kepada usaha kerajaan untuk meningkatkan ketelusan dalam pelantikan anggota suruhanjaya. Dengan pelantikan anggota suruhanjaya yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam hak-hak asasi manusia, maka usaha kerajaan untuk mempromosi hak asasi manusia akan tercapai.

Pindaan ini bukan sahaja dapat menambah baik suruhanjaya berkenaan supaya menjadi sebuah institusi yang lebih berkesan dalam melindungi dan mempromosi hak asasi manusia khususnya malah ia juga menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam meningkatkan imej hak asasi manusia negara amnya. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (1999) dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin selepas itu Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap.

7.00 mlm.

Dato' Gooi Hoe Hin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyokong rang undang-undang ini. Pendek dan ringkas sahaja saya hendak meminta beberapa penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tujuannya jelas, bermakna pelantikan anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia lebih telus, itu tujuannya.

■1910

Bermakna tertubuhnya sekarang, satu jawatankuasa untuk memberi nasihat kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya perhatikan bahawa dalam pindaan tersebut,

jawatankuasa itu terdiri daripada lima orang sahaja. Iaitu Ketua Setiausaha bertindak sebagai Pengerusi dan Pengerusi Suruhanjaya dan tiga orang terkemuka.

Saya hanya minta penjelasan, kemungkinan fahaman saya tidak begitu dalam untuk mengelakkan percanggahan kepentingan agar nasihat yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang sebenarnya juga nasihat itu tidak terikat. Bermakna keputusan mutlak masih terletak kepada Perdana Menteri. Jadi persoalan saya ialah mengapa Ketua Setiausaha Negara bertindak sebagai Pengerusi? Mungkin KSN adalah pegawai yang tertinggi. Mungkin KSN adalah pegawai yang terdekat kepada Perdana Menteri. Mungkin KSN yang tahu siapa itu pegawai penguat kuasa. Sebab dalam syarat, lima orang ini tidak terdiri khususnya di 1C, pegawai-pegawai penguat kuasa tidak boleh dilantik menjadi jawatankuasa.

Yang kedua, di seksyen 3, menyatakan bahawa anggota suruhanjaya hendaklah dilantik termasuk latar belakang agama, politik dan kaum. "Politik" di sini bermakna saya boleh masuk jadi anggotalah sebab saya juga ahli politik. Akan tetapi dalam jawatankuasa, untuk bertindak menasihati Perdana Menteri menyatakan orang yang aktif dalam politik atau berdaftar sahaja di mana-mana parti politik tidak boleh masuk dalam jawatankuasa penasihatlah bagi saya. Bermakna kita macam mana hendak seimbangkan. Mungkin orang politik dia aktif, tetapi dia pakar dalam hak asasi manusia. Sebab dia berjuang untuk kebebasan. Kita tahu bahawa kebebasan itu tidak mutlak, terbukti juga dalam Perlembagaan Persekutuan, tidak ada mutlak. Bagi saya kebebasan yang mutlak adalah kebebasan daripada kebuluran dan kebebasan daripada kemiskinan.

Jadi persoalan saya, akta ini seolah-olah menyekat orang politik menjadi jawatankuasa penasihat. Cukup terus terang. Mungkin ahli-ahli politik itu tidak begitu berfikiran waras. Saya tidak tahu. Yang kedua, katakan apa yang dicadangkan oleh jawatankuasa pelantikan ini kepada Perdana Menteri, dan Perdana Menteri tidak setuju. Apakah proses itu bermakna Perdana Menteri kembali balik kepada jawatankuasa untuk pilih orang yang lain? Dalam jawatankuasa untuk menilai seseorang itu menjadi anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, mekanisme bagaimana tapisan dijalankan? Pertama.

Yang kedua, apabila dilantik menjadi anggota suruhanjaya, apakah mekanisme untuk menentukan KPI supaya Anggota Suruhanjaya Hak Asasi Manusia itu benar-benar bebas? Dengan izin, *without fear or favor*. Supaya melaksanakan kebebasan hak asasi manusia itu sebaik-baiknya dengan sesempurnanya. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong rang undang-undang tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Dato' Gooi Hoe Hin. Silakan Datuk Maijol Mahap.

7.05 mlm.

Datuk Maijol Mahap: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong rang undang-undang untuk meminda Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia, iaitu Akta 597. Kerana saya nampak ia memberi penambahbaikan kepada akta suruhanjaya tersebut. Saya juga nampak pindaan ini adalah satu

lagi tindakan proaktif kerajaan untuk memastikan hak asasi manusia di Malaysia terus terpelihara. Ia sesuai dengan hasrat kerajaan kerana pada pagi ini saya pun terbaca akhbar mengatakan, bahawa Perdana Menteri yang baru Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, akan memberikan penekanan dalam pentadbirannya, aspek hak asasi manusia iaitu *human rights* dan kebebasan awam iaitu *civil liberties*, dengan izin.

Beliau juga mahu supaya *check and balances* diperbaiki di mana pihak-pihak tertentu tidak menyalahgunakan kuasa dengan sewenang-wenangnya. Dalam aspek ini beliau juga mengatakan, bahawa beliau akan mengkaji semula peruntukan ISA. Syabas dan tahniah kepada beliau atas pendirian dan pandangan yang luas ini.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana membawa rang undang-undang ini ke Parlimen. Cuma saya ingin tanya, apakah yang telah mendorong, *what prompted the ministry?* Mendorong kerajaan untuk memindah seksyen 5, akta ibu ini, adakah cara melantik yang dahulu, melantik ahli-ahli suruhanjaya sekarang ini tidak telus dan boleh dimanipulasikan?

Adakah ahli-ahli yang telah dilantik selama ini tidak sesuai? Di bawah seksyen 5 yang ada sekarang, pelantikan dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Akan tetapi rang undang-undang mencadangkan bahawa sebelum Perdana Menteri memberi nasihat kepada Yang di-Pertuan Agong, beliau hendaklah meminta pendapat dari jawatankuasa yang dilantik di bawah seksyen 11A. Saya rasa kaedah ini adalah tepat untuk menentukan adanya *check and balances*, dengan izin. Seperti juga amalan yang digunakan apabila Perdana Menteri melantik hakim-hakim Mahkamah Tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, tugas-tugas dan kuasa-kuasa suruhanjaya adalah seperti yang tertulis pada seksyen 4, Akta Ibu. Antara lain ialah untuk mempromosikan kesedaran tentang hak asasi manusia dan juga untuk menyiasat aduan mengenai pelanggaran mengenai hak asasi manusia. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil petikan definisi oleh bekas Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu iaitu Coffee Annan, tentang apakah dia hak asasi manusia?

Beliau menyatakan, "Bahawa hak asasi manusia adalah asas kepada kewujudan manusia dan kewujudan bersama manusia. Hak asasi manusia bersifat sejagat, tidak boleh dibahagikan dan saling bergantung. Hak asasilah yang menjadikan kita manusia berteraskan prinsip hak asasi manusia kita membina kesucian, maruah manusia". Tuan Yang di-Pertua, pengisytiharan hak asasi manusia sejagat UDHR, telah diisytiharkan dan diterima pakai oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 10 Disember 1948.

■1910

lanya berasaskan empat tunggak kebebasan daripada ketakutan dan kemahuan dan kebebasan bersuara dan kepercayaan. Ia menyenaraikan pelbagai hak asasi manusia daripada hak sivil dan politik sehinggalah hak ekonomi, sosial dan kebudayaan. Hak sivil dan politik seperti termaktub dalam UDHR adalah kebebasan daripada seksaan atau layanan atau hukuman yang zalim, tidak berperikemanusiaan atau menghinakan dan juga kebebasan daripada dikenakan

tangkapan tahanan atau pembuangan negeri secara sewenang-wenangnya dan juga kebebasan untuk bergerak dan juga hak untuk kebebasan berhimpun secara aman dan menubuhkan persatuan dan hak untuk mengambil bahagian dan kerajaan negaranya secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.

Hak ekonomi, sosial dan kebudayaan seperti termaktub dalam UDHR adalah hak untuk kehidupan berkeluarga, hak untuk keadaan-keadaan yang adil dan berfaedah, hak untuk satu taraf hidup yang memadai bagi kesihatan dan kebajikan diri dan keluarganya termasuklah makanan, pakaian, perumahan dan pengawasan perubatan dan juga hak untuk pelajaran dan hak untuk secara bebas mengambil bahagian dan dalam kegiatan kebudayaan masyarakatnya, menikmati kesenian dan semasa merasai kemajuan sains dan faedah-faedahnya. Tuan Yang di-Pertua, peruntukan-peruntukan dalam UDHR diakui di Malaysia selama mana ia tidak selaras dengan peruntukan-peruntukan dalam perlembagaan persekutuan. Ini dinyatakan dalam seksyen 4(4) dalam Akta Ibu. Di Malaysia hak asasi manusia adalah termaktub secara tidak sepenuhnya di dalam perlembagaan persekutuan. Ini diterangkan dalam seksyen 2 dalam Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia seperti berikut:

Hak asasi manusia merujuk kepada kebebasan asasi seperti mana yang termaktub dalam Bahagian II, Perlembagaan Persekutuan iaitu hak kepada kehidupan, hak kepada kebebasan peribadi, larangan terhadap perhambaan dan pekerja secara paksaan, perlindungan daripada undang-undang jenayah yang berkuat kuasa sebelum tarikh ia diluluskan oleh undang-undang jenayah, hak untuk kesamarataan di sisi undang-undang, larangan dari dibuang negeri, kebebasan bergerak, kebebasan bersuara, berkumpul dan berpersatuan, kebebasan beragama, hak-hak berkaitan pelajaran dan hak memiliki harta.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi satu daripada hak asasi manusia ialah hak untuk keadaan-keadaan pekerjaan yang adil dan berfaedah dan larangan terhadap perhambaan dan bekerja secara paksaan. Namun demikian apa yang saya perhatikan di negara kita di Malaysia ini ialah ramai kanak-kanak di bawah umur yang diambil sebagai pekerja. Kita boleh nampak mereka bekerja di kedai-kedai kopi, kedai-kedai runcit dan juga di ladang-ladang di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, mengambil pekerja di bawah umur adalah bertentangan dengan semangat hak asasi manusia.

Mengikut kajian saya telah dianggarkan seramai 158 juta kanak-kanak yang berumur lima hingga 14 tahun adalah diambil sebagai pekerja di seluruh dunia iaitu nisbah 1:6 kanak-kanak di dunia. Berjuta kanak-kanak terdedah kepada situasi atau *environment*, dengan izin, yang membahayakan iaitu di kawasan perlindungan, kerja mengendalikan bahan kimia dan racun rumput dan juga jentera yang berbahaya, misalnya 69 juta kanak-kanak terlibat dalam pekerjaan kanak-kanak iaitu *child labor*. Di *South Asia*, 44 juta kanak-kanak terlibat dalam pekerjaan kanak-kanak dan mereka ini biasanya datangnya dari kawasan miskin di luar-luar bandar. Berjuta-juta kanak-kanak bertugas dalam pekerjaan dalam rumah yang mana terdedah kepada eksploitasi dan salah guna atau pun *abused*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, keganasan terhadap kanak-kanak juga berlaku di seluruh dunia. Keganasan di dalam sekolah, rumah yatim piatu dan di luar rumah, *on the street*, dengan izin, di tempat kerja dan di penjara. Ada di antara keganasan ini berkesudahan dengan kematian. Tuan Yang di-Pertua, *child trafficking* atau pun penyeludupan kanak-kanak juga berlaku di seluruh dunia. Adalah dianggar bahawa 102 juta kanak-kanak di *traffic* kan atau diseludupkan setiap tahun di seluruh dunia. Disebabkan ada permintaan bagi penyeludupan kanak-kanak sebagai pekerja gaji murah iaitu *cheap labor* dan eksploitasi seksual. Tuan Yang di-Pertua, saya merasa lega kerana setakat ini masalah-masalah yang melanggar hak asasi manusia yang dikatakan tadi tidak berlaku di Malaysia. Kalau ada berlaku pun dalam skala yang kecil. Saya berharap agar SUHAKAM dan rakyat Malaysia akan terus memainkan peranan untuk memastikan bahawa masalah-masalah tersebut tidak terjadi di negara kita.

Namun demikian Tuan Yang di-Pertua memang ada yang berlaku. Pertama, saya sudah cakap tadi iaitu masalah kanak-kanak yang diambil sebagai pekerja iaitu *child labor*. Yang kedua, yang saya ingin sebut di sini ialah hak kanak-kanak untuk mendapatkan pendaftaran kelahiran. Tuan Yang di-Pertua, hak untuk mendapatkan nama peribadi dan kewarganegaraan adalah hak yang tidak boleh dipersoalkan. Namun mengikut kajian saya 51 juta kelahiran tidak didaftarkan setiap tahun kebanyakannya di negara-negara membangun.

Di Malaysia Tuan Yang di-Pertua, masih ramai kanak-kanak yang lahir dan tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan. Kanak-kanak yang lahir itu mempunyai hak untuk mendapatkan sijil kelahiran dan juga kad pengenalan. Oleh itu saya menyeru agar negara kita akan terus pro aktif dan agresif untuk mendaftarkan kelahiran kanak-kanak. Di Sabah misalnya masih ramai kanak-kanak belum didaftarkan kelahirannya dan tidak mempunyai kad pengenalan. Saya harap Jabatan Pendaftaran akan memainkan peranan yang lebih aktif dan pihak suruhanjaya hak asasi manusia atau SUHAKAM membuat pemantauan dan membolehkan pendaftaran tersebut dibuat dengan lancar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat tahu bahawa pihak SUHAKAM ingin mengesyorkan agar pelajaran hak asasi manusia ini dijadikan sebagai sebahagian daripada kurikulum sekolah dan ianya wajib disertakan di dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Saya ingin tanya kepada kementerian dan kerajaan apakah pendirian kementerian terhadap surat yang dibuat itu. Dengan kata-kata demikian saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya membahaskan pindaan untuk rang undang-undang Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999. Saya cuma ada beberapa perkara yang hendak dibangkitkan. Yang pertama berkaitan dengan di bawah seksyen 5 yang menyebut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menentukan mekanisme yang sesuai termasuk petunjuk-petunjuk prestasi utama. Jadi yang saya hendak tanyakan di sini ialah bila disebut petunjuk-petunjuk prestasi

utama ini apa petunjuk-petunjuk yang tidak ada prestasi sebab yang dilantik menjadi Ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia bagi sesi 2008 sehingga 2010 ini adalah orang-orang yang memang berprestasi.

Jadi apakah indikator-indikator yang disebut di sini yang akan diguna pakai. Kalau boleh pihak Yang Berhormat Menteri boleh nyatakan contoh-contoh sekiranya kita melihat hari ini banyak perkara yang berlaku dalam negara bila SUHAKAM memberikan sebarang pengesyoran. Kadang-kadang pengesyoran yang dibuat oleh SUHAKAM langsung tidak diberi perhatian, kadang-kadang diberikan perhatian. Jadi adakah kalau cadangan itu diberi perhatian baru dijadikan sebagai indikator untuk petunjuk-petunjuk prestasi utama ini bagi orang-orang ini boleh dilantik buat kali kedua kerana dalam yang asal mereka hanya boleh dilantik dua tahun sekali tetapi tidak dihadkan berapa kali tetapi untuk pindaan ini hanya boleh dilantik tiga tahun sekali dan sekali sahaja boleh diperbaharui. Jadi kita hendak tahu sebab ini yang kita hendak tengok dari segi 16 orang atau pun 20 orang yang bakal dilantik ini adalah orang-orang yang terutama khususnya memperjuangkan hak-hak asasi manusia.

Yang kedua, bila kita membincangkan soal hak asasi bagaimana pula kita boleh meletakkan satu syarat bahawa orang-orang yang berikut tidak boleh dilantik sebagai anggota jawatankuasa 1(c), (b). Mana-mana orang yang sedang atau pernah menjadi pegawai penguat kuasa untuk mana-mana orang yang sedang saya rasa kita boleh terima. Untuk mana-mana orang yang pernah menjadi pegawai penguat kuasa apa pula yang jadi *harm* nya kalau dia pernah jadi pegawai penguat kuasa sehingga tidak boleh menganggotai jawatankuasa ini kerana sepatutnya kalau pada pandangan kita sebagai *layman* ini, sekiranya dia sudah ada pengalaman sebagai pegawai penguat kuasa sepatutnya menolong untuk dia memberi prestasi yang lebih baik khususnya dalam memberikan cadangan pada pelantikan orang lain.

■1920

Ketiga berkaitan dengan sekarang ini kita baru sahaja mengalami peralihan kuasa daripada Tun Abdullah kepada Dato' Sri Najib yang boleh memberikan satu komitmen akan menilai semula Akta ISA. Jadi, saya minta kalau Akta ISA ini akan dikaji semula maka kajilah serentak dengan akta-akta lain yang telah diminta khususnya oleh wakil rakyat-wakil rakyat daripada Pakatan Rakyat termasuklah untuk OSA, Akta Mesin Cetak dan semua akta-akta lain yang berkaitan.

Jadi jangan kita kaji satu-satu sahaja kalau boleh serentak supaya perkara ini kita akan mendapat *rating* yang lebih tinggi dari segi *rating* antarabangsa. Di samping itu juga, mendapat satu jaminan kepada rakyat bahawa kerajaan benar-benar ikhlas hendak membela dan menaikkan khususnya berkaitan dengan hak asasi manusia kerana perkara ini kerap menjadi satu rungutan di peringkat antarabangsa bahawa negara kita ini kurang memberi penekanan kepada hak asasi manusia. Antara *indicator* untuk kita menilai sebuah negara itu negara maju ialah bagaimana negara itu melayan ataupun memberi hak kepada rakyat ataupun orang lain berkenaan dengan hak asasi manusia. Seterusnya juga saya ingin mengetahui apakah syor...

Datuk Akbar bin Ali: Boleh saya mencelah di sini? Terima kasih. Saya bersetujulah berkenaan dengan hak asasi ini perlu ditingkatkan. Namun begitu, dalam kita menyuarakan tentang memberi lebih banyak kebebasan, Saya harap ia dapat diseimbangkan pula dengan keamanan, keselamatan negara dan masyarakat itu sendiri. Saya harap ada keseimbangan antara dua perkara ini. Hal ini saya mohon pertimbanganlah. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa dalam kes ini Kerajaan Malaysia memang selalu akan memastikan. Ini kerana negara kita yang ada tiga kaum utama jadi perkara-perkara yang berkaitan dengan keamanan akan diberi perhatian. Walau bagaimanapun, jangan kita sampai mengabaikan dari sudut universal hak asasi manusia itu sendiri. Seterusnya, berkaitan dengan kuasa *recommendation* ataupun syor yang diberikan oleh SUHAKAM. Adakah dia mempunyai *weight* yang tertentu kepada kerajaan kerana yang melantik mereka adalah Perdana Menteri. Jadi kalau Perdana Menteri lantik kalau mereka bagi sebarang syor bagaimana *weight recommendation* mereka ini kepada kerajaan. Kalau tidak dibuat apa sebabnya, kalau dibuat, kenapa?

Jadi kita hendak tahu adakah bila pekerjaan yang dibuat 20 orang pakar sebegini sekurang-kurangnya mestilah ada satu jaminan. Ini maknanya bahawa bila mereka ini turun padang mereka ini memberikan *recommendation*, pihak kerajaan ataupun pihak tertentu mesti bertindak selaras dengan apa yang dicadangkan oleh pihak ahli-ahli Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. Seterusnya, berkaitan dengan kes kewarganegaraan di Sabah. Saya difahamkan di Jabatan Pendaftaran Negara, wujud satu unit yang dinamakan Unit Sabah khas untuk mengendalikan masalah kewarganegaraan orang-orang di Sabah yang bila kita hadir sendiri ke Sabah. Kita melihat masalah kad pengenalan kontrak, masalah anak ada surat beranak, emak bapa kadang-kadang tidak ada. Emak bapa ada, kadang-kadang anak tidak ada.

Komplikasi kepada masalah ini kadang-kadang mereka ini sudah berada di Malaysia lebih daripada 30 tahun. Masalahnya kadang-kadang bila ibu bapa ada kad pengenalan, anak tidak ada kad pengenalan sedangkan anak daripada bapa yang sama. Masalah harta, masalah kesahihan jadi banyak perkara yang berlanjutan daripadanya. Jadi, saya difahamkan untuk di bahagian pendaftaran ini memang ada unit Sabah. Jadi, saya hendak tanya berapakah kakitangan yang ditempatkan untuk mengendalikan masalah kes Sabah? Ini kerana saya rasa di negeri-negeri lain masalah kewarganegaraan ini tidak seteruk kes yang berlaku untuk Sabah. Jadi, kalau sudah tidak cukup kakitangan tambah kakitangan. Kalau masalah kakitangan okey apa sebenarnya halangan-halangan yang menyebabkan kalau dulu kita punya Yang Berhormat Senator Dayang Mahani, setiap kali bangun isu yang akan dibicarakan ialah kewarganegaraan dan isu PATI di negeri Sabah.

Jadi, kita mohon agar kita buat satu *target* tertentu bila masalah kewarganegaraan Sabah ini boleh selesai sekurang-kurangnya biar sama macam negeri-negeri lain. Agar tidak wujud manusia yang tidak punya langsung tidak punya kewarganegaraan. Sebenarnya mereka sudah pun belajar di Sabah dan baru-baru ini kita dengar Menteri Pelajaran sendiri memberikan

pengesahan bahawa mana-mana pelajar walaupun tanpa IC boleh teruskan pelajaran. Ini akan jadi satu perkara yang tidak selesai. Jadi, kalau boleh kita buat satu *target* sebelum tahun 2015, masalah isu Sabah ini. Kadang-kadang bila kita jumpa kes-kes yang sebenar di Sabah, mereka datang dengan kad pengenalan sementara sampai lima tahun, enam tahun belum ada status daripada kad pengenalan merah kepada biru.

Jadi, kadang-kadang isu yang dibentangkan itu lebih kurang sama. Saya hendak tahu dari segi hak asasi manusia di bawah Perkara 15 di mana pihak Bangsa-bangsa Bersatu sendiri menetapkan bahawa Perkara 15 setiap orang adalah 'berhak kepada suatu kewarganegaraan dan tiada siapa pun boleh lucutkan kewarganegaraannya secara sewenang-wenangnya atau dinafikan hak untuk menukar kewarganegaraannya'. Jadi, sekiranya mereka berminat untuk menjadi warganegara Malaysia kenapa pula kita yang memayahkannya. Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat yang telah membahaskan rang undang-undang ini. Kepada Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin saya ucapkan terima kasih kerana beliau telah menyentuh dua perkara asas yang menjadi tanda soal dalam akta ini.

Pertama adalah pelantikan anggota dan juga pengerusi jawatankuasa ini. Sebelum saya menjawab soalan ini ataupun pertanyaan ini. Ingin saya mengatakan bahawa hasrat rang undang-undang ini adalah untuk mengizinkan dan memudahkan cara proses lantikan anggota-anggota Suruhanjaya ini. Oleh kerana ada kemusykilan terhadap beberapa perkara maka jawatankuasa ini diwujudkan. Kalau dulunya kita hanya ada Perdana Menteri yang akan mengesyorkan anggota-anggota ini kepada Yang di-Pertuan Agong kini kita ada satu jawatankuasa yang akan membuat syor terhadap anggota-anggotanya kepada Perdana Menteri yang akan kemudiannya mengesyorkan kepada Yang di-Pertua Agong.

Untuk makluman Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin, saya ingin menceritakan bahawa Ketua Setiausaha Negara dijadikan Pengerusi. Pertama, kita kena tahu bahawa bukan beliau seorang yang akan membuat keputusan. Jawatankuasa ini pula dianggotai oleh empat orang lain selain beliau. Pertama, Pengerusi Suruhanjaya sendiri dan tiga orang anggota yang orang yang terkemuka yang dia mempunyai status dan juga penghormatan tinggi dalam kalangan masyarakat yang boleh terdiri daripada individu, bekas hakim, anggota Suruhanjaya mungkin dan juga daripada NGO. Wakil daripada persatuan-persatuan *civilian society*, dengan izin, yang kini mempunyai peranan yang penting dalam hak-hak asasi ini. Maka dengan adanya jawatankuasa maka keputusan pengerusi sendiri tidak akan menjadi induk dalam memberi pengesyoran ini.

Maka kita ada mekanisme *check and balance*, pertama. Kedua, dengan izin yang kedua ini saya rasa keadaan sekarang berbeza. Keadaan sekarang kalau lihat keterbukaan dengan konsep liberalisasi ini yang kini kita ada di kalangan masyarakat Malaysia melalui media yang

terbuka sekarang. Maka sebarang pelantikan itu perlulah difikirkan sedalam-dalamnya dan tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Maka dengan adanya kesedaran ini sudah tentunya hasrat dan juga harapan rakyat itu akan dijawab melalui pelantikan itu.

Maka saya yakin bahawa bagi pihak kerajaan kami yakin bahawa pelantikan ini melalui jawatankuasa ini adalah akan wajar dan akan menepati *the spirit of SUHAKAM*, dengan izinnya. Maka saya rasa satu lagi adalah Institusi Raja sendiri kini merupakan satu institusi yang memainkan peranan yang begitu penting dalam keseimbangan dan keadilan warga. Perkembangan baru-baru ini boleh kita lihat maka institusi ini sangat dihormati maka Yang di-Pertua Agonglah akhirnya akan beri perkenan. Perkenan terhadap jawatankuasa ini. Maka inilah saya rasa yang kedua ini Yang Berhormat Dato' Gooi Hoe Hin telah menanyakan mengenai KPI yang juga telah dipertanyakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz. Saya ucapkan terima kasih juga kepada beliau

■1930

Maka saya rasa bahawa hasrat ini, KPI dengan izin, adalah satu, untuk memastikan bahawa ada ketelusan. Kalau dulunya ada tanda soal mengatakan bahawa kenapa ada seorang sahaja yang melantik, kini kita ada satu proses di mana ketelusan itu terlebih terbuka dan lebih baik sekali untuk pelantikan ini.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Yang kedua ini, kita terpaksa mematuhi syarat-syarat yang diletakkan oleh dengan izin, *International Coordination Commission of National Institute for Promotion and Production of Human Rights* atau ICC, dengan kata singkatnya dan juga *Paris Principles* yang kini merupakan landasan utama terhadap menilai bagaimana negara-negara menjamin dan menjaga hak asasi manusia dipelihara dan dijaga. Kita tidak boleh keluar daripada rangkaian dan juga talian antarabangsa kini kerana ini adalah diilhamkannya oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dan dipelopori oleh Bangsa-Bangsa Bersatu dan apabila kita merupakan satu anggota negara yang menjadi anggota Bangsa-Bangsa Bersatu dan berdagang dengan negara-negara seluruh dunia, terpaksa kita pegang kepada beberapa prinsip yang menjadi induk kepada *the International Order* dengan izin.

Maka dengan itu, syarat-syarat ini perlu kita letak supaya kita menunjukkan ketelusan kepada badan-badan ini dan juga hasrat yang murni supaya hak asasi sama-sama kita pelihara. Walaupun saya setuju bahawa kita ada masalah seperti mana yang dikatakan oleh Yang Berhormat, memang kita ada masalah dari segi kad pengenalan, kerakyatan dan sebagainya, kita memang ada, kita belum sempurna dan kita terpaksa bekerja keras dalam soal-soal begitu.

Maka, seterusnya saya ingin menjawab beberapa soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Maijol Mahap, apakah yang mendorong kerajaan untuk meminda Akta 597. Saya sudah beritahu tadi dalam jawapan saya untuk Yang Berhormat Senator Dato' Gooi Hoe Hin, inilah hasratnya, tidak ada perkara-perkara selain daripada itu, cuma kita hendak memastikan bahawa kita lebih telus. Itulah sebabnya tempoh itu tiga tahun dan kita boleh melantik semula lagi

satu penggal sahaja, lepas itu tidak layak dan anggota yang sama tidak boleh menganggotai selepas dua penggal itu.

Ada juga isu yang membawa kenapa anggota politik dan juga ahli-ahli badan-badan politik yang tidak boleh menyertai. Saya rasa ini satu persoalan yang menarik bagi saya, maka ini adalah kerana bagi pihak saya, bagi pihak kerajaan, kita hendak neutral. Kita tidak mahu tidak ada *conflict of interest* dengan izin, dan kini ada pihak-pihak, badan-badan politik yang menggunakan *civil society* dan NGO sebagai wadah untuk mereka untuk mendapat sokongan. Maka kita tidak mahu, kerajaan tidak mahu kaedah-kaedah sebegini disalahgunakan untuk tujuan kepentingan politik. Maka elok kita melindungi jawatankuasa ini daripada bibit-bibit sebegini dan juga kita melindungi supaya bila kita nampak SUHAKAM ini di kalangan rakyat itu adalah satu badan yang dihormati dan boleh dianggap sebagai seorang yang memperjuangkan, badan yang boleh memperjuangkan hak asasi sebenarnya.

Selain daripada itu, isu PATI dan warganegara oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz, kami ambil maklum masalah-masalah itu dan kami akan membawa beberapa isu yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz mengenai Sabah, Kementerian Dalam Negeri dan sebagainya. Maka saya akan..., jumlah kakitangan itu mungkin boleh dijawab secara bertulis kepada Yang Berhormat dan pihak kerajaan akan menerima dengan hati yang terbuka mengenai cadangan untuk mengkaji semula akta-akta lain yang berkaitan dengan hak asasi ini seperti ISA dan juga komitmen Perdana Menteri baru kita untuk melihat dalam hari pertamanya sebagai Perdana Menteri adalah suatu yang positif yang kita sama-sama alu-alukan.

Untuk syor-syor SUHAKAM, sejauh manakah syor-syor SUHAKAM berkesan dalam di peringkat pelaksanaan. Saya yakin bahawa banyak syor-syor SUHAKAM telah diambil kira dalam penggubalan dasar pelbagai kementerian berkaitan dengan hak asasi manusia dari segi perundangan. Itu sebab kalau kita nampak sekarang, kita ada penggubalan undang-undang Suruhanjaya Anti Rasuah. Kemudian kita ada Suruhanjaya Judiciary, kemudian kita kini ada, hari ini saja kita nampak *bill-bill*, rang undang-undang yang menampakkan hasrat murni itu. Maka, saya yakin bahawa dasar-dasar ini akan diambil kira. Selain daripada itu juga penguatkuasaan, segala syor-syor SUHAKAM yang dibawa ke depan walaupun kes individu, kes institusi, kes agensi akan diambil kira dan memastikan penguatkuasaannya lebih berkesan. Maka inilah perkara-perkara yang dibuat untuk memastikan hasrat itu dapat kita realisasikan.

Saya rasa saya sudah menjawab perkara-perkara yang telah dipertanyakan oleh semua ketiga-tiga ini. Cuma satu lagi apakah mekanisme yang digunakan dalam menentukan pelantikan anggota suruhanjaya, ini adalah satu yang lain yang ditanya. Mekanisme yang diguna pakai bagi tujuan pelantikan semula sedang dalam kajian oleh pihak kerajaan, namun demikian antara mekanisme yang telah dikenal pasti yang akan di perkenalkan adalah laporan yang dikemukakan oleh Pengerusi SUHAKAM terhadap penglibatan anggota selaras dengan seksyen 4(2) Akta 597. Orang awam juga boleh memberi laporan mengenai penglibatan anggota SUHAKAM dalam

mempromosi dan mempertahankan hak asasi manusia dan sejauh manakah anggota SUHAKAM berbuat demikian. Maka, kriteria yang akan diguna pakai dalam pelantikan ini:

- (i) pengetahuan dalam *international relations, international law*;
- (ii) sumbangan seseorang itu mempromosikan hak asasi manusia. Pengalaman beliau dalam hal-hal berkaitan dengan kanak-kanak, wanita, pelarian dan sebagainya;
- (iii) mempunyai nilai moral yang tinggi dengan izin, *morally outright*; dan
- (iv) keupayaan dalam profesion mereka.

Ini adalah beberapa komponen yang akan digunakan, ciri-ciri yang akan digunakan untuk pelantikan. Maka dengan itu saya mengucapkan terima kasih kepada semua anggota yang telah berbahas. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal diserahkan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (PINDAAN) 2008

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dr. Hou Kok Chung]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh terus huraikan.

7.41 ptg.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2008. Tuan Yang di-Pertua, Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 atau Akta 555 telah mula dikuatkuasakan pada 31 Disember 1997. Penguatkuasaan akta ini adalah bertujuan untuk mengawal selia, dan membangunkan sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia.

Di dalam akta ini, telah digariskan antara lain prosedur penubuhan, pendaftaran, pengurusan, pengawalseliaan kawalan kualiti pendidikan yang ditawarkan oleh sesebuah institusi pendidikan tinggi swasta atau singkatannya IPTS. Selain itu, akta ini turut memperuntukkan kuasa kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengambil tindakan perundangan terhadap IPTS yang didapati melakukan kesalahan atau melanggar peraturan-peraturan dan syarat-syarat yang ditetapkan.

Perkembangan sektor pendidikan pengajian tinggi swasta telah memberi sumbangan yang besar kepada modal insan negara. Sehingga 31 Disember 2008 terdapat seramai 39,852 orang pelajar yang mengikuti pelbagai peringkat pengajian di IPTS, berbanding seramai 403,009 di Institusi Pengajian Tinggi Awam. Bagi tempoh sehingga akhir bulan Februari 2009, terdapat 506 buah IPTS yang berdaftar iaitu 19 bertaraf universiti, empat kampus cawangan universiti luar, 18 bertaraf universiti kolej, dan 465 buah institusi kolej.

Dari sudut lain pula, sektor pendidikan tinggi swasta mendukung tugas yang penting dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, khususnya melalui pengambilan pelajar antarabangsa. Berdasarkan maklumat sehingga 31 Disember 2008, sejumlah 70,259 orang pelajar antarabangsa sedang mengikuti program pengajian di negara ini. Daripada jumlah ini, seramai 49,916 orang berada di IPTS, dan selebihnya 20,343 orang di IPTA. Bagi memastikan pindaan cadangan ini dapat memenuhi keperluan *stakeholders*, Kementerian Pengajian Tinggi telah mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak yang berkepentingan, khususnya wakil persatuan-persatuan IPTS dalam penggubalan pindaan ke atas Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta 555 adalah diperlukan untuk memperkemas peruntukan sedia ada, khususnya bagi memenuhi keperluan semasa sektor pendidikan tinggi swasta di Malaysia. Selain itu, pindaannya juga didorong dengan hasrat untuk mengukuh dan memperjelaskan lagi bidang kuasa Kementerian Pengajian Tinggi sebagai organisasi yang bertanggungjawab ke atas urusan kawal selia hal-hal berkaitan pengajian tinggi swasta.

Satu lagi faktor penting yang mendorong Kementerian Pengajian Tinggi mengusulkan pindaan ini adalah untuk menyelaraskan beberapa peruntukan dalam Akta 555, dengan peruntukan dalam Akta Agensi Kelayakan Malaysia 2007, akta 679 yang telah dikuatkuasakan pada 30 Ogos 2007. Antaranya ialah peruntukan berhubung keperluan mendapatkan Perakuan Akreditasi bagi setiap program pengajian yang ditawarkan, serta pelaksanaan di institusi di mana

telah melibatkan perubahan besar dalam prosedur kerja di Kementerian Pengajian Tinggi, dan Agensi Kelayakan Malaysia ataupun singkatannya MQA iaitu *Malaysian Qualification Agency*, dengan izin.

Pindaan yang dicadangkan dalam rang undang-undang ini, akan mendorong kepada pencapaian lima matlamat utama iaitu:

- (i) memperkemas dan memperluas skop akta;
- (ii) kekurangan kerenah birokrasi;
- (iii) mempertingkatkan ketelusan;
- (iv) mempertingkatkan sistem *governance* IPTS;
- (v) memantapkan kebajikan dan tatacara kelakuan pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tafsiran dalam Akta 555 perlu dipinda bagi memperkemas dan memperjelaskan skop akta. Di antaranya adalah tafsiran kursus pengajian yang perlu dipinda, agar ianya selaras dengan Akta MQA. Pindaan Akta 555 yang dibawa sekarang juga, akan menetapkan bahawa orang perseorangan tidak boleh mengemukakan permohonan untuk menubuhkan IPTS, seperti yang sedia ada. Akan tetapi ianya hendaklah dibuat oleh syarikat yang diperbadankan. Ini adalah bagi memastikan agar pemohon akan lebih serius dalam cadangannya untuk menubuhkan IPTS. Selaras dengan perkembangan beberapa bahasa antarabangsa dan juga bagi menarik lebih ramai pelajar antarabangsa mengikuti pengajian di IPTS, pindaan Akta 555 akan memberi kelonggaran kepada IPTS, untuk menggunakan lain-lain bahasa sebagai bahasa penghantar, selain daripada bahasa Malaysia, tertakluk kepada keputusan Menteri.

Walau bagaimanapun, bahasa Malaysia akan dijadikan mata pelajaran wajib, sekiranya IPTS menggunakan lain-lain bahasa sebagai bahasa penghantar. Pindaan Akta 555 juga akan memberi fleksibiliti kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk menetapkan mata pelajaran wajib yang perlu diajar di IPTS. Ini berdasarkan perkembangan dan keperluan semasa, berbanding dengan peruntukan yang sedia ada, yang menetapkan mata pelajaran wajib sebagai khusus. Ia juga akan memberikan fleksibiliti kepada Kementerian Pengajian Tinggi, untuk menyeragamkan pelajaran wajib antara IPTS dan IPTA dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, menerusi cadangan pindaan Akta 555 ini, matlamat untuk mengurangkan proses kerja dan kerenah birokrasi dapat dicapai melalui penurunan kuasa meluluskan permohonan bagi mengendalikan kursus pengajian daripada Menteri kepada Ketua Pendaftar. Proses baru ini juga sekali gus memberi ruang kepada IPTS mengemukakan rayuan ke peringkat Menteri sekiranya permohonannya ditolak oleh Ketua Pendaftar.

Selain itu, tempoh masa untuk mendaftarkan sesebuah IPTS juga dipendekkan ke tiga tahun, berbanding lima tahun pada masa ini. Ini adalah untuk memastikan agar pengusaha IPTS benar-benar serius untuk terlibat dalam sektor pendidikan, dan tidak melengahkan operasinya. Ke arah mempertingkatkan ketelusan dalam proses membuat keputusan, rang undang-undang ini menetapkan agar Ketua Pendaftar memaklumkan kepada IPTS, alasan-alasannya apabila setiap permohonan IPTS ditolak.

Penetapan ini akan menghindar daripada timbulnya persoalan-persoalan negatif yang mungkin dikaitkan apabila keputusan penolakan dibuat oleh Ketua Pendaftar. Selain itu, ia juga akan membantu IPTS untuk memperbaiki kekurangan atau kelemahan mereka berdasarkan kepada alasan-alasan penolakan dinyatakan secara terus.

■1950

Pindaan akta ini akan mempertingkatkan lagi sistem *governance* IPTS. Dalam hubungan ini, peranan dan bidang tugas Ketua Eksekutif dalam mentadbir IPTS akan dinyatakan dengan lebih jelas setelah pindaan dilaksanakan. Daripada semasa ke semasa, Kementerian Pengajian Tinggi akan menjalankan audit ke atas IPTS seiring dengan audit institusi yang dijalankan oleh MQA. Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan Akta 555 turut mengambil kira perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan pelajar dan tatacara kelakuan mereka melalui pindaan tersebut. Proses tindakan disiplin ke atas pelajar akan dilaksanakan secara lebih telus dan hak asasi pelajar untuk mendapatkan keadilan dalam sesuatu prosiding tatatertib turut diperjelaskan seperti berikut:

- (i) hak untuk diberitahu alasan sesuatu tindakan disiplin diambil ke atasnya;
- (ii) hak untuk diwakili oleh mana-mana pekerja atau pelajar lain semasa kes perbicaraan;
- (iii) hak untuk membuat presentasi secara lisan atau bertulis;
- (iv) hak untuk membuat rayuan bertulis kepada Ketua Pendaftar; dan
- (v) hak untuk diberitahu keputusan sesuatu perbicaraan dan rayuan.

Rang undang-undang ini juga memperjelaskan penglibatan pelajar IPTS dalam persatuan dan organisasi di mana ditetapkan supaya Perlembagaan sesebuah IPTS tidak boleh mempunyai larangan untuk pelajar menjadi ahli sesuatu pertubuhan, persatuan atau organisasi sama ada di dalam atau di luar negara. Walau bagaimanapun, pelajar adalah dilarang untuk terlibat dengan entiti-entiti berikut:

- (i) parti politik sama ada di dalam atau luar negara;
- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau luar negara; dan
- (iii) pertubuhan badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh Ketua Pendaftar sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Ketua Eksekutif dalam konteks ini bertanggungjawab untuk menyampaikan kepada pelajar senarai pertubuhan yang tidak sesuai yang telah ditetapkan oleh Ketua Pendaftar. Meskipun terdapat larangan ke atas pelajar untuk berpolitik, namun rang undang-undang ini masih memberikan pengecualian. Kuasa untuk memberi pengecualian ini akan dilaksanakan oleh Ketua Pendaftar. Dalam menjalankan kuasa tersebut, Ketua Pendaftar atas permohonan pelajar boleh memberi kebenaran untuk terlibat dalam parti politik. Ini akan membolehkan seseorang ahli politik

yang bergiat dalam mana-mana parti politik untuk mendaftar sebagai pelajar di IPTS tanpa perlu melepaskan kerjaya politiknya.

Pindaan yang dicadangkan menerusi rang undang-undang ini juga akan memberikan kebebasan kepada pelajar untuk bersuara dalam hal yang berkaitan dengan perkara akademik yang berhubungan dengan perkara yang pelajar itu terlibat dalam pengajian atau penyelidikannya. Pelajar juga adalah dibenarkan untuk memberi pendapat dalam seminar, simposium dan sebagainya. Dengan syarat seminar atau simposium tersebut tidak di anjur atau ditaja oleh entiti-entiti berikut:

- (i) parti politik sama ada di dalam atau di luar negara;
- (ii) pertubuhan yang menyalahi undang-undang sama ada di dalam atau luar negara; dan
- (iii) pertubuhan badan atau kumpulan yang dikenal pasti oleh Ketua Pendaftar sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau universiti.

Rang undang-undang ini akan turut memperkenalkan peruntukan berhubung penggantungan pelajar yang menghadapi tuduhan atas kesalahan boleh daftar dan perkara-perkara yang berhubungan dengan penahanan. Dalam hal ini, Ketua Eksekutif dibenarkan untuk mengguna budi bicara sama ada untuk menggantung seseorang pelajar yang didakwa atau mengambil tindakan tatatertib terhadap pelajar yang disabitkan atas kesalahan boleh daftar iaitu kesalahan jenayah yang berat seperti mencuri, merogol, menculik dan sebagainya.

Rang undang-undang ini juga akan turut menyediakan peluang kepada pertubuhan pelajar yang telah diberikan notis oleh Ketua Pendaftar untuk digantung atau dibubarkan mengemukakan rayuan bertulis kepada Menteri bersabit dengan keputusan Ketua Pendaftar. Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan matlamat yang telah saya sebutkan tadi, Kementerian Pengajian Tinggi telah mengenal pasti 45 seksyen untuk dipinda bagi memperkemas, memantapkan, merombak dan memansuhkan beberapa peruntukan sedia ada serta menambah peruntukan baru.

Kementerian Pengajian Tinggi juga berkeyakinan bahawa pindaan-pindaan yang dicadangkan ini akan dapat menjadi landasan dan seterusnya memacu Malaysia menjadi pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Tuan Yang di-Pertua: Dato' Dr. Firdaus dan kemudian Datuk Akbar.

7.56 mlm.

Profesor Dato' Dr. Firdaus bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya ingin mengemukakan beberapa soalan yang secara langsung atau secara tidak langsung ada kaitannya dengan pindaan yang dicadangkan ini. Yang pertama, sebagaimana disebutkan tadi bahawa Bahasa Melayu atau Bahasa Malaysia dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di 506 IPTS ini. Yang saya ingin tahu, siapakah yang menentukan menetapkan *syllabus* bahasa yang hendak diajarkan di sekolah-sekolah berkenaan dan daripada 506 IPTS ini, adakah yang tidak mematuhi peraturan ini dan kalau ada, bagaimana, apa langkah-langkah yang diambil untuk memastikan supaya syarat pelajaran Bahasa Melayu ini dipatuhi.

Saya juga ingin bertanya Tuan Yang di-Pertua, mata pelajaran wajib untuk warganegara. Adakah mata pelajaran wajib untuk negara-negara sama sifatnya dengan mata pelajaran wajib untuk pelajar-pelajar yang bukan warganegara. Sefahaman saya, Bahasa Melayu dianggap sebagai mata pelajaran wajib bagi semua sama ada warganegara atau bukan warganegara. Akan tetapi barangkali ada mata pelajaran dalam kuliah yang tidak semestinya wajib bagi pelajar-pelajar asing tetapi wajib untuk pelajar-pelajar kita. Sudahkah ini diambil kira umpamanya tentang pelajaran Sejarah, pelajaran yang ada kaitannya dengan pembinaan negara bangsa, *nation building* untuk warganegara kita supaya dengan demikian, pelajar-pelajar kita yang belajar di IPTS tempatan ini tidak terlalu dengan izin, *abruled* untuk memastikan kefahaman mereka tentang negara ini masih tetap utuh.

Kemudian, saya juga ini bertanya Tuan Yang di-Pertua iaitu tadi disebut tentang tindakan *auditing* yang dilakukan terhadap IPTS-IPTS ini. Daripada tindakan-tindakan, langkah-langkah *auditing or audition* apa yang tepat saya tak pasti. Saya ingin tahu sebanyak apakah didapati peristiwa-peristiwa ketidakpatuhan atau *non-compliance incidents* yang berlaku dalam proses *auditing* yang dilakukan ini terhadap 506 IPTA ini. Kemudian juga persoalan saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua ialah langkah-langkah yang diambil untuk menjaga kualiti pelajaran dan pengajaran di IPTS-IPTS berkenaan untuk memastikan supaya jangan hendaknya IPTS itu lebih merupakan, dengan izin, *business venture rather than educational venture*.

Sebab saya katakan begitu mungkin ada kecenderungan setengah-setengah IPTS untuk memastikan kolejnya, universitinya laku, maka direndahkan umpamanya direndahkan syarat kemasukan, direndahkan syarat kelulusan peperiksaan dan seumpamanya. Jadi apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan supaya kualiti ini terjamin. Sebagai contoh, katalah ada satu universiti terkenal di luar negeri yang mempunyai cawangan di sini. Adakah dipastikan supaya kualiti yang dikenakan, yang diwujudkan di luar negeri itu juga dipastikan berlaku di negara kita. Ertinya, dengan demikian pelajar-pelajar yang mengikuti IPTS terutama IPTS dari kampus-kampus asing di luar negara tidak mendapat diploma atau ijazah atau *degree* yang cair, yang *melted down*, dengan izin. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Akbar.

■2000

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ada beberapa soalan. Pertama sekali pindaan akta ini membenarkan bahasa-bahasa lain selain daripada bahasa kebangsaan sebagai dengan izin, *medium of instruction*, dengan kelulusan Menteri. Soalan saya di sini ialah saya rasa kebanyakan IPTS akan menggunakan klausa ini untuk diambil kesempatan supaya bahasa-bahasa lain akan dibenarkan untuk digunakan sebagai *medium of instruction*. Soalan saya ialah bagaimana kita hendak menyeimbangkan dengan usaha kerajaan untuk memartabatkan dan mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Kedua, sambung kepada Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus cakap tadi, saya hendak bagi bukanlah *empirical evidence* tetapi berdasarkan *hearsay* sesungguhnya ada usaha di kalangan IPTS untuk menjadikan ia lebih menarik untuk mendapatkan *student* terutamanya berhubung dengan *twinning program*. Pelajar-pelajar *dicoach* tentang bakal-bakal soalan yang akan keluar dan bagaimana hendak menjawabnya. Dengan cara inilah maka kadar kelulusan itu agak tinggi bagi IPTS-IPTS tertentu. Jadi ini harus dipastikan, dipantau supaya kualiti yang dimaksudkan tadi terus terjamin.

Ketiga, berkenaan dengan PTPTN. Stude IPTS juga layak mendapat PTPTN dan kebanyakan *student* IPTS ini pada persepsi saya adalah anak orang berada. Di sini ada tiga perkara yang ingin saya kemukakan. Pertama, tolong pastikan bahawa tidak berlaku penyelewengan oleh IPTS, di mana wang PTPTN yang disalurkan kepada IPTS disalahgunakan kerana kemungkinan sebahagian daripada IPTS ini wujud *on paper*.

Kedua, berkenaan dengan pinjaman diberikan kepada anak-anak orang yang berada. Ada dua isunya di sini. Pinjaman PTPTN yang diberikan oleh pihak kerajaan dan kadar faedah yang dikenakan sebanyak 1% itu adalah merupakan subsidi untuk membantu stude ini. Saya difahamkan pinjaman yang dibuat oleh kerajaan dibayar sekurang-kurangnya 4% hingga 5% kepada pihak yang meminjamkan. Katakan 5% maka kerajaan *subsidize* 4% kerana faedah yang dikenakan ke atas stude hanyalah 1%.

Ini amat bagus untuk menolong anak-anak orang miskin, tetapi bagi anak-anak orang kaya saya rasa ini sesuatu yang tidak harus diteruskan terutama kita mempunyai peruntukan yang terhad. Justeru itu saya ingin cadangkan supaya bagi anak-anak orang kaya pinjaman diberikan mungkin atas nama orang tuanya dan bayaran dimulakan sebaik-baik pinjaman itu dibayar pada bulan pertama seperti mana yang dikenakan oleh pihak bank apabila pinjaman pendidikan diluluskan. Dengan ini kerajaan tidak menanggung kerugian yang berpanjangan kerana bayaran dibuat segera tidak selepas penuntut itu lulus dan bekerja.

Keduanya, saya rasa eloklah kerajaan tidak terus *subsidize* anak-anak orang kaya ini, tetapi cukuplah dengan membantu memberikan pinjaman dan mereka itu tidak pula perlu dikenakan kadar *commercial rate*, tetapi dikenakan kadar yang sama seperti dibayar oleh kerajaan. Yang demikian kerajaan tidak menanggung kerugian dan mengikut perkiraan saya

berdasarkan *cut-off* tertentu kerajaan boleh menjimatkan kira-kira RM30 juta setahun dengan mengenakan kadar yang sama, kadar yang dibayar oleh kerajaan kepada pihak yang dipinjam dan RM30 juta ini bersamaan dengan 1,770 buah rumah PPRT yang boleh diberikan kepada orang miskin termasuk keluarga Orang Asli. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat untuk menjawab dan gulung.

8.04 mlm.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus dan juga Yang Berhormat Datuk Akbar bin Ali kerana mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Ada beberapa soalan yang saya cuba jawab.

Untuk menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus dan kini khusus bagi Bahasa Malaysia, khususnya *syllabus* nya adalah ditentukan oleh MQA. Setakat kita dapati tiada IPTS yang melanggar ataupun tidak mengikut peraturan yang MQA tetapkan. Untuk warga asing dan juga Warganegara Malaysia mereka mempunyai *syllabus* Bahasa Malaysia I dan Bahasa Malaysia II. Inilah perbezaannya. Bagi warganegara asing kami lebih mementingkan komunikasi secara berkesan. Untuk warganegara memang standardnya lebih tinggi.

Untuk kursus wajib dan pindaan ini adalah untuk memberikan *flexibility* mengenai penawaran mata pelajaran wajib mengikut perkembangan semasa. Pada masa ini penawaran mata pelajaran wajib adalah terhad kerana ia dinyatakan secara khusus dan yang kami rasakan penting ialah hasil pembelajaran. Inilah kursus wajib yang KPT ingin rancang supaya ia mengikut perkembangan semasa dan...

Tuan Yang di-Pertua: Sesuailah perbahasan ini, yang mengambil bahagian 100% Ph.D belaka. Jadi, eloklah. Yang berucap pun Ph.D yang jawab pun Ph.D.

Dr. Hou Kok Chung: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan berkenaan dengan *auditing* yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Profesor Dato' Dr. Firdaus, ini memang merupakan satu perkara yang kami rasakan sangat penting sebab daripada *auditing* yang kita lakukan sekurang-kurangnya sekali atau dua kali setiap tahun kita akan lakukan ke atas kolej-kolej ataupun institusi-institusi yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya berikan satu contoh yang kami dapati ada IPTS yang telah mengambil pelajar yang tidak mengikut kelayakan minimum yang ditetapkan oleh MQA.

IPTS yang dikesan mengambil pelajar yang tidak mempunyai kelayakan minimum telah melanggar Akta 55 ini. Ia telah didapati bersalah dan kita telah denda mereka sebanyak RM50,000. Sehingga kini sebanyak lima buah IPTS telah pun dikenakan tindakan. Ini adalah untuk kita menjaga kepentingan pelajar dan kami rasa ini sangat berkesan. Kalau kita lihat dengan bilangan yang kita dapati bersalah dibandingkan dengan dahulu, yang buat aduan itu kini memang banyak berkurangan.

Daripada audit ini kita juga dapat menjaga semua kolej supaya pelajar yang mereka sedia ada ini mencukupi. Kita dapati pada masa dahulu banyak kolej ditutup sebab mungkin pelajarinya

tidak mencukupi. Untuk mengawal keadaan ini berlaku, audit ini memang membantu. Daripada pengauditan terkini juga kita mendapati ada 108 buah kolej yang mempunyai kurang daripada 50 orang pelajar. Kami pihak KPT telah menasihatkan supaya kolej-kolej tersebut digabung supaya mereka lebih dapat menghadapi cabaran dalam keadaan yang ada sekarang ini.

Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Datuk Akbar, bagi saya kerja-kerja MQA memang baik sekali. Kursus *twinning* program mesti dijaga oleh MQA dan kursus yang mereka tawarkan sekarang semuanya melalui satu proses yang di antaranya *Quality Program* akan ditentukan melalui sembilan aspek, iaitu:

▪ **2010**

- (a) visi, misi dan *educational goes*;
- (b) reka bentuk kurikulum dan penyampaian;
- (c) penilaian pelajar;
- (d) pemilihan pelajar dan perkhidmatan sokongan;
- (e) staf akademik;
- (f) sumber pendidikan;
- (g) pemantauan program;
- (h) kepimpinan *governance* dan pendidikan; dan
- (i) *continual quality improvement*.

Penilaian ini juga kita lihat sejauh manakah program yang ditawarkan memenuhi hasil pembelajaran yang ditetapkan. Ini memang merupakan kerja MQA yang kita rasa mereka telah dapat berfungsi dengan begitu baik.

Untuk cadangan-cadangan Yang Berhormat Datuk Akbar, kami akan kaji semula dan tengok macam mana kita boleh memajukannya. Ini adalah sebab dari sekarang PTPTN memang mempunyai satu syarat ataupun yang tertentu dan nampaknya semua pelajar, kalau mereka tidak ada untuk melengkapinya semua keperluan, mereka akan diberikan PTPTN ini.

Dari segi ini lebih ramai pelajar menikmati semua kemudahan seperti ini. Inilah soalan yang saya rasa, kalau saya tidak jawab bolehlah saya jawab secara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

Fasal-fasal 1 hingga 46 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, maka selesailah tugas-tugas yang diamanahkan kepada kita untuk disempurnakan. Maka saya bagi pihak Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua juga saya kira tidak meleset jika bagi pihak kerajaan jua di atas segala jasa dan pengorbanan Yang Berhormat dapat diluluskan semua undang-undang yang kerajaan hendak bentangkan di Dewan ini.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan tamat tempoh perkhidmatan dan kita dukacita tidak dapat bertemu wajah di perkarangan Parlimen ini. Namun kita mendoakan selamat maju jaya dan terus memperjuangkan demi kepentingan bangsa dan negara... [*Tepuk*] Bangsa Malaysia! Bangsa Malaysia!

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditetapkan. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 8.16 malam.